

TINTA PREMIER

www.psa.mypolycc.edu.my

PASSIONATE, SYNERGIZE & AGILE

EDISI 2/2021 Bil. 4



ISSN 2773-5249



@pssaa



@psa_pssaa



@PSA_PSSAAS



@PSA TV

TIM PENERBITAN

Penasihat

Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail
Ts. Roseman bin Mat Jidin

Penyelaras

Dr. Ainul Haezah binti Noruzman

Editor

Norhayati binti Majid

Senarai Penulis

Herlina Aininawati Binti Zakaria
Nazratulhuda binti Hashim
Mohammad Fahmy bin Ibrahim
Rohana binti Khalid
Ts. Salhana binti Sahidin@Salehudin
Ts. Asmira bin Ashari
Hjh. Nor Zarina binti Pitdin
Normasita binti Sulaiman
Nariman binti Haji Daud
Hjh. Julia binti Marjuki
Natasya Mariz binti Mohamed
Norazlina binti Jaafar
Zaharatul Akmar binti Zainuddin
Zarinah binti Zaini
Noraslinda binti Harun
Khiruddin bin Amdan
Dr. Baharuddin bin Mustapa
Ts. Dr. Norasiah binti Muhammad
Dr. Siti Khalijah binti Jamal
Ustaz Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria
Ustazah Masitah binti Ali
Shahida binti Sharuddin
Julianti binti Samsudin
Norsyila binti Rashid
Jamaliah binti Jaafar
Noor Haznida binti Abu Bakar
Azalela binti Punari
Khairul Ariffin bin Jamaluddin
Mariana binti Rosdi
Ahmad Khairi Aswad bin Ishak
Suaiza binti Khairi
Zetty Rohaiza binti Mohd Sahak@Ishak
Giha binti Tardan
Hazlina binti Harumaini
Suryani binti Ilias
Siti Mariam binti Rajab
Zurena binti Lemen
Mazni binti Muhammad
Norazila binti Mad
Lee Yong Yong
Mohd Nor Aqmal bin Razali

Muhammad Afiq Faisal bin Mohd Ilias
Norlina binti Ahmad
Azleena binti Basiron
Salinah binti Salleh
Muhammad Taufiq Aiman bin Khairulnizam
Hani Musfirah binti Haizal
Hanis Nur Hanani binti Mohamad Razali
Ayunie Farhana binti Mohd Arif

Fotografi

Halmy Effendy bin Rasol

Grafik

Mohd Firdaus bin Sedet



Tinta Premier

© Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Edisi 2 2021 Bilangan 4
ISSN 2773-5249

Tinta Premier bertujuan menyebarluaskan pencapaian semasa PSA dalam melonjakkan kecemerlangan PSA sebagai Politeknik Premier.

KANDUNGAN

PEMBUKA BICARA KETUA PENGARAH PARADIGMA PENGARAH

UTAMA

Perdana Menteri sambut baik penglibatan Politeknik bantu mangsa banjir
PSA rangkul anugerah Politeknik Terbaik Keusahawanan AKKPT 2021
PSA wakil JPPKK ke Ekspo 2020 Dubai

FOKUS

YB Menteri Pengajian Tinggi santuni mangsa banjir dan petugas PPS PSA
Warga PSA santuni mangsa banjir di Shah Alam
Warga PSA sumbang bantuan banjir di Bentong, Pahang

PSA PRIHATIN: WE CARE WE SHARE

Siswa PSA terima bantuan Mahasiswa Anak Selangor
Misi menghantar pulang pelajar IPT sempena cuti semester 2020/2021
Staf prihatin sumbang yuran siswa Sesi Disember 2021
Warga ikhtiar bantu siswa tenat
Terima kasih SIRIM bantu kami
Menteri Pengajian Tinggi prihatin siswa asnaf
PSA membuka Pusat Pemindahan Sementara

KECEMERLANGAN INSTITUSI DAN STAF

Tahniah! BFM lepasi audit MBOT
Tahniah! DPR berjaya lalui audit panel penilai luar MQA
Tahniah! PSA berjaya 1st Surveillance Audit ISO 45001:2018 (OSH)
DPM lalui Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh secara dalam talian
Tahniah BFM! lepasi audit MBOT secara dalam talian
PSA perkasa pengurusan kualiti melalui Integrated Excellence Management System (IEMS)
Lawatan akademia ke Politeknik Sultan Ahmad Shah dan Kolej Komuniti Kuantan beri impak positif pada PSA

KECEMERLANGAN AKADEMIK

Jom sambung belajar di PSA
Tahniah Centre of Research & Innovation (CRI)!
Kolokium Harta Intelek 2021 secara dalam talian
Tahniah Dr. Fadhilah! Pembentang Terbaik di ICENTROID 2021
Program Preparing the Experts bukti kejayaan industri akademia terlaksana
Kursus Penulisan dan Penerbitan Buku
FITAC serah 34 ebook kepada Perpustakaan Ibnu Khaldun
Muhammad Firdaus Naim graduan pertama Program Techno Huffaz Politeknik Malaysia
Siswa OKU Techno Huffaz PSA Johan Pertandingan Hafazan Al-Quran peringkat antarabangsa

BERITA SEMASA

Kursus Penulisan Aktiviti Kerja Harian Menggunakan Sistem eBDR
Catatan pengalaman Ts. Asmira sebagai sukarelawan di PPV Mega KLCC
PSA capai imuniti kelompok, 86 peratus pelajar lengkap divaksinasi
Majlis Penutupan Minggu Suai Kenal Sesi 1 2021/2022 secara dalam talian
Syarikat kawalan keselamatan komited pastikan PSA selamat

RANGKUMAN AKTIVITI

Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021

- Pengarah melancarkan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021
- PSA anjur Kuiz Kemerdekaan & Hari Malaysia secara dalam talian
- Pertandingan Air Tangan Semarak Merdeka 2021
- Bacaan Surah Al-Mulk sempena Sambutan Kemerdekaan

- Pertandingan Swafoto Merdeka
- 64000 Langkah Merdeka 2021
- Pertandingan Foto Kayuhan Merdeka
- Kayuhan Basikal 64 Kilometer
- Pengarah merasmikan Penutupan Bulan Kemerdekaan PSA 2021

Sambutan Bulan Akademia 2021

- Pengarah melancarkan Sambutan Bulan Akademia Zon Tengah
- PSA raih dua kemenangan dalam PolyCCTube
- TKPP JPPKK lawat Innovation & Commercialization Centre (ICC) dan tapak rumah Timtech PSA
- TVET-Industry Collaboration Engagement (TICE) 2021
- Dato' Seri KSU sampaikan Anugerah Akademia kepada staf PSA
- Pendigitalan pendidikan Politeknik bagi merealisasikan agenda pendigitalan pendidikan negara
- Majlis Penutupan Bulan Akademia Zon Tengah dibuat besar-besaran

GALERI

- Positifkah aku Siri 1
- Positifkah aku Siri 2: Anda berhak bahagia & gembira
- Stress: tekanan vs semangat
- Klinik Transformasi Diri Siri 1 Akademik & Disiplin Diri
- Klinik Transformasi Diri Siri 2 Pengurusan Kewangan
- Video jom urus stress
- Video tip kawal kemarahan
- Video persediaan Bekerja Dari Rumah (BDR)
- Stress: tekanan vs semangat
- Webinar Video Presentation Using Ms PowerPoint
- Webinar Pemantapan SPMP Dalam PDP
- Ulasan buku keagungan zikir dan doa harian Rasulullah
- Sesi latihan penggunaan perkhidmatan pangkalan data Sciedencedirect (ebook dan jurnal)
- Kempen pendigitalan bahan terbitan jabatan
- Certified in IOT gateway for smart factory
- Certified in AI and machine learning
- Advance industrial internet of things (IIOT) Siemens Tia portal programming with semantic IOT2040
- Computer vision and deep learning
- Webinar Jom Cari Kerja bersama PERKESO
- JKA diundang sebagai Juri 6th International Built Environment Undergraduate Research Competition (BEURC) o JKA anjur 1 student 1 senaman #mahasiswa aktif
- Taklimat promosi Unit Beruniform PSA Sesi 2 2021/2022
- Webinar pelaksanaan eBengkel dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- Bacaan Yasin cara Bahasa Isyarat
- Sokongan Unit Pengurusan Psikologi kepada PPS PSA

SUKAN DAN REKREASI

PSA ungguli woodball persahabatan di PTSS
 Tahniah pemenang Dilwali Woodball Challenge 2021!
 PSA Johan di e-Karnival Pandu Puteri Klover Cawangan Selangor

MODAL INSAN

Pergerakan staf

- Berpindah Keluar
- Bertukar Masuk
- Lantikan Baharu
- Bertukar Dalaman
- Cuti Belajar
- Bersarang
- Meninggalkan
- Teknologis Profesional

PSA bangga 90% pensyarah naik pangkat

PSA hargai staf dengan anugerah

- Anugerah Akademia
- Anugerah Bitara
- Anugerah Tokoh Khas TVET

Kelahiran anak

Pencen

- Selamat bersara Datuk Seri KSU o Jasamu dikenang Pn. Fatimah Bahari, Pn. Norsham Hassan dan Pn. Hanizah Anaitullah

Belasungkawa

- Takziah Allahyarham Muhammad Afiq, siswa JKM
- Takziah Allahyarham Hajah Amidah Ujang, mantan Timbalan Pengarah Akademik

Pembelajaran sepanjang hayat

- Yasin Hour
- Kelas Asas Tajwid bersama Pn. Halimah Ismail
- Tadabbur Al-Quran Journey to Jannah Siri 1 dan 2

POSTER

Inovasi P&P

Cuti umum dan perayaan

Pengurusan maklumat

- Link Techno Huffaz
- ePsychology

SEKALUNG PENGHARGAAN

- Perasmian Majlis Konvokesyen Kali ke 22



Pembuka Bicara



Assalamualaikum wbt dan Salam Keluarga Malaysia

Sukuan ketiga dan keempat tahun 2021 menyaksikan PSA telah membuka pintu untuk kemasukan pelajar secara berperingkat. Perlaksanaan ini berikut arahan kerajaan melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi menggembungkan kerjasama seluruh anggota masyarakat dan Kerajaan dalam usaha melaksanakan strategi peralihan keluar fasa pandemik. Tidak dinafikan, banyak cabaran perlu ditempohi oleh pelajar kita khususnya dalam mengadaptasi norma baharu dan perlaksanaan strategik bagi mendepani risiko dan mendepani krisis. Pendekatan ini telah menghadkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PDP) secara bersemuka, secara tidak langsung memberi kesan negatif kepada kesejahteraan dan mental pelajar. Walaubagaimanapun, JPPKK prihatin akan masalah ini dan telah melaksanakan beberapa program antaranya Program KPT Prihatin Keluarga Malaysia dan Program Food@Keluarga Malaysia dan Program VACC2CAMPUS kepada warga KPT dalam usaha menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar serta warga pendidik.

Tahniah kepada semua staf yang telah divaksin dan menerima suntikan dos penggalak vaksin bagi mengekang wabak pandemik di politeknik. Bersama-sama kita tetap menjaga SOP dan patuhi peraturan yang ditetapkan sewaktu bekerja di pejabat dan sekiranya melaksanakan tugas-tugas semasa bekerja dari rumah juga perlu mematuhi pekeliling yang telah ditetapkan sebagai penjawat awam.

Ketika isu COVID-19 reda seketika, PSA sekali lagi diuji dengan musibah banjir. Hujan yang turun tanpa henti selama dua hari berturut-turut menenggelamkan banyak kawasan terutamanya di kawasan yang rendah seperti yang berlaku di Seksyen 23 dan 25, di Shah Alam dan Meru, Klang. Musibah ini bukan sahaja memusnahkan harta benda malah ada nyawa yang melayang. Syukur semua staf PSA yang terkesan musibah banjir selamat daripada akibat yang lebih parah lagi. Semoga kepada mangsa yang terkena musibah ini dapat melalui ujian ini dengan sabar dan tabah.

Sekalung penghargaan saya tujuarkan kepada PSA kerana telah memberikan khidmat terbaik dengan menjadi Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Semasa lawatan saya ke sana dapat saya lihat komitmen padu dari warga PSA menguruskan PPS tersebut. Syabas sekali lagi. Semoga kesepaduan warga PSA dapat diterus dikekalkan.

Syabas dan tahniah kepada staf PSA yang terus cemerlang melaksanakan program samada secara dalam talian maupun secara hybrid seperti aktiviti PSA Prihatin, Sambutan Kemerdekaan PSA 2021, Sambutan Bulan Akademia, Majlis Konvokesyen PSA Kali ke 22.

Akhir kalam, saya mengucapkan terimakasih, tahniah dan penghargaan kepada semua pihak khususnya kepada sidang redaksi penerbitan Tinta Premier Edisi 2/2021 ini. Selamat Maju Jaya dan jumpa lagi dalam edisi yang akan datang. Tahniah!

TS. ZAINAB BINTI AHMAD
KETUA PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Paradigma Pengarah

Assalamualaikum wbt dan Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya TINTA PREMIER edisi 2/2021 berjaya diterbitkan. Keluaran TINTA PREMIER kali ini merupakan lakaran semangat warga PSA dalam meneruskan kecemerlangan setelah hampir dua tahun pelbagai aktiviti terjejas ekoran pandemik COVID-19.

Selaras dengan kelonggaran yang diberikan kerajaan khususnya memasuki Fasa Pelan Pemulihan Negara, PSA terus mengorak langkah menghidupkan kembali suasana kampus. Pelbagai aktiviti diadakan namun dengan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. Di samping itu, penggunaan teknologi digital juga kian melonjak dan semakin dibudayakan di PSA. Dalam hal ini, saya melihat pensyarah-pensyarah sangat proaktif dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) tetap berjalan dengan lancar. Sepanjang tempoh ini juga, pelbagai inovasi dihasilkan malah program-program tetap diteruskan dalam suasana norma baharu melalui penggunaan teknologi digital masa kini.

Antara program berimpak tinggi yang berjaya kita laksanakan termasuklah pertandingan Polycc Tube 2021 yang turut berjaya menarik penyertaan antarabangsa Sambutan Bulan Akademia 2021 serta Majlis Konvokesyen ke-22 yang telah menghimpunkan seramai 2,818 graduan melalui 13 sidang konvokesyen yang diadakan.

Tahun 2021 turut melakarkan kejayaan manis buat PSA apabila berjaya merangkul anugerah Politeknik Terbaik Keusahawanan sempena AKKPT 2021 sekaligus berjaya membawa pulang wang tunai keseluruhan berjumlah RM 110,00.00. Saya juga telah dijemput mewakili JPPKK untuk bersama-sama delegasi Kementerian Pengajian Tinggi ke Minggu Pendidikan, Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung pada 12 hingga 18 Disember 2021. Peluang menyampaikan Pocket Talks bertajuk "Malaysia - Destination for TVET Education" membuktikan keupayaan Politeknik sebagai peneraju institusi TVET yang unggul sekaligus sebagai penyumbang terbesar TVET negara.

Namun, dalam keadaan kita gembira dengan pelbagai kejayaan yang diraih di samping kelonggaran yang diberikan, negara dikejutkan dengan bencana banjir luar jangka khususnya di Shah Alam. Syukur, kedudukan kampus PSA yang agak tinggi menyebabkan PSA tidak terjejas dan dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi mangsa banjir yang terdiri daripada warga PSA dan penduduk berhampiran. Kerjasama jitu dari pelbagai pihak di samping pengurusan yang cekap menjadikan PPS PSA mendapat maklum balas yang cukup positif. Terima kasih kepada semua staf dan pelajar yang menjadi sukarelawan PPS serta Misi Bantuan Banjir PSA yang telah kita gerakkan.

Syabas dan tahniah saya ucapan kepada seluruh warga PSA sama ada pihak pengurusan, pensyarah, kakitangan sokongan mahupun siswa siswi sekalian yang telah bertungkus lumus dan berganding bahu dalam melonjak kecemerlangan PSA. Tidak lupa juga pihak KPT, JPPKK serta industri yang sentiasa memberi sokongan jitu. Hasil kerjasama dan sinergi inilah yang terus meletakkan PSA pada kedudukannya yang tersendiri dan terus menjadi institusi pilihan.

Sekalung penghargaan juga buat semua pihak yang bertungkus lumus dalam menerbitkan TINTA PREMIER bagi edisi kali ini. Kepada penyumbang artikel dan maklumat, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen dan perkongsian anda. Selamat membaca dan bertemu lagi dalam keluaran yang akan datang. Ingatlah COVID-19 masih ada. Patuhi SOP dan belajarlah untuk hidup bersama virus ini dengan mengamalkan kawalan kendiri yang betul.

Kembang senduduk hanyut ke hulu,
Petir di hilir hari nak hujan;
Kepalang duduk menuntut ilmu,
Pasir sebutir jadikan intan.



DR. HJ. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL

PENGARAH

POLITEKNIK PREMIER SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH



PERDANA MENTERI SAMBUT BAIK PENGLIBATAN POLITEKNIK BANTU MANGSA BANJIR

Sumber : Redcili Online



HULU LANGAT, 26 DISEMBER 2021- Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob menyambut baik penglibatan para pelajar dan kakitangan Politeknik Malaysia dalam membantu mangsa banjir di negeri-negeri yang terjejas khususnya di Selangor dan Pahang. Beliau berkata demikian kepada Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail ketika membuat tinjauan kawasan terjejas banjir di sekitar Hulu Langat pagi tadi.

Dalam pertemuan tersebut, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail berkata seluruh Politeknik Malaysia melalui inisiatif KPT Prihatin turun padang bagi membantu mangsa-mangsa yang terjejas. "Politeknik dan Kolej Komuniti bertindak berdasarkan arahan dan penyelarasan yang dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Kami telah berjaya untuk membantu mangsa banjir yang terjejas dengan tumpuan utama diberikan kepada warga JPPKK termasuklah staf, pelajar dan komuniti setempat." Kami juga menerima sokongan yang padu daripada seluruh Politeknik dan Kolej Komuniti dengan memberikan bantuan sama ada kewangan, peralatan ataupun tenaga kerja," ujarnya ketika diminta mengulas mengenai iniastif tersebut.





Pasukan sukarelawan PSA yang diketuai oleh Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail tiba di Sri Nanding, Hulu Langat bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan serta menyerahkan bantuan berupa makanan, keperluan asas, alatan pembersihan serta wang tunai hasil sumbangan warga PSA, jabatan serta agensi kerajaan, syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta orang awam. Ini adalah kali ketiga pasukan sukarelawan PSA turun ke Sri Nanding bagi membantu kerja-kerja pembersihan berikutnya kawasan ini merupakan antara yang paling teruk terjejas akibat banjir serta hampir menenggelamkan rumah penduduk.

Program menyantuni mangsa banjir merupakan sebahagian daripada Program PSA Prihatin: We Care We Share yang bertujuan membantu dan meringankan beban mereka yang terkesan akibat banjir yang berlaku baru-baru ini. Program ini juga sejajar dengan Misi Bantuan Bencana Banjir PolyCC Malaysia yang digerakkan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara hasil aspirasi inisiatif KPT Prihatin yang digerakkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Perdana Menteri tiba di Hulu Langat sekitar jam 9.50 pagi bagi meninjau rumah penduduk dan menyantuni mereka yang masih lagi bertungkus lumus membersihkan kediaman masing-masing yang terjejas banjir Sabtu lalu. Turut hadir, Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani bin Abdullah Sani dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi bin Buang.



PSA RANGKUL ANUGERAH POLITEKNIK TERBAIK KEUSAHAWANAN AKKPT2021

Oleh: Herlina Ainizawati binti Zakaria
Pegawai Perhubungan Awam

SHAH ALAM, 22 DISEMBER 2021 - Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) merangkul anugerah Politeknik Terbaik Keusahawanan dalam Majlis Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi 2021 (AKKPT2021) yang diadakan di Hotel Marriott, Putrajaya malam tadi.

Kemenangan tersebut membolehkan PSA membawa pulang wang tunai berjumlah RM100,00.00, trofi serta hadiah iringan di samping wang tunai RM10,000 selaku finalis. Menurut Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail, kemenangan tersebut membuktikan bahawa keusahawanan menjadi tunjang utama di PSA dalam melahirkan pelajar yang holistik dan berminda keusahawanan. "Pelbagai inisiatif telah dijalankan untuk memperkasakan ekosistem keusahawanan di PSA. Ini termasuk perancangan strategik keusahawanan dengan model FITC iaitu Funding, Innovation, Technology dan Collaboration yang dibangunkan selaras dengan aspirasi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 dan Garis Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu,"





Sementara itu, Ketua Pusat Keusahawanan Premier PSA, Zaharatul Akmar Ahmad Zainuddin berkata, penjenamaan semula Unit Pembangunan Keusahawanan kepada Pusat Keusahawanan Premier yang bernaung secara langsung di bawah Pengarah PSA juga menunjukkan bahawa agenda keusahawanan menjadi fokus utama dalam melahirkan usahawan pelajar sebagai pencipta pekerjaan sama ada semasa masih dalam pengajian apatah lagi setelah bergelar graduan. "Kemenangan ini menjadi pemangkin untuk kami mengekalkan kecemerlangan dan kita akan meneruskan pelan tindakan keusahawanan yang telah dirancang untuk membangunkan lebih ramai usahawan pelajar yang berjaya seperti Muhammad Meor Fazrul (Meor Legacy), Muhammad Aiman Abdullah (Dye Sublimition Printing), Intan Maisara Abdul Halim (Butter & Cake), Mira Arina Arman (Satay Adam Corners) dan ramai lagi," Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dalam ucapannya berkata usaha menyokong agenda keusahawanan di institusi pengajian tinggi (IPT) akan dipergiatkan di semua peringkat bagi melahirkan lebih ramai usahawan berkemahiran tinggi.

Ujarnya, usaha itu akan melahirkan lebih banyak syarikat pemula yang ditubuhkan oleh pelajar, serta mampu bersaing dalam pasaran yang lebih kompetitif dalam tempoh lima tahun akan datang. AKKPT2021 adalah platform pengiktirafan tertinggi KPT terhadap komitmen jitu dan usaha tanpa jemu IPT, tenaga pengajar, para pembimbing, pelajar dan graduan, untuk memperkasakan agenda keusahawanan di IPT, selain meningkatkan persaingan sihat dan menyuburkan semangat keusahawanan. Lima kategori dipertandingkan iaitu Institusi Terbaik Keusahawanan, Perusahaan Pelajar Terbaik, Perusahaan Graduan Terbaik, Mentor Usahawan Terbaik dan Projek Usahawan Sosial Terbaik.

PSA WAKIL JPPKK KE EKSPON 2020 DUBAI

Oleh : Ts. Salhana Binti Sahidin@Salehuddin
Ketua Pusat Perancangan Strategik

Tuan Pengarah, Dr. Hj Mohd Zahari Ismail, telah mewakili Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk bersama-sama delegasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke Minggu Pendidikan, Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung pada 11 hingga 19 Disember 2021. Ekspo 2020 Dubai adalah anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Education Malaysia Global Services (EMGS) yang diadakan di Malaysia Pavilion, Tapak Ekspo Dubai (UAE). Sebanyak 36 institusi dan agensi pendidikan menyertai delegasi Malaysia ke ekspo tersebut yang bertemakan "Education for Sustainable Development".

Tuan Pengarah bersama-sama wakil delegasi KPT telah membuat kunjungan hormat ke pejabat Dato' Mohd Tarid Sufian, Duta Besar Malaysia di Emiriah Arab Bersatu dengan diketuai oleh Dato' Prof. Dr. Husaini Omar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. Kunjungan tersebut turut disertai oleh Datin Noorazah Omar, Setiausaha Bahagian Perhubungan Antarabangsa KPT dan Encik Mohd Radzlan Jalaludin, Ketua Pegawai Eksekutif EMGS. Kunjungan ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada pihak kedutaan berhubung penyertaan delegasi Kementerian Pengajian Tinggi ke Minggu Pendidikan, Ekspo 2020 Dubai dan pengisian program sepanjang minggu tersebut.

Penglibatan delegasi Politeknik dan Kolej Komuniti bagi sesi forum, penerangan ringkas (pocket talks), persidangan dan pemandanan perniagaan (business matching) merupakan sesi perkongsian maklumat berkaitan program-program pengajian yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti, serta pencapaian semasa di dalam dan luar negara. Di samping itu, beliau turut diberi peluang untuk menyampaikan pocket talks bertajuk "Malaysia - Destination for TVET Education" di Amphitheatre, Malaysia Pavilion pada 14 Disember 2021.

Sepanjang berada di Dubai, beliau juga telah mengunjungi Education Malaysia, Dubai dan menyertai makan malam bersama Delegasi Malaysia di The Oaks Ibn Battuta Gate Hotel, Dubai dan Networking Dinner di Hotel Grand Hyatt, Dubai.





Penyertaan Dr. Hj Mohd Zahari bin Ismail sebagai wakil JPPKK juga membawa bersama objektif utama jabatan iaitu pemantapan hubungan antarabangsa di samping membuka peluang mempromosikan pendidikan TVET yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Penglibatan JPPKK dalam Ekspo 2020 Dubai ini telah memperlihatkan kewujudan Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai peneraju utama TVET di Malaysia.

Ekspo 2020 Dubai ini dilihat telah memberi peluang kolaborasi baharu dalam bidang pendidikan TVET negara dengan beberapa agensi di UAE dan negara peserta antaranya Abu Dhabi Centre for Technical and Vocational Education and Training (ACTVET) Dubai, University of Belgrade, Serbia, EXEED ECX, Dubai dan Eton Institute, Dubai.

Di samping itu, Ekspo 2020 Dubai telah memberi impak kepada jabatan dan negara dari aspek mobiliti pelajar dan pensyarah di peringkat antarabangsa, enrolmen pelajar antarabangsa khususnya dalam bidang TVET daripada UAE, peluang kepada pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti untuk melanjutkan pelajaran ke UAE dengan tajaan, membuka peluang untuk mengadakan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuklah mengadakan seminar, penyelidikan dan perkongsian kepakaran di antara JPPKK dan institusi serta agensi TVET UAE yang terlibat.

Secara keseluruhannya penyertaan delegasi JPPKK ke Ekspo Dubai 2020 telah mencapai sasaran jabatan. Delegasi telah berjaya membawa jenama TVET Kementerian Pengajian Tinggi terutamanya dari Politeknik dan Kolej Komuniti ke peringkat antarabangsa. Perkongsian melalui pocket talks, penyebaran maklumat melalui brosur dan business matching telah membawa hasil yang sangat cemerlang. Syabas dan tahniah kepada Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail sebagai wakil Malaysia amnya dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti khususnya kerana telah berjaya memartabatkan pendidikan TVET Malaysia ke peringkat antarabangsa.



YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI SANTUNI MANGSA BANJIR DAN PETUGAS PPS PSA

Oleh : Herlina Ainizawati binti Zakaria

Pegawai Perhubungan Awam

20 Disember 2021 - Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad meluangkan masa melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) pada Ahad lalu yang dibuka di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).

Sebaik tiba di PSA sekitar jam 8 malam beliau diberi taklimat sebelum terus menyantuni mangsa-mangsa banjir serta menyerahkan beg sumbangan berupa keperluan peribadi dan penjagaan kesihatan. Datuk Seri Dr. Noraini turut berkesempatan beramah mesra dengan petugas-petugas serta sukarelawan siswa PSA. Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Ts. Zainab Ahmad yang turut serta dalam lawatan tersebut berkata, Politeknik dan Kolej Komuniti mempunyai kemudahan dan terpanggil untuk membantu mangsa-mangsa banjir.

"Apabila PSA diminta untuk menjadi PPS, PSA terus bertindak dan saya melihat para pelajar dan staf mempunyai motivasi yang cukup tinggi untuk membantu dan saya kira itu satu tindakan yang sangat murni dan wajar kita lakukan," ujarnya.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Dato' Seri Abdul Razak Jaafar. PPS PSA mula beroperasi sejak 18 Disember lalu dan sehingga kini seramai 373 mangsa yang terjejas telah ditempatkan. Pembukaan PPS ini selaras dengan aspirasi KPT Prihatin yang sentiasa bersedia untuk bersama-sama membantu Keluarga Malaysia yang sedang terkesan ketika ini.





WARGA PSA SANTUNI MANGSA BANJIR DI SHAH ALAM

Oleh : Herlina Ainizawati binti Zakaria
Pegawai Perhubungan Awam

25 Disember 2021 - Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail bersama isteri Hjh. Rusiah Saad serta pengurusan PSA telah melawat ke rumah staf PSA di sekitar Shah Alam yang terjejas teruk akibat banjir. Antara staf yang terlibat adalah Pn. Norhayati Majid di Seksyen 23, Pn. Siti Mariam Rajab di Seksyen 33, Hjh. Nor Zarina Pitdin di Kg. Lombong, Pn. Norfaezah Ghani di Kg. Lombong Bijih dan En. Mohd Hafizi Harun di Seksyen 17. Hujan lebat yang melanda Shah Alam dari Jumaat 17 hingga 18 Disember 2021 telah menyebabkan banjir hingga ke paras pinggang dan dada.

Bantuan berupa keperluan asas serta wang tunai hasil sumbangan warga PSA dan orang ramai turut diserahkan kepada staf yang terkesan. Dalam lawatan tersebut, Hjh. Rusiah Saad selaku Pengerusi Puspanita PSA turut menyerahkan sumbangan peribadi kepada mangsa banjir lebih-lebih lagi memahami situasi mangsa yang mempunyai anak-anak yang masih kecil, baru berkhatan dan masih dalam pantang. Sumbangan ini sedikit sebanyak meredakan kesedihan staf yang kehilangan harta benda dan bergelut membersihkan rumah pasca banjir.





Selain itu staf yang turut terkesan banjir kali ini adalah En. Mohammad Sakiman (JKE), Pn. Khairul Azliyana Abas (JMSK), Noor Maznifaisya Malek Shah (UBI), Pn. Nor Parasila Ahmad Kamali (Perpustakaan Ibnu Khaldun), Pn. Nurul Sazwani Samsuddin (UBI), Siti Bariah Bakar (Unit Kewangan), Pn. Nur Aslina Zainuddin (JPENT), Pn. Mahyuni Mohd Idris (UTM), Murusinida Che Mood (UTM), Pn. Rosni Kimin (JPENT) dan En. Mohamad Azrin Baharuddin (FITAC). Wakil pengurusan PSA telah mengunjungi semua rumah yang terjejas banjir untuk menyampaikan sumbangan dan membantu membersihkan rumah mangsa.

Program menyantuni mangsa-mangsa banjir merupakan sebahagian daripada Program PSA Prihatin: We Care We Share yang bertujuan membantu dan meringankan beban mereka yang terkesan. Program ini juga sejajar dengan Misi Bantuan Bencana Banjir PolyCC Malaysia yang digerakkan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara.



WARGA PSA SUMBANG BANTUAN BANJIR DI BENTONG, PAHANG

Oleh : Herlina Ainizawati binti Zakaria
Pegawai Perhubungan Awam

28 Disember 2021 - Sukarelawan PSA telah meneruskan Misi Bantuan Bencana Banjir ke destinasi seterusnya iaitu di Kolej Komuniti Bentong (KKB). KKB dan kawasan sekitarnya terjejas teruk semasa gelombang kedua banjir besar yang melanda pada ketika itu.

Rombongan bantuan menggunakan van dan bas PSA telah berkonvoi menuju ke beberapa kawasan perumahan di sekitar Bentong. Barang-barang bantuan seperti bekalan air minuman bersih, tilam dan wang ringgit telah diberikan kepada beberapa orang penduduk di sekitar Bentong yang diketuai oleh Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd. Zahari Ismail. Rombongan PSA seterusnya menuju ke Kolej Komuniti Bentong yang dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) untuk menyalurkan sumbangan di situ pula.

PPS Kolej Komuniti Bentong telah menerima ramai mangsa banjir dari seluruh kawasan setempat dan memberi tempat untuk mereka berteduh dan berlindung, di samping memberi makan dan juga rawatan kepada mereka yang bernasib malang. PSA telah memberikan sejumlah sumbangan dan bantuan yang banyak kepada mereka bagi memudahkan urusan mereka dalam menjaga mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di PPS Kolej Komuniti Bentong.

Sebelum rombongan Misi Bantuan Bencana Banjir melawat Pusat Pemindahan Sementara di Kolej Komuniti Bentong secara rasmi, wakil daripada PSA telah pun hadir memberi bantuan terlebih dahulu kepada mangsa di PPS KKB pada 25 Disember 2021. Pasukan kecil tersebut hadir dengan sebuah lori yang berisi alat-alat keperluan untuk membersihkan lumpur dan selut. Antara alatan dan perkakas yang dibawa ialah pam air elektronik yang mudah alih, skop untuk membuang selut dan tong air untuk mengisi air bersih. Kesemua alatan dan perkakas ini telah disediakan dan dibawa oleh pihak Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PSA. Mudah-mudahan, dengan bantuan yang telah diberikan oleh PSA dapat meringankan beban yang dipikul oleh mangsa-mangsa banjir di Bentong, Pahang.



PSA PRIHATIN : WE CARE WE SHARE



SISWA PSA TERIMA BANTUAN MAHASISWA ANAK SELANGOR

Oleh : Khairul Ariffin bin Jamaluddin
Pegawai Sukarelawan Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar

3 Julai 2021 - Enam orang siswa PSA telah menerima sumbangan bantuan Mahasiswa Anak Selangor melalui Program Pembangunan dan Kebajikan Mahasiswa Anak Negeri Selangor. Bantuan kotak keperluan peribadi ini adalah inisiatif kerajaan negeri Selangor untuk membantu mahasiswa anak negeri Selangor yang sedang belajar di IPTA/IPTS seluruh Malaysia. Siswa yang memerlukan bantuan perlu memohon sendiri dengan mengisi borang permohonan yang disediakan oleh pihak SUK. Bantuan ini diberikan semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 berkuatkuasa. Enam orang siswa PSA telah menerima bantuan ini. Penyerahan bantuan ini telah diselaraskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Sukarelawan Mahasiswa Negeri Selangor.



Enam orang siswa PSA terima sumbangan bantuan Mahasiswa Anak Selangor.



Pegawai Sukarelawan Siswa memberikan sumbangan kepada Mahasiswa.



MISI MENGHANTAR PULANG PEAJAR IPT SEMPENA CUTI SEMESTER 2020/2021

Oleh : Ahmad Khairi Aswad bin Ishak
Penasihat MPP PSA

Bilangan siswa terlibat: 15 orang

17 Julai 2021 - Jawatankuasa Pengurusan COVID-19 PSA dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PSA telah menyelaras Misi Penghantaran Pulang Pelajar ke kampung halaman masing-masing pada hari ini seawal jam pukul 8 pagi bagi Fasa 1 iaitu Selangor, Kelantan dan Kedah. Dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, kerajaan tidak membenarkan pergerakan merentas negeri tanpa kebenaran.

Sehubungan dengan itu, PSA telah mendapatkan kebenaran daripada Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dalam misi membantu menghantar pelajar-pelajar PSA yang terkandas di sekitar Shah Alam untuk di hantar pulang ke rumah masing-masing. Seramai 15 orang siswa dan 10 orang pegawai yang terlibat dalam Misi Penghantaran Pelajar Pulang sempena cuti semester 2020/2021 ini menggunakan lima buah kendaraan PSA.



BANTUAN PRIHATIN COVID-19 PKP 3.0

JHEP telah menjalankan kaji selidik kepada pelajar-pelajar PSA berkaitan keperluan kebajikan untuk persediaan kemasukan Sesi 1 2021/2022. Seramai 113 orang pelajar memerlukan bantuan dalam bentuk tajaan yuran pengajian dan bantuan wang sara diri.

**TABUNG DILANJUTKAN SEHINGGA
26 SEPTEMBER 2021**
Jom sama-sama menyumbang.
Tidak balasan kebaikan melainkan kebaikan

Maybank 5624 7817 4992
KELAB KEBAIKAN KAKITANGAN PSA

Keterangan lanjut hubungi :
EN JASNI : 019-215 3953
PN JULIA : 013-205 8731

STAF PRIHATIN SUMBANG YURAN SISWA SESI DISEMBER 2021

Oleh : Hjh. Julia binti Marjuki
Pegawai Kebajikan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar

1 September 2021 - JHEP telah menjalankan kaji selidik kepada pelajar-pelajar PSA berkaitan keperluan kebajikan untuk persediaan kemasukan Sesi 1 2021/2022. Seramai 113 orang pelajar dikenalpasti memerlukan bantuan dalam bentuk tajaan yuran pengajian dan bantuan wang sara diri. Sehubungan dengan itu, JHEP memberi peluang kepada staf untuk menyumbang bagi membantu dan meringankan beban yang ditanggung oleh siswa PSA. Tarikh Tabung PSA Prihatin ini dibuka dari 1 hingga 12 September 2021. Sejumlah RM 17,200.00 telah berjaya dikumpul dan diagih kepada 86 orang siswa. Pengurusan PSA merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua staf PSA yang menyumbang di dalam program ini. Semoga Allah memberkati sumbangan dan jasa baik kita semua.

WARGA IKHTIAR BANTU SISWA TENAT

Oleh : Muhammad Taufiq Aiman bin Khairulnizam
Exco Kebajikan, Sosial & Sukarelawan, Majlis Perwakilan Pelajar

5 September 2021 - Pada hari ini telah diadakan majlis bacaan Yasin dan doa selamat untuk Saudara Ummil Najmi Dzulkefli kerana sedang tenat di Institut Jantung Negara. Majlis ini turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi PSA, pensyarah, keluarga dan rakan-rakan siswa. Sdr. Ummil Najmi merupakan siswa Diploma Kejuruteraan Elektrik, Sesi Jun 2018 di bawah penasihat akademik Pn. Nur Syafiqah Abdullah. Beliau anak kedua dari tiga orang adik beradik dan tinggal di Serdang, Selangor.

Tanggal 31 Ogos 2021, beliau telah membuat pemeriksaan kesihatan di Hospital Columbia Asia Cheras. Sejurus dikesan menghidap jangkitan kuman dalam badan, beliau terus dirujuk ke Wad Kecemasan, Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur. Beliau telah menghadapi keadaan di mana kadar degupan jantungnya tinggal 20 peratus dan kandungan oksigen di dalam badan pula hanya 80 peratus. Keadaan ini membuatkan jantungnya menjadi lemah. Pihak hospital berusaha membantu beliau untuk memberi tindak balas dengan bantuan mesin Extracorporeal Membrane Oxygenation (ECMO) namun tiada sebarang reaksi walaupun selepas lima hari mesin tersebut digunakan.

Akibat tekanan darah yang terlalu tinggi beliau telah ditidurkan. Berikutnya keadaan kesihatan beliau yang semakin merosot, pihak IJN telah memberi rawatan susulan dengan melakukan prosedur pembedahan untuk proses mencuci darah dengan peha kanan dan tangan kiri ditebus. Beliau tinggal di hospital selama 1 bulan.

Masa berganti dan keadaan beliau kini beransur pulih. Tekanan darah beliau juga telah stabil tetapi masih perlu dipantau dari masa ke semasa. Beliau juga telah dibenarkan keluar dari hospital pada bulan October lepas. Kini beliau sedang menjalani rawatan fisioterapi secara berkala. Bersama-sama kita mendoakan kesembuhan sepenuhnya buat Sdr. Ummil Najmi supaya sihat sepenuhnya dan dapat melanjutkannya pengajian ke peringkat seterusnya.

PIHAK MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PSA
MEMOHON AGAR SEMUA WARGA PSA
MENDOAKAN

MUHAMMAD UMMIL NAJMI BIN DZULKEFLI
DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK KOMUNIKASI
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

SEDANG TENAT DI INSTITUT JANTUNG NEGARA
SEMOGA BELIAU DIBERIKAN KESIHATAN YANG MAKMUR
SEPERTI BIASA

POLYTECH
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
TULUS KHLAS DARIPADA SELURUH WARGA
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
MPP

TERIMA KASIH SIRIM BANTU KAMI

Oleh : Muhammad Afiq Faisal bin Mohd Ilias
Penolong Pustakawan, Perpustakaan Ibnu Khaldun

10 Oktober 2021 - SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah bermurah hati menaja siswa PSA di bawah Program Baucar Makanan. Bermula pada tahun 2018, SIRIM telah memberi bantuan dermasiswa kepada siswa PSA. Sejumlah tujuh orang siswa telah menerima manfaat ini pada tahun 2018 dan 2019 manakala lapan orang siswa pada tahun 2020 dan 2021.

Tajaan yang bernilai RM1500 untuk setiap siswa bagi satu semester ini tentunya banyak membantu siswa untuk menampung belanja harian mereka di samping membayar yuran akademik di PSA. Jumlah keseluruhan tajaan setiap semester dianggarkan bernali RM20 000. Majlis penyerahan mock cheque telah diadakan di ibu pejabat SIRIM QAS International Sdn Bhd. Semoga usaha SIRIM ini dapat dicontohi oleh agensi lain.



Siswa PSA terima dermasiswa SIRIM



YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad



MENTERI PENGAJIAN TINGGI PRIHATIN SISWA ASNAF

Oleh : Muhammad Afiq Faisal bin Mohd Ilias
Perpustakaan Ibnu Khaldun

Pada 28 Oktober 2021, Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad telah mempengerusikan Mesyuarat Agung Luar Biasa 2021 dan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-9 di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya bersama-sama dengan wakil daripada Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti. Majlis yang dianjurkan oleh Yayasan Sukarelawan Siswa itu bukan sahaja membincangkan mengenai hala tuju dan penambahbaikan ekosistem pelajaran peringkat tinggi, malah menjadi satu platform penyerahan dana dan sumbangan kepada badan-badan terlibat. Antara sumbangan yang diserahkan ialah 50 buah laptop yang diperolehi melalui Projek Bantuan Laptop 2021 untuk siswa asnaf.

Laptop berjenama Lenovo itu diserahkan kepada siswa terpilih daripada Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah kelolaan Kementerian Pengajian Tinggi. Senarai siswa yang terpilih sebagai Penerima Bantuan Laptop Asnaf Siswa 2021 PSA adalah seperti berikut.

1) Muhammad Amirul Syzwan Roslan Bin Abdullah

Diploma Perniagaan Antarabangsa
08DPI21F1061 / 030625160133

2) Natasaazira Binti Muzakir

Diploma Pemasaran
08DPR21F1063 / 020524140994



Sumbangan laptop kepada siswa asnaf oleh YB Menteri

3) Nur Izzati Binti Mohamad Riezuan
Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembungkusan)
08DMP21F1045 / 030331030042

4) Mohamad Adib Aiman Bin Mohamad Idrus
Diploma Kejuruteraan Electronik (Kawalan)
8DJK21F1046 / 030402100643

5) Mohd Hafiq Bin Jumar
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Fasiliti
08BFM21F3009 / 950615045029

PSA MEMBUKA PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA

Oleh : Hjh. Julia binti Marjuki
Pegawai Kebajikan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar

18 Disember 2022 - PSA telah membuka PPS di Dewan Al-Jazari selama seminggu bermula 20 hingga 26 Disember apabila musibah banjir menimpa. PPS PSA telah menempatkan ratusan mangsa banjir di kawasan sekitar PSA. Selain membuka PPS, PSA turut menyediakan khidmat sukarelawan untuk membantu mangsa banjir seperti membersihkan rumah staf, kawasan awam dan membaiki kerosakan elektrik.

Aktiviti PPS dan sukarelawan sepanjang minggu tersebut adalah seperti berikut :

19 Disember 2021	YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dan Pengarah JPPKK Ts. Zainab Ahmad menyantuni mangsa banjir di PPS PSA dan memberi bantuan kepada mereka.
21-26 Disember 2021	Sukarelawan PSA yang terdiri daripada para siswa dan staf telah menjalankan misi pembersihan di kawasan banjir sekitar PSA dan rumah kakitangan yang terjejas teruk.
22 Disember 2021	Sukarelawan PSA yang diketuai oleh En. Wan Zamri Wan Ab. Rahman bersama enam orang sukarelawan lain telah membuat pemeriksaan dan membaiki elektrik di Surau Hamideen Seksyen 19 dan SMK Seksyen 19 Shah Alam. Surau Hamideen: Sukarelawan telah memeriksa kerosakan di seperti perkakasan elektrik dan elektronik sperti peti ais, mesin basuh, pendingin hawa dan sistem pembesar suara. SMK Seksyen 19 Shah Alam: Sukarelawan telah memeriksa dan membaik pulih pendawaian elektrik di keseluruhan blok bangunan sekolah tersebut. Keseluruhan kelas di tingkat bawah terjejas teruk dan menyebabkan kerosakan peralatan elektronik seperti di Makmal Komputer yang melibatkan kerosakan komputer, radio, dan mesin pencetak.
23 Disember 2021	Ahli Lembaga Pengarah UTHM YB Dato' (Dr.) Haji Nooh Gadot hadir bersama pasukan UTHM Prihatin memberi sumbangan kepada PPS PSA.
23 Disember 2021	Skuad Sukarelawan Cakna Pasca Banjir Kolej Komuniti Selayang (KKSY) tampil memberi bantuan dengan Inspired Kitchen KKSY menyediakan makanan kepada PPS PSA.
23 Disember 2021	Poliklinik An-Nisa, TTDI Shah Alam memberikan rawatan percuma dan ubat-ubatan kepada PPS PSA.
23 Disember 2021	Ts. Haji Mohamad Amin Hamat telah melawat PPS dan rumah staf PSA yang terjejas teruk iaitu Pn. Nor Parasila Ahmad Kamali di Taman Meru Jaya, Klang serta memberikan sumbangan

24 Disember 2021	MBSA, PLUS Berhad dan JKM menyumbangkan bekalan air bersih, kain sarung, makanan dan pemeriksaan kesihatan percuma.
25 Disember 2021	ATM menyampaikan sumbangan bantuan daripada Istana Negara.
25 Disember 2021	Tuan Pengarah turun padang melawat mangsa banjir di PPS dan rumah kakitangan yang terjejas teruk.
26-28 Disember 2021	Lawatan banjir Tuan Pengarah ke rumah Pengarah Kolej Komuniti Kuala Langat dan misi menyampaikan bantuan banjir kepada PPS Kolej Komuniti Bentong.
27 Disember 2021	Sukarelawan PSA diketuai oleh En. Wan Zamri Wan Ab. Rahman telah memeriksa dan membaiki kerosakan elektrik di rumah Ketua Kampung Tanah Sekebum Bunga, Batu Tiga Shah Alam. Mereka turut membawa sumbangan barang-barang dari PPS PSA. Selain itu, pasukan ini turut memeriksa dan membaiki surau di kampung tersebut yang terjejas teruk kerana kawasan kampung tersebut tenggelam sehingga paras bumbung. Pasukan sukarelawan yang lain pula diketuai oleh En. Hariz Samian telah pergi membersihkan rumah siswa PSA yang terletak di dalam kampung ini.

KECEMERLANGAN INSTITUSI DAN STAF




TAHNIAH BFM! LEPASI AUDIT MBOT

Oleh : Shahida binti Sharuddin
Ketua Program Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan Kepujian

2 Ogos 2021 - Program Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti di bawah Jabatan Kejuruteraan Awam sentiasa memastikan program yang ditawarkan adalah relevan dan memenuhi keperluan industri. Selain itu, program BFM juga berusaha keras bagi mendapatkan pengiktirafan dari badan professional Technology and Technical Accreditation Council (TTAC) MBOT dalam memastikan program BFM sentiasa menjadi pilihan utama siswa.

Justeru satu Lawatan Panel Penilai Luar bagi Program BFM telah diadakan pada 2 hingga 3 Ogos 2021 secara dalam talian menggunakan Platform MS Teams. Lawatan ini dikelolakan oleh Unit Jaminan Kualiti, JKA dan turut dihadiri oleh 10 orang pensyarah BFM. Dua panel penilai yang merupakan pakar bidang di dalam Pengurusan Fasiliti telah dilantik. Mereka terdiri daripada Ts. Dr. Wan Abdullah Wan Alwi (Pensyarah UiTM Perak) dan Ts. Hasbullah Mansor (Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi DH54, Politeknik METR O Tasek Gelugor. Turut dijemput hadir dalam lawatan ini adalah Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Norhayati Ibrahim dan Ketua Pengajaran dan Pembelajaran, Pn. Zarina Zaini.

Melalui lawatan dua hari ini, Ketua Program BFM, Pn. Shahida Sharuddin telah membentangkan tujuh (7) kriteria penilaian seperti yang terkandung di dalam Manual TTAC; Program Design & Delivery, Student Assessment, Student Selection & Support Service, Teaching & Support Staff, Educational Resources, Programme Management and Quality Management System. Para panel menilai setiap kriteria yang dibentangkan dan sesi soal jawab turut berlaku. Lawatan ini diakhiri dengan komen dan cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh program BFM. Kedua-dua orang Panel Penilai dilihat sangat membantu program BFM di dalam menambahbaik keperluan program khususnya ke arah mendapatkan pengiktiran daripada TTAC, MBOT. Lawatan sebegini dilihat dapat membantu pasukan BFM dalam mengenalpasti ruang penambahbaikan dan ia wajar dilaksanakan setiap tahun.



TAHNIAH! DPR BERJAYA LALUI AUDIT PANEL PENILAI LUAR MQA

Oleh : Julianti binti Samsudin

Ketua Program Diploma Pemasaran, Jabatan Perdagangan

26 Ogos 2021 - Pihak MQA (Malaysian Qualification Agency) telah menyatakan hasrat untuk melakukan audit prestasi akademik di Politeknik seluruh Malaysia. Jabatan Perdagangan khasnya Program Diploma Pemasaran (DPR) memandang audit ini amat penting bagi menentukan program DPR terus berada di tahap yang cemerlang. Sehubungan dengan itu, program DPR di PSA telah bertungkus lumus menyiapkan laporan kendiri dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan.

Seiring dengan proses ke arah memastikan kecemerlangan Program DPR, PSA telah menjalankan inisiatif untuk mengadakan penilaian audit oleh panel luar terhadap Program Diploma Pemasaran pada 26 Ogos 2021. Panel luar yang telah dijemput adalah Dr. Jamaliah Mohd Yusof, seorang bekas pensyarah UiTM yang sangat berpengalaman dalam bidang akademik selama lebih 20 tahun dan sebagai Panel Penilai Audit Luar MQA. Bagi menjayakan perjalanan audit kali ini ramai pihak yang telah terlibat iaitu Ketua Jabatan Perdagangan Hjh. Nor Zarina Pitdin, Ketua Program DPR Pn. Julianti Samsudin, Penolong Ketua Program DPR Pn. Lilis Seri Yana Sirun, dan Penasihat MQA DPR En. Kaharuddin Osman. Program DPR ini didokong oleh pensyarah berpengalaman yang terdiri daripada Dr. Aziam Mustafa, Dr. Nordini Abdullah, Pn. Maziharita Mohammod, Pn. Umi Kalthom Abdullah, Pn. Natasya Mariz Mohamed, Pn. Rodzaida Md Alias, Pn. Zakiah Othman, Pn. Suria Md Yusof, Pn. Rahida Ramli dan Pn. Belinda Bong Siaw Fong. Turut hadir wakil Alumni DPR iaitu Sdr. Nadzrin Azri Nor Azmi dan Sdr. Muhammad Adli Maula Jeffrydin serta wakil Majlis Perwakilan Pelajar Diploma Pemasaran Sdri. Nur Aini Zaid .

Penekanan audit adalah kepada perkara-perkara seperti pembelajaran berasaskan hasil, pembinaan kurikulum, kepelbagaiannya kaedah pembelajaran-pengajaran, pengukuran kompetensi pelajar dan juga penambahbaikan berterusan. Pujian yang diberikan oleh Panel Penilai Luar amat bermakna kepada semua pensyarah DPR yang telah menjalankan tugas dengan sangat berdedikasi. Ini secara tidak langsung telah menunjukkan tahap prestasi Program DPR berada di tahap yang membanggakan. Syabas DPR!



AKREDITASI PROGRAM DAN INSTITUSI

ISO 45001:2018 Health & Safety
Management System
1st Surveillance Audit
21 & 22 Oktober 2021



Lawatan penilaian pematuhan
Akreditasi Penuh program Diploma
Pengajian Perniagaan (MQA/FA 3058)
27 Oktober 2021

Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh
Secara Virtual Program Sarjana Muda
Pengurusan Fasiliti Dengan Kepujian (BFM)
(MBOT/FA/BC/0/02/0002)
23 & 24 Disember 2021



TAHNIAH!!

TAHNIAH! PSA BERJAYA 1ST SURVEILLANCE AUDIT ISO 45001:2018 (OSH)

Oleh : Mohamad Khirudin bin Amdan
Ketua Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Sistem pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHS MS) telah menyediakan rangka kerja untuk meningkatkan prestasi keselamatan, dengan menguruskan dan mengurangkan risiko yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja, serta memanfaatkan sepenuhnya pengurusan kesihatan dan keselamatan dengan berkesan. Standard ini bertujuan untuk mencegah kecederaan berkaitan pekerjaan dan apa-apa yang menjadikan kesihatan pekerja sekaligus meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja secara proaktif. Komitmen PSA untuk mewujudkan tempat kerja yang selamat dan lestari telah diterjemahkan apabila PSA menerima pensijilan Piawaian Antarabangsa ISO 45001: 2018 pada 4 November 2020. Ini menjadikan PSA sebagai Politeknik kedua yang memenuhi kriteria standard Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan daripada Badan Pensijilan Llyod's Register.

Pada 21 hingga 22 Oktober 2021 pihak badan Pensijilan Llyod's Register telah melaksanakan audit pematuhan kali pertama bagi menentukan sama ada reka bentuk dan operasi sistem pengurusan kesihatan & keselamatan pekerjaan PSA kekal sesuai, mencukupi dan berkesan untuk mencapai dasar dan objektif kesihatan & keselamatan pekerjaan yang telah ditetapkan. Skop audit ini mencakupi pencegahan penyakit, kecederaan kepada pekerja dan juga untuk mengekalkan satus pensijilan ISO 45001:2018. Pasukan penilaian kali ini terdiri daripada En. Firdaus bin Abdullah dan En. Manogaran A/L Manickam yang mewakili pihak Llyod's Register.

Auditee yang terlibat dalam audit kali ini adalah Us. Muhamad Luqman Mohd Nazir, Pn. Zalina Ismail, Ts. Salhana Sahidin @ Salehudin, Pn. Siti Zaliha Omar, Pn. Astrahuda Kamarulaini dan Penyelaras UKKP Jabatan, Pusat serta Unit. Secara keseluruhannya hasil daripada pemerhatian yang telah dibuat, pihak auditor telah merumuskan bahawa pengendalian sistem pengurusan kesihatan & keselamatan pekerjaan PSA kekal sesuai dan telah memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Pihak konsultansi juga bersetuju dengan tanpa prajudis bahawa Pensijilan boleh dikekalkan sehingga ke sesi audit seterusnya. Walau bagaimanapun beberapa proses telah menerima Minor NC (Minor - Non Conformity) antaranya klaus ISO 45001:2018 (8.1), (6.1.3) dan (8.1.2), namun cadangan penambahbaikan dan tindakan pembetulan telah dapat dilaksanakan secara terus oleh pegawai yang bertangungjawab dengan baik.



Certificate of Approval

This is to certify that the Management System of:
**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH**

Persyarikatan Usahawan Seksyen U1, 40150 SHAH ALAM, Selangor, Malaysia

has been approved by Lloyd's Register to the following standards:

ISO 45001:2018

Approval Number(s): ISO 45001 – 00027608

This certificate forms part of the approval identified by approval number: 00027608

The scope of this approval is applicable to:

Provision of tertiary education programs (Certificate, Diploma and Bachelor Degree) as per higher education ministry guidelines.

Luis Cunha

Area Operations Manager - SAMEA

Issued by: Lloyd's Register of Shipping (M) Bhd

for and on behalf of: Lloyd's Register Quality Assurance Limited

Lloyd's Register Group Limited, its affiliates and subsidiaries, including Lloyd's Register Quality Assurance Limited (LRQA), and their respective officers, employees or agents are, individually and collectively, referred to in this clause as "Lloyd's Register". Lloyd's Register assumes no responsibility and shall not be liable to any person for any loss, damage, cost or expense incurred by that person as a result of the provision of any information or advice given in this document. Reference herein to "UK" shall mean Great Britain only. Lloyd's Register Quality Assurance Limited, 1 Trinity Park, Bickenhill Lane, Birmingham B37 7ES, United Kingdom



DPM LALUI LAWATAN PENILAIAN PEMATUHAN AKREDITASI PENUH SECARA DALAM TALIAN

Oleh : Norsyila binti Rashid

Ketua Program Diploma Pengajian Perniagaan

27 Oktober 2021 - PSA secara amnya sentiasa memastikan setiap program yang ditawarkan adalah terjamin dan berkualiti demi mencapai visi dan misi institusi. Pada 27 Oktober 2021, program Diploma Pengajian Perniagaan (DPM), Jabatan Perdagangan (JPG) telah menerima lawatan penilaian pematuhan akreditasi penuh secara Malaysian Qualifications Agency Virtual Audit (MQAVA) oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Lawatan penilaian ini adalah bertujuan untuk mengekalkan Perakuan Akreditasi Penuh program dan memastikan jaminan kualiti program dipertingkatkan melalui aktiviti penilaian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui oleh pengurusan bagi program berstatus Akreditasi Penuh.

Lawatan penilaian ini melibatkan dua orang panel penilai MQA yang diketuai oleh Encik Aw Yoke Cheng dan dibantu oleh Pegawai MQA iaitu Pn. Hanimasra Ab Mukhti. Lawatan ini juga turut dihadiri oleh Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail, Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Roseman Mat Jidin, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas Azman, Ketua Pusat Pengurusan Strategik, Ts. Salhana Sahidin @ Salehudin, Ketua Jabatan Perdagangan, Hjh. Nor Zarina Pitdin serta Pegawai Kualiti dan Pengurusan Risiko, Pn. Siti Zaliha Omar@Othman. Proses penilaian ini berlangsung dengan jayanya hasil usaha dan kerjasama daripada seluruh warga JPG khususnya pasukan program DPM.

Susulan daripada lawatan ini, program DPM berjaya mengekalkan Perakuan Akreditasi Penuh tanpa sebarang Laporan Ketidakakururan (Non-Conformance Report) dan Cadangan/Peluang untuk Penambahaikan (Opportunity for Improvement). Syabas dan tahniah kepada JPG!




TAHNIAH BFM! LEPASI AUDIT MBOT SECARA DALAM TALIAN

Oleh : Ts. Raja Nurul Waheeda binti Raja Zilan
Penolong Ketua Program Sarjana Muda
Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan Kepujian

23 Disember 2021 - Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh bagi Program Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan Kepujian (BFM) telah dijalankan secara dalam talian oleh pihak Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) pada 23 dan 24 Disember 2021. Penilaian akreditasi program BFM ini diketuai oleh Prof. Madya Ir. Ts. Dr Tan Lai Wai bersama 2 orang ahli panel iaitu Ts. Dr. Mohd Rofdzi Abdullah dan YBrs. Ts. Norrazman Zaiha Zainol. Lawatan penilaian yang dilaksanakan selama 2 hari ini melibatkan pihak pengurusan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), pensyarah program BFM serta para pelajar yang telah dipilih untuk ditemubual oleh panel penilai.

Antara aktiviti yang dilaksanakan semasa proses penilaian adalah menyemak dan menilai dokumen, melawat premis, makmal, bilik kuliah, peralatan dan sumber pendidikan berkaitan dengan program, mengadakan temu bual dengan pihak pengurusan, staf akademik dan pelajar serta pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran ilmu. Taklimat pembukaan lawatan penilaian telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Akademik PSA, Ts. Roseman Mat Jidin dengan menerangkan kepada panel penilai latar belakang institusi serta program BFM. Exit Meeting diadakan pada hari kedua sebelum tamatnya lawatan ini dengan melibatkan pihak pengurusan PSA, Ketua Pusat Pengurusan Strategik, Ketua Jabatan dan juga para pensyarah BFM.

Secara umumnya, lawatan penilaian akreditasi penuh bagi program BFM telah berjalan dengan lancar setelah pelbagai persediaan dibuat oleh semua pihak yang terlibat.



PSA PERKASA PENGURUSAN KUALITI MELALUI INTEGRATED EXCELLENCE MANAGEMENT SYSTEM (IEMS)

Oleh : Salhana Binti Sahidin@Salehudin
Ketua Pusat Perancangan Strategik


27 Disember 2021 - Pusat Pengurusan Strategik PSA bertanggungjawab dalam memastikan keperluan sistem pengurusan kualiti bagi program dan institusi tercapai. Sementara Unit Audit Dalaman (UAD) di bawah Pusat Pengurusan Strategik pula merupakan pelaksana bagi proses semakan dalaman. Perancangan Audit Dalaman secara berfasa telah dibuat secara terperinci oleh UAD dalam memastikan keperluan akreditasi institusi dan program tercapai. UAD telah berjaya melaksanakan Audit Dalaman secara dalam talian sepenuhnya bagi mengelakkan penularan COVID-19.

Audit Dalaman PSA (IEMS) Bil. 1/2021 Fasa 2 dilaksanakan berdasarkan Programme - based audit - MQA pada 11 hingga 16 Ogos 2021. Sesi audit ini telah melibatkan 4 program di Jabatan Perdagangan iaitu Diploma Pemasaran (DPR), Diploma Pengajian Perniagaan (DPM), Diploma Pengajian Perniagaan Antarabangsa (DPI) dan Diploma Insuran (DIN). Syabas kepada seluruh warga Jabatan Perdagangan.

Pada 13 hingga 17 September 2021, UAD telah berjaya melaksanakan Audit Dalaman Bil 2/2021 Fasa 1 berdasarkan institusi untuk MS ISO 45001:2018 OHS MS. Sesi audit ini telah melibatkan semua Jabatan, Pusat dan Unit di PSA bagi persediaan Audit Pematuhan MS ISO 45001:2018. Tahniah kepada Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) sebagai pemilik proses dalam memastikan pematuhan MS ISO 45001:2018. Kerjasama seluruh warga PSA dalam sesi Audit Dalaman amat dihargai di atas komitmen yang diberikan walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Bagi persediaan Audit MS ISO 21001:2018 Educational Organization Management System (EOMS), UAD telah menganjurkan Kursus Juruaudit Dalaman pada 12 hingga 13 Oktober 2021 secara dalam talian. Seramai 80 orang juruaudit terlibat dalam mengikuti kursus yang telah disampaikan oleh penceramah dari Syarikat Mercu Inovasi, Puan Suhaini Hassan.

Sebagai penutup tahun 2021, Audit Dalaman Bil. 2/2021 Fasa 2 berdasarkan institusi, MS ISO 21001:2018 EOMS telah dilaksanakan pada 13 hingga 17 Disember 2021. Audit dalaman ini telah dilaksanakan secara hibrid mengikut keperluan setiap kriteria. Dapatan Audit Dalaman Bil. 2/2021 Fasa 2 akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan 2021. Sesi audit ini juga merupakan platform bagi semakan dokumentasi dan prosedur kerja EOMS yang telah berkuatkuasa pada sesi akademik 1 2021/2022. Sekalung penghargaan kepada seluruh warga PSA yang bertindak sebagai juruaudit dan pihak yang diaudit kerana telah berjaya mencapai sasaran perancangan aktiviti audit institusi dan program.




1. SESI AUDIT DALAM BIL 1 (FASA 2) : PROGRAMME-BASED AUDIT - MQA

Tarikh : 11 - 16 Ogos 2021
Kaedah Pengauditan: Secara dalam talian

2. KURSUS JURUAUDIT DALAMAN MS ISO 21001: 2018 EOMS:

Tarikh : 12- 13 Oktober 2021



Kaedah Pengauditan: Secara dalam talian



3. SESI AUDIT DALAMAN BIL 2/2021 (FASA 1): Institutional-based Occupational Health & Safety Management System (MS ISO45001 OHS MS)

Tarikh : 13 - 17 September 2021

Kaedah Pengauditan: Secara dalam talian



4. SESI AUDIT DALAM BIL 2/2021 (FASA 2): Institutional-based Educational Organization Management System (MS ISO 21001:2018 EOMS)

Tarikh : 13 - 17 Disember 2021

Kaedah Pengauditan: Hibrid

(Bersempena dan atas talian)



LAWATAN AKADEMIA KE POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH DAN KOLEJ KOMUNITI KUANTAN BERI IMPAK POSITIF PADA PSA

Oleh : Herlina Ainizawati binti Zakaria
Pegawai Perhubungan Awam

9 NOVEMBER 2021 - Pengurusan PSA mengambil kesempatan mengadakan Lawatan Akademia ke Kolej Komuniti Kuantan dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah ketika mengadakan Bengkel SKT dan ABM di Kuantan, Pahang pada 8 hingga 11 November 2021.

Rombongan tersebut memulakan siri lawatan ke Kolej Komuniti Kuantan bermula jam 9 pagi bagi meninjau program-program yang ditawarkan di Kolej Komuniti tersebut. Selesai lawatan di Kolej Komuniti Kuantan, mereka kemudiannya bergegas ke Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) untuk mendapatkan pendedahan lanjut mengenai Pusat Keusahawanan POLISAS di samping bertukar-tukar pandangan dalam usaha memperkasakan bidang keusahawanan di kedua-dua institusi.

Semoga lawatan dan perkongsian idea sepanjang sesi lawatan tersebut dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.




KECEMERLANGAN AKADEMIK

JOM SAMBUNG BELAJAR DI PSA

Oleh : Shahida binti Sharuddin
Ketua Program Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan Kepujian

8 Julai 2021 - PSA sentiasa proaktif dalam mempromosikan program sarjana muda yang ditawarkan di PSA. Justeru program Bual Bicara Kebitaraan Program Sarjana Muda Politeknik Malaysia telah diadakan melalui tayangan secara langsung di laman facebook rasmi PSA bagi menarik minat pelajar terhadap program sarjana muda yang ditawarkan di PSA. Program ini telah mengupas keistimewaan dua buah program Sarjana Muda yang ditawarkan di PSA iaitu Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan Kepujian (BFM) dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan) dengan Kepujian (BEU).

Melalui program ini, penonton diberi pengenalan terhadap perjalanan program sarjana muda, pelaksanaan Work Based Learning (WBL), syarat kemasukan, dan kebolehpasaran pelajar. Selain itu turut diperkenalkan juga alumni yang telah berjaya melalui program ini. Program yang berlangsung hampir dua jam ini dikendalikan oleh En. Aidil Azhiim Shamsuddin, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK bersama dua orang Ketua Program BFM dan BEU iaitu Puan Shahida Sharuddin dan Puan Nurul Huda Mohamad Salleh. Penonton juga diberi peluang berinteraksi dengan ahli panel melalui sesi soal jawab yang diadakan. Secara umumnya bual bicara ini telah berjalan dengan lancar dan semoga program ini dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti pengajian sarjana muda di PSA.



TAHNIAH CENTRE OF RESEARCH & INNOVATION (CRI)!

Oleh: Suryani binti Ilias

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik

19 Julai 2021 - Majlis Penyerahan Geran Penyelidikan T-ARGS secara dalam talian telah diadakan pada hari ini bagi mematuhi norma baharu pandemik COVID-19. Dalam majlis penuh bermakna ini, PSA telah menerima RM 70,000.00 untuk Geran Penyelidikan T-ARGS yang bertajuk "Guardrail Impact Device as Impact Absorber to Reduce the Severity of Guardrail Crashes". Projek ini diketuai diketuai oleh Dr. Bibie Sara Salleh bersama dua penyelidik lagi iaitu Dr. Asnizah Sahekhaini dan Puan Suryani Ilias. Geran Penyelidikan T-ARGS ini bertujuan untuk memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui penyelidikan gunaan berimpak tinggi. Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh YBrs. Ts. Zainab Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Objektif penyelidikan ini adalah bagi merekabentuk peranti serapan hentaman untuk dipasang di penghadang jalan sedia ada. Kajian secara terperinci akan dibangunkan melalui ujian simulasi di Malaysia Japan Institute of Technology (MJIIT) dengan kerjasama dari pakar penyelidik di Makmal Malaysian Institute of Road Safety Research(MIROS), Provisional CRASE Crash Centre (PC3). Hasil dari penyelidikan ini merupakan penemuan baharu bagi menambahbaik penghadang jalan sedia ada di samping melibatkan kolaborasi industri dan perkongsian kepakaran di dalam penyelidikan akademik, penyelidikan baharu berimpak tinggi yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seterusnya menjana potensi nilai tambah kepada sosioekonomi negara.

Semoga ia menjadi platform kepada penyelidik Politeknik untuk menjalankan penyelidikan yang berimpak tinggi, khususnya dalam bidang ekonomi, sosial dan pembangunan lestari. Pemberian geran ini juga dapat menjadi pembakar semangat kepada penyelidik dari Politeknik untuk terus melakukan penyelidikan pada masa akan datang.

KOLOKIUM HARTA INTELEK 2021 SECARA DALAM TALIAN

Oleh: Ts. Ilya binti Ismail

Koordinator Pengkomersialan, Pusat Penyelidikan, Inovasi dan Komersial PSA

Pada 4 hingga 19 Ogos 2021 Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti(JPPKK) telah bekerjasama dengan PSA untuk menganjurkan Kolokium Harta Intelek Peringkat Kebangsaan 2021. Kolokium ini bertujuan bagi memperkasa pengetahuan mengenai pemilikan harta intelek di samping berfungsi sebagai platform perkongsian pengalaman menguruskan harta intelek di peringkat politeknik dan kolej komuniti

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang minggu tersebut. Antaranya Bengkel Tatacara Pemfailan Hak Cipta Produk Pelajar yang telah diadakan pada 4 Ogos 2021 secara atas talian. Penceramah bengkel ini merupakan Pegawai Pendaftaran dan Pentadbiran Seksyen Hak Cipta, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) iaitu Puan Mawar Hartini Md Mazlan. Dalam bengkel yang dihadiri oleh pelajar projek semester akhir dari setiap politeknik dan kolej komuniti, Pn. Mawar telah memberi taklimat kepentingan hakcipta sebagai satu bentuk perlindungan kepada penulisan kajian pelajar. Beliau juga menerangkan mengenai hak pemilikan setiap penulis serta menunjukkan contoh penulisan deskripsi projek yang terbaik yang telah berjaya difailkan ke MyIPO. Pada sesi petang, setiap pelajar dipecahkan kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan dibimbing oleh seorang pemudahcara dari kalangan Penyelaras Inovasi Jabatan untuk menulis dokumen, menyiapkan akuan sumpah dan mengisi borang-borang pendaftaran hakcipta Seterusnya pada 12 Ogos 2021, berlangsung aktiviti yang kedua iaitu Bengkel Pengenalan Harta Intelek dan Prosedur Pemfailan Paten yang disampaikan oleh Pegawai Pemeriksa Paten Kanan, Puan Nursyuhada Mohd Shafawi. Kali ini, peserta sasaran bagi program adalah terdiri daripada Pegawai harta Intelek institusi, Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial, Penyelaras Projek Pelajar dan juga pelajar yang telah siap melaksanakan projek akhir mereka. Seramai 86 orang peserta yang mewakili politeknik dan kolej komuniti masing-masing telah menyertai bengkel ini. Hasil dari bengkel ini sebanyak 18 produk politeknik dan kolej komuniti telah berjaya menerima dana pemfailan paten dari JPPKK.

Pada hari kemuncak iaitu pada 19 Ogos 2021, satu forum berkaitan pengurusan harta intelek telah diadakan. Dengan fokus untuk meningkatkan kemahiran pengurusan harta intelek di kalangan pensyarah, empat orang panel bidang ini telah dijemput untuk berkongsi pengalaman. Mereka ialah Koordinator Pengkomersialan PSA, Pn. Ilya Ismail berkongsi pandangannya dalam tajuk Peranan dan Kesedaran Institusi dalam Menangani Isu Perlindungan Harta Intelek.

Disusuli dengan Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (Pengurusan Aset), En. Muhammad Izwan Ishak pula mengupas mengenai harta intelek sebagai Aset Tidak Ketara. Sesi seterusnya diterajui oleh CEO Patentsworth International, Encik Irfan Awang menekankan mengenai Kepentingan Branding dan Trademark dan diakhiri oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Harta Intelek, MyIPO, Encik Noor Mohamad Hazman Hamid dengan tajuk Kepentingan Menjaga Harta Intelek dan Risiko dalam Penjenamaan.

Program kolokium ini diakhiri dengan perasmian penutup oleh Tn. Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail. Majlis yang sama juga turut menyaksikan Majlis Menandatangani CoC Kerjasama Strategik di antara JPKK dan MyIPO. JPPKK telah diwakili oleh Ketua Pengarah, Ts. Zainab Ahmad manakala MyIPO diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarah (Strategik Dan Teknikal), Tuan Zulkarnain Muhammad. Adalah diharapkan melalui CoC ini perkongsian ilmu kepakaran dan pelaksanaan aktiviti latihan kemahiran dari MyIPO ke warga Politeknik dan Kolej Komuniti dapat diperkuuhkan.

Via CiscoWebex





TAHNIAH DR. FADHILAH! PEMBENTANG TERBAIK DI ICENTROID 2021

Oleh: Dr. Ainul Haezah binti Noruzman
Penyelaras Pusat Sumber dan Penerbitan

5 Ogos 2021 - Industri pembinaan merupakan salah satu sektor penting dan mempunyai sumbangan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Namun ia menghadapi banyak cabaran di dalam memberikan nilai tambah kerana melibatkan kos yang tinggi. Aspek kejuruteraan, sosial, ekonomi, dan persekitaran harus diambil kira dan diurus dengan teliti. Oleh itu, terdapat keperluan pelbagai disiplin dan pihak yang berkepentingan untuk menangani usaha strategik dalam menghasilkan nilai tambah di dalam industri pembinaan.

Persidangan & Simposium Antarabangsa Pertama mengenai Pembangunan Industri Pembinaan 2021 (I- CCENTROID2021) telah berlangsung pada 24 hingga 25 Ogos 2021 secara dalam talian. Program ini dianjurkan oleh Unit Pembangunan Industri Pembinaan, Universiti Andalas, Indonesia bersama universiti daripada Indonesia, Malaysia, India, dan rakan industri pembinaan. Acara ini telah dihadiri oleh penyampai dari United Kingdom, Emiriah Arab Bersatu, Afrika Selatan, Malaysia, Kuwait, India, Myanmar dan Indonesia. Prof. Charles Egwu dan Prof. George Ofori dari United Kingdom telah dijemput sebagai keynote speaker di dalam persidangan ini.

ICENTROID 2021 adalah bertujuan untuk menggabungkan penemuan daripada hasil penyelidikan, projek kajian kes dan pembelajaran. Pembelajaran yang dimaksudkan di sini adalah penemuan hasil daripada gabungan pemikir, penyelidik, pengamal industri, mereka yang terlibat dengan industri, dan pembuat polisi untuk menghasilkan satu titik pertemuan dalam memberi nilai tambah terhadap pembangunan pembinaan dan infrastruktur.

Syabas dan tahniah kepada Dr. Fadhilah Mohd. Nor, dari Jabatan Kejuruteraan PSA telah dipilih sebagai pembentang terbaik dalam persidangan ini. Selain beliau, Dr. Basuki Hadimuljono (Kementerian Kerja Raya dan Perumahan Republik Indonesia), Dr. Jayaprakash, Mangalore Institute of Technology and Engineering India, Dr. Mohd Fadzil Arshad Universiti Teknologi MARA, Prof. Krishna S. Pribadi dari Institut Teknologi Bandung, dan Dr. Akhmad Suraji, Universiti Andalas turut membentangkan hasil kajian mereka.

PROGRAM PREPARING THE EXPERTS BUKTI KEJAYAAN INDUSTRI -AKADEMIA TERLAKSANA

Oleh : Zarinah binti Zaini
Penyelaras Pusat Bertauliah

Pada 29 September 2020 PSA telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah (PB) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Pusat Bertauliah (PB) PSA diiktiraf sebagai sebuah agensi penyedia latihan kemahiran yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil.

Sehubungan itu, PSA telah mengambil tindakan proaktif dalam menyediakan tenaga mahir melalui program "Preparing the Experts" di bawah peruntukan Dana Wibawa bagi pelaksanaan 5 Program Modular daripada 6 Program Modular yang diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Disamping 6 program modular, 1 program sijil penuh iaitu program Pelukisan Pelan Mekanikal dan 1 Program SKK iaitu Sijil Pematuhan Hijau telah mendapat pengiktirafan untuk pelaksanaan sehingga tahun 2024. Dalam masa yang sama, PB PSA juga telah menerima akuan pendaftaran Penyedia Latihan daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) sehingga tahun 2024.

Program Preparing the Experts yang telah diusahakan bermula pada Februari 2020 telah dapat direalisasikan pelaksanaannya selama sebulan bermula 20 November 2021 secara dalam talian. Pelaksanaan program ini yang telah mendapat pembiayaan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) merupakan program bersama industri iaitu Thinkers Consultancy Sdn Bhd dan Mega Jati Academy Sdn Bhd. Program ini melibatkan 350 orang pelatih dari pelbagai latarbelakang pendidikan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.




Pelaksanaan Program Modular di PSA pada 20 Nov 2021 - 19 Dis 2021

BIL	PROGRAM	KOD PROGRAM	TEMPOH PENTAULIAH	TEMPOH LATIHAN	KAPASITI YANG DILULUSKAN
1	Pengurusan Pejabat	MCU-1-11(FB- 024-2:2012)-C04			25
2	Certified Construction Site Supervisor (M&E) Penyelia Mekanikal & Elektrik	MWA-1-116 - 01-W01-W06			175
3	Penyeliaan Operasi Keselamatan Trafik Lebuhraya	MCU-1-11(N801- 001-3:2017)-C05	1 Feb 2021 - 31 Jan 2024	30 HARI	50
4	Pemantauan Pengurusan Fasiliti	MCU-1-11 (N811- 002-4:2018)- C05			50
5	Certified Construction Site Supervisor (C&S) Penyelia Awam & Struktur	MCU-1-11 - CVS3-C01	1 Dis 2020 - 30 November 2023		50

Pelatih yang terlibat di dalam lima (5) program ini akan memperolehi Sijil yang berkaitan dengan program iaitu :

1. Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) daripada CIDB Malaysia (tertakluk kepada lulus penilaian) bagi 4 program bersama Mega Jati Academy Sdn. Bhd.
2. Sijil Kompetensi bagi Program Pengurusan Pejabat daripada Majlis Profesor Negara bersama Thinkers Consultancy Sdn. Bhd.
3. Sijil Penyata Pencapaian daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
4. Sijil Penghargaan daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
5. Sijil Penghargaan daripada Mega Jati Academy Sdn Bhd dan Thinkers Consultancy Sdn. Bhd.

Semoga kewujudan Pusat Bertauliah ini akan membantu merealisasikan aspirasi MTVET negara untuk melahirkan siswa yang terkehadapan dan berkebolehpasaran tinggi.



KURSUS PENULISAN DAN PENERBITAN BUKU

Oleh: Masitah binti Ali

Pusat Akademik dan Teknologi Instruksional Terkehadapan (FITAC)

9 Ogos 2021 - Pada tahun 2021, pihak BIPD JPPKK telah menetapkan bahawa setiap program yang ditawarkan di Politeknik perlu membangunkan sumber bahan digital berpusat berbentuk ebook. Justeru itu, pihak FITAC PSA telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kursus Penulisan dan Penerbitan Buku bagi memberi pendedahan kepada pensyarah dalam menjayakan SKT tersebut.

Kursus ini dimulakan dengan kata alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua FITAC, Ts. Dr. Hj. Mohd Najib Hamdan bagi memberi inspirasi kepada semua pensyarah agar lebih bersemangat dalam menyiapkan penulisan mereka. Seterusnya beliau terus menyampaikan ceramah beliau bertajuk Mastering your ebook presentation. Slot keduapula berkaitan Mastering with multimedia creative element yang disampaikan oleh Puan Nin Hayati Mohd Yusof. Manakala slot 3 bertajuk Penerbitan: cara memohon eISBN yang dikongsikan oleh Dr. Ainul Haezah Noruzman.

Peserta kursus ini diwajibkan kepada para pensyarah yang terlibat dengan pembangunan ebook dan dibuka kepada pensyarah yang berminat dalam penulisan dan penerbitan buku. Seramai 120 orang pensyarah telah mengikuti kursus ini secara dalam talian. FITAC mensasarkan penghasilan 47 buah ebook bagi setiap program/kursus yang ditawarkan di PSA merangkumi jabatan induk dan sokongan. Semoga kursus yang dijalankan ini memberi manfaat kepada peserta serta memartabatkan kelestarian kecemerlangan akademik PSA.



FITAC SERAH 34 EBOOK KEPADA PUSAT SUMBER DAN PENERBITAN PSA

Oleh : Masitah binti Ali

Pusat Akademik dan Teknologi Instruksional Terkehadapan (FITAC)

29 November 2021 - Satu majlis ringkas penyerahan ebook telah dibuat di Perpustakaan Ibnu Khaldun oleh pihak FITAC. Penyerahan ebook dibuat oleh Ketua FITAC, Encik Mohammad Fahmy Ibrahim kepada Ketua Pusat Sumber dan Penerbitan, Dr. Ainul Haezah Noruzman. Turut hadir sama menyaksikan majlis penyerahan tersebut ialah Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Roseman Mat Jidin.

Pada tahun hadapan, FITAC akan terus menghasilkan penulisan ebook sejumlah 17 buah lagi sebagai sasaran kerja tahunan 2022 bagi pembangunan sumber bahan digital berpusat. Penglibatan pembangunan ebook ini dilaksanakan dengan usaha sama pensyarah yang mewakili setiap program dan dengan kerjasama Pusat Sumber dan Penerbitan PSA.

Ebook ini boleh didapati di Repositori Institusi PSA iaitu di Open access discovery >ebooks > <http://repository.psa.edu.my/handle/123456789/74>. Selain itu ebook ini juga diletakkan di CELT iaitu di Open access discovery >Links >CELT <http://celt.edu.my/>. 34 ebook tersebut juga boleh terus diakses melalui QR code yang disertakan disini.





MUHAMMAD FIRDAUS NAIM GRADUAN PERTAMA PROGRAM TECHNO HUFFAZ POLITEKNIK MALAYSIA

Oleh: Herlina Ainizawati binti Zakaria
Pegawai Perhubungan Awam

10 Disember 2021 - Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) ke 22, mencatat sejarah apabila graduan sulung Dual Certification Program Techno Huffaz Politeknik Malaysia menerima Diploma Pengajian Perniagaan di samping Sijil Tahfiz Malaysia daripada Darul Quran, JAKIM. Sdr. Muhammad Firdaus Naim Yuswan @ Rizwan merupakan generasi pertama program Techno Huffaz yang mula diperkenalkan pada sesi Jun 2017. Ketika itu, program tersebut hanya melibatkan pelajar Jabatan Perdagangan namun bermula tahun 2019 program ini diperluas kepada para pelajar jabatan akademik yang lain iaitu Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Kejuruteraan Awam.

Beliau berkata dia perlu mengorbankan tenaga dan hobi selama 3 tahun demi memberikan tumpuan ke atas dua pengajian itu pada satu masa. "Saya menghabiskan hafazan surah yang terakhir sebelum maghrib pada 2 Ramadan 1440H. "Perasaan saya bercampur baur kerana tidak pernah terbayang mampu menghabiskan hafazan di Politeknik. Harapan saya lebih ramai lagi di luar sana terbuka hati dan berminat untuk membaca al-Quran dan mendalaminya terutama golongan muda dan pelajar. Membaca al-Quran itu mudah, jika bukan kita (orang Islam) yang membaca al-Quran, siapa lagi?" katanya.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam, Dato' Haji Zamani Ahmad Mansor ketika berucap merasmikan majlis berkata, program Techno Huffaz dilihat mampu melahirkan graduan pendidikan dan latihan teknik dan vokasional (TVET) yang global dan holistik seterusnya membina masyarakat yang 'multi-tasking' dan 'multi-skilling' dalam mendepani cabaran global. Justeru, beliau berharap agar program tersebut diperluas sekali gus melahirkan lebih ramai teknokrat huffaz di negara ini.

Seramai 2,818 orang graduan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) menerima ijazah, diploma serta sijil pada Majlis Konvokesyen ke-22 yang diadakan secara fizikal bermula 6 hingga 10 Disember 2021. Daripada jumlah tersebut, seramai 702 graduan daripada Jabatan Perdagangan, 946 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, 702 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan 468 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal termasuk 27 daripadanya graduan Sijil Kemahiran Penyenggaran Mekanikal yang merupakan pelajar OKU pendengaran.

PSA mengambil keputusan mengadakan majlis konvokesyen secara fizikal setelah mengambil kira hasrat mahasiswa dan ibu bapa yang ingin majlis istimewa tersebut diadakan secara bersemuka di samping kebenaran yang diberikan oleh kerajaan.





SISWA OKU TECHNO HUFFAZ PSA JOHAN PERTANDINGAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA

Oleh : Herlina Ainizawati Binti Zakaria
Pegawai Perhubungan Awam

26 Disember 2021 - Siswa Techno Huffaz PSA, Sdr. Anas Mazlan dinobatkan sebagai Johan International Quran Competition 2021 kategori OKU sekali gus mengalahkan 132 peserta lain dari kalangan empat negara yang bertanding. Menurut siswa semester 3 Diploma Kejuruteraan Mekanikal itu, menjadi seorang yang istimewa bukanlah penghalang untuk menghafal kalamullah. Namun apa yang penting adalah minat dan usaha.

"Saya bersyukur atas kemenangan ini. Samada kalah atau menang, yang penting lepas musabaqah teruskan lagi usaha selain berpegang teguh dengan nasihat guru, ceriakan hidup kita dengan al-Quran", ujarnya. Anas merupakan pelajar OKU kategori Masalah Pembelajaran pernah khatam hafazan 30 juzuk Al-Quran seawal usia 14 tahun. Kini beliau bertekad untuk memantapkan hafazan dan berusaha memperoleh Sijil Tahfiz al-Quran JAKIM-Politeknik di bawah program Techno Huffaz di PSA.

Sementara itu Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail berkata, kejayaan Anas membuktikan program Techno Huffaz PSA signifikan dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan graduan holistik dan seimbang dunia akhirat malah mengangkat kebolehan pelajar OKU ke tahap maksimum. "Ini juga menunjukkan pelajar PSA mampu mencapai prestasi cemerlang dalam apa juga bidang yang diceburi hasil penerapan Model Pembangunan Pelajar PSA, ILEAPS (Innovation, Leadership, Entrepreneur, Academic Excellence, Practical Competence & Social Responsibility) yang sejajar dengan elemen JERI dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan," "Anas adalah satu lagi ikon pelajar Techno Huffaz PSA dan diharap kejayaan ini menjadi pemangkin semangat kepada pelajar-pelajar yang lain." Dalam pada itu, seorang lagi wakil PSA, Sdr. Zunnurain Zulkifli turut terpilih sebagai 5 finalis akhir kategori 1-15 juzuk lelaki.

Pengumuman pemenang dibuat malam tadi secara dalam talian oleh pihak penganjur, Annur Quranic Centre Malaysia. International Quran Competition 2021 diadakan secara dalam talian bermula 11 hingga 19 Disember 2021 melibatkan peserta dari Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.



POLITEKNIK
POLYTECHNIC
NATIONAL POLYTECHNIC

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

KOLEJ KOMUNITI
MALAYSIA

MAJLIS PENYERAHAN GERAN PENYELIDIKAN TVET APPLIED RESEARCH GRANT SCHEME (T-ARGS) 2021

DISEMPURNAKAN OLEH :

YBrs. Ts. ZAINAB BINTI AHMAD

KETUA PENGARAH

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN
LANGSUNG



19 JULAI 2021
ISININ
10.00 PAGI



Kod QR
Buku Program

Tahniah

Kepada Pensyarah PSA yang memperoleh

GERAN T-ARGS 2021

berjumlah

RM70,000.00

TAJUK GERAN:

**GUARDRAIL IMPACT DEVICE AS IMPACT ABSORBER
TO REDUCE THE SEVERITY OF GUARDRAIL CRASHES**



Dr. Bibie Sara Salleh
Ketua Penyelidik (PSA)



Dr. Asnizah Sahekhaini
(PSA)



Pn. Suryani Ilias
(PSA)

Dr. Rizati Hamidun
Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)

Mohd Azri Asmat
(GERBANG SENTRAL SDN. BHD.)

@psasai @psa_psasai @PSA_PSSAAS @PSA_TV

PSA TERIMA TERIMA GERAN TARGS BERNILAI RM 70 RIBU

Oleh : Suryani binti Ilias
Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik

Majlis Penyerahan Geran Penyelidikan T-ARGS secara dalam talian telah diadakan pada hari ini bagi mematuhi norma baharu pandemik COVID-19. Dalam majlis penuh bermakna ini, PSA telah menerima RM 70,000.00 untuk Geran Penyelidikan T-ARGS yang bertajuk "Guardrail Impact Device as Impact Absorber to Reduce the Severity of Guardrail Crashes". Projek ini diketuai diketuai oleh Dr. Bibie Sara binti Salleh bersama dua penyelidik lagi iaitu Dr. Asnizah binti Sahekhaini dan Pn. Suryani binti Ilias. Geran Penyelidikan T-ARGS bertujuan untuk memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui penyelidikan gunaan berimpak tinggi. Majlis telah disempurnakan oleh YBrs. Ts. Zainab binti Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Objektif penyelidikan ini adalah bagi merekabentuk peranti serapan hentaman untuk dipasang di penghadang jalan sedia ada. Kajian secara terperinci akan dibangunkan melalui ujian simulasi di Malaysia Japan Institute of Technology (MJIIT) dengan kerjasama dari pakar penyelidik di Makmal Malaysian Institute of Road Safety Research(MIROS), Provisional CRASE Crash Centre (PC3). Hasil dari penyelidikan ini merupakan penemuan baharu bagi menambahbaik penghadang jalan sedia ada di samping melibatkan kolaborasi industri dan perkongsian kepakaran di dalam penyelidikan akademik, penyelidikan baharu berimpak tinggi yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seterusnya menjana potensi nilai tambah kepada sosioekonomi negara.

Semoga ia menjadi platform kepada penyelidik Politeknik untuk menjalankan penyelidikan yang berimpak tinggi, khususnya dalam bidang ekonomi, sosial dan pembangunan lestari. Pemberian geran ini juga dapat menjadi pembakar semangat kepada penyelidik dari Politeknik untuk terus melakukan penyelidikan pada masa akan datang.

**KURSUS PENULISAN AKTIVITI KERJA HARIAN
MENGGUNAKAN SISTEM eBDR**

Oleh : Rohana binti Khalid
Ketua Jabatan Pentadbiran

20 Ogos 2021 - Sebagai usaha berterusan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan keperluan mengimbangi keperluan tugas serta kesejahteraan pegawai, maka Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan Dasar Bekerja Dari Rumah. Dasar BDR merupakan alternatif cara bekerja baharu dalam perkhidmatan awam yang dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah (PP 5/2020). Justeru PSA telah mengambil inisiatif membangunkan Sistem eBDR sebagai kawalan dan pematuhan kepada alternatif cara bekerja ini. Sistem ini dibangunkan sendiri menggunakan kepakaran dalaman Unit Teknologi Maklumat PSA. Walau bagaimanapun masih ada warga PSA yang kurang jelas berkaitan penulisan laporan di Sistem eBDR. Oleh sebab itu satu kursus kaedah penulisan dalam sistem eBDR telah diadakan pada 20 Ogos 2021 untuk memberikan maklumat jelas dan mendapatkan maklumbalas dari warga PSA berkaitan penggunaan sistem ini.

Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail telah merasmikan kursus ini yang dijalankan secara dalam talian. Kursus ini merupakan anjuran bersama Jabatan Pentadbiran, Unit Teknologi Maklumat (ICT), Pusat Perancangan Strategik (CSM) serta Pusat Akademik dan Teknologi Instruksional Terkehadapan (FITAC) yang diwakili oleh Pn. Rohana binti Khalid (JPENT), Encik Azran Zainal Abidin (ICT) dan Puan Norazlina Jaafar (JKE). Ts. Dr. Hj. Mohd Najib Hamdan pula telah bertindak sebagai moderator. Kursus yang berlangsung selama satu hari ini adalah diwajibkan kepada semua staf dan telah mendapat maklumbalas yang baik dengan kehadiran sejumlah 370 orang peserta.

Objektif kursus ini adalah untuk :

1. Menjelaskan tatacara dan tanggungjawab Pegawai yang bekerja dari rumah di bawah PP BIL 5/2020 berkuatkuasa 1.1.2021,
2. Mendedahkan cara penulisan Laporan aktiviti BDR atau tugas yang dilakukan dalam sistem eBDR,
3. Mendedahkan cara penulisan Laporan Output BDR dalam sistem eBDR dan
4. Memastikan Pelaksanaan BDR tidak akan menjelas atau menyebabkan penyusutan kualiti penyampaian perkhidmatan dan prestasi kerja pegawai serta fungsi PSA berjalan seperti biasa walaupun staf bekerja dari rumah.

Selain ditunjukkan cara yang betul untuk menulis laporan aktiviti kerja harian, staf juga didedahkan contoh kesilapan yang selalu dibuat dalam menulis laporan ini. Laporan aktiviti kerja harian ini mengandungi 2 komponen iaitu Komponen A: Laporan Aktiviti BDR dan Komponen B: Laporan Output BDR. Dalam Komponen A staf perlu menulis jenis aktiviti yang dilakukan secara ringkas. Aktiviti tersebut mestilah dapat diukur dan difahami sepanjang tempoh waktu bekerja secara BDR. Komponen B pula staf perlu menyatakan peratusan atau bilangan aktiviti di komponen A yang telah selesai dilaksanakan.

Kaedah penulisan yang betul dalam sistem eBDR ini sepatutnya dapat memudahkan staf dan penyelia menyemak tugas masing-masing dan bagi memastikan tugas pejabat dilaksanakan pada masa yang ditetapkan.

CATATAN PENGALAMAN TS. ASMIRA SEBAGAI SUKARELAWAN DI PPV MEGA KLCC

Oleh : Lt. Kdr. Ts. Asmira bin Ashari
Ketua Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum

1 Julai 2021 - Peningkatan kes COVID-19 yang tinggi menyebabkan Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 bagi seluruh negeri. Pada ketika itu peratusan penerimaan vaksin adalah kecil sedangkan kes COVID-19 menunjukkan peratusan jangkitan yang tinggi. Usaha kerajaan mempercepatkan vaksinasi dilihat berpotensi untuk menurunkan kadar jangkitan. Menurut pakar-pakar perubatan, jumlah jangkitan akan menurun apabila lebih 40 peratus penduduk sudah menerima sekurang-kurangnya dos pertama vaksin. Situasi ini berdasarkan pengalaman di United Kingdom di mana penumpuan diberikan kepada pemberian vaksin dos pertama kepada semua penduduk dahulu dan ianya terbukti berhasil.

Langkah Kerajaan menubuhkan PPV Mega merupakan kaedah untuk meningkatkan kebolehcapaian peratusan pemberian vaksin kepada rakyat. Pada ketika itu PPV Mega memerlukan penempatan seorang pegawai ATM sekaligus memenuhi pelan strategi TLDM 2021-2025 iaitu kerjasama tentera dan awam (Civil-Military Co-operation, CIMIC).

Pengalaman yang tidak dapat dilupakan sebagai anggota Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut DiRaja Malaysia (PSSTLDM) adalah apabila terpilih mewakili Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk bertugas sebagai Floor Manager pada ketika itu. Saya merasakan ini satu peluang dan pengorbanan yang perlu diberikan kepada negara sebagai anggota PSSTLDM. 1 Julai 2021 merupakan tarikh keramat kerana itulah hari pertama saya melapor di sana. Kehadiran saya disambut baik oleh Pengurus PPV KLCC iaitu Dr. Muhammad Afif Rafa'ai yang juga pegawai perubatan KKM dan petugas sukarelawan yang lain.

Sebagai Floor Manager, saya perlu berada di PPV Mega KLCC sehingga kadar peratusan vaksinasi yang ditetapkan tercapai. PPV Mega KLCC beroperasi 7 hari seminggu termasuk hari cuti umum bermula 8.00 pagi sehingga 9.00 malam. Pengalaman menyambut Aidil Adha dan Hari Kemerdekaan di PPV merupakan satu suasana yang tidak dapat dilupakan bersama petugas lain yang terdiri daripada pelbagai bidang kerjaya dan bangsa. Kepenatan bertugas akan hilang apabila PPV berjaya mencapai kadar vaksinasi harian yang tinggi dengan kadar maksimum 19,000 dos sehari.

Tugas utama saya adalah memastikan urusan pemberian vaksinasi berjalan lancar bermula pintu masuk PPV sehingga selesai vaksinasi. Selain itu, saya juga perlu memastikan petugas sukarelawan bukan kesihatan sentiasa melaksanakan tugas dengan baik setiap hari. Sebarang provokasi yang berlaku dalam PPV hendaklah diselesaikan dengan cara yang tenang dan baik agar ianya tidak menganggu emosi penerima vaksin yang lain. Saya juga berperanan memastikan penerima vaksin yang hadir adalah bebas daripada jangkitan COVID-19 dan perlu mengetahui Prosedur Operasi Standard sekiranya berlaku ketidakpatuhan bagi mengelakkan situasi tidak terkawal atau panik dalam PPV. Komitmen yang saya terima daripada semua petugas amat membanggakan. Peranan saya di sana berakhir apabila pada 15 September 2021 operasi PPV Mega KLCC ditamatkan melalui pemakluman oleh pihak COVID-19 Immunisation Task Force (CITF) kerana telah mencapai peratusan vaksinasi yang disasarkan.



Para sukarelawan di PPV Mega KLCC@PSSLTLD



PSA CAPAI IMUNITI KELOMPOK, 86 PERATUS PELAJAR LENGKAP DIVAKSINASI

Sumber : Kosmo Online

25 September 2021 - Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) berjaya mencapai imuniti kelompok di kalangan kakitangan dan pelajarnya. Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd. Zahari Ismail berkata, berdasarkan rekod seramai 97.57 peratus daripada 411 kakitangan telah lengkap vaksinasi manakala 86.71 peratus daripada 3069 pelajar telah menerima dua suntikan dos vaksin.

Katanya, kejayaan ini adalah hasil insiatif kerjasama pihaknya dengan Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) Daerah Petaling di samping kesedaran kakitangan dan para pelajar sendiri untuk mendapatkan vaksinasi. "PSA melalui Jawatankuasa Pengurusan Krisis COVID-19 giat menjalankan pelbagai usaha untuk mencapai imuniti kelompok bagi menjadikannya sebagai kampus selamat serta bersedia menerima kemasukan pelajar bermula 15 Oktober ini.

"Mengenai vaksinasi, para pensyarah mengambil inisiatif menghubungi para pelajar bagi memastikan data pelajar dilengkapkan bagi tujuan memudahkan pemantauan dan perekodan. Namun, kita tidak memaksa para pelajar," katanya dalam kenyataan beliau hari ini. Untuk rekod, PSA turut dilantik sebagai penyelaras peringkat negeri Selangor bagi program vaksinasi Politeknik dan Kolej Komuniti melibatkan 11 institusi. Beliau memberitahu, pihaknya sentiasa berhubung dengan para pelajar secara dalam talian melalui aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta pelbagai program yang dijalankan di PSA.

Jelas Dr. Hj. Mohd. Zahari, pihaknya berharap para pelajar bersedia untuk kembali semula ke kampus dengan mematuhi SOP dan norma baharu. "Kita juga berharap mereka tidak terpengaruh dengan sebarang mitos mengenai vaksin kerana kajian telah membuktikan kepentingan dan keberkesanannya." Katanya. - K! ONLINE

MAJLIS PENUTUPAN MINGGU SUAI KENAL SESI 1 2021/2022 SECARA DALAM TALIAN

Oleh : Ahmad Khairi Aswad bin Ishak
Pegawai Disiplin, Jabatan Hal Ehwal Pelajar

25 September 2021 - Susulan peningkatan kes COVID-19 di seluruh negara, PSA mengambil keputusan mengadakan Pendaftaran dan Minggu Suai Kenal (MSK) Pelajar Baharu bagi sesi 1: 2021/2022 secara dalam talian.

Seramai 709 pelajar baharu bagi sesi 1: 2021/2022 yang mendaftar juga secara dalam talian pada 21 September lalu telah menjalani MSK dalam suasana norma baharu. Menurut Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail pihak pengurusan terpaksa mengadakan sesi pendaftaran dan MSK secara dalam talian berikutan peningkatan semula kes COVID-19 di negara ini.

"Saya pasti para pelajar saya telah pun mendapatkan suntikan vaksin dan ramai juga telah mengambil suntikan dos penggalak (booster). Bagi yang belum, saya sarankan agar berusaha mendapatkannya dengan secepat mungkin memandangkan kadar jangkitan yang tinggi ketika ini."

"Patuhlah dengan SOP yang ditetapkan. Jagalah diri dan buat yang terbaik untuk meningkatkan survivability anda kerana suka ataupun tidak kita harus belajar untuk hidup bersama-sama virus ini," ujarnya ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan MSK secara dalam talian hari ini.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang seminggu program MSK berlangsung iaitu sesi bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum (JSKK), Pusat Keusahawanan Premier (PEC), Unit Peperiksaan serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Para pelajar berpeluang bertemu pihak pengurusan PSA dalam Majlis Penutupan MSK. Oleh itu, selamat menjalani semester baharu buat semua Pelajar PSA.





Perjumpaan Pengarah bersama kakitangan kawalan keselamatan PSA



SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN KOMITED PASTIKAN PSA SELAMAT

Oleh : Herlina Ainizawati binti Zakaria
Pegawai Perhubungan Awam

6 Oktober 2021 – Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail bersama pengurusan tertinggi telah mengadakan perjumpaan Ramah Mesra Pengurusan dengan syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan PSA pada 6 Oktober lalu. Perjumpaan tersebut adalah bertujuan untuk menyampaikan hasrat PSA kepada syarikat Shark Force Sdn. Bhd. agar memberikan perkhidmatan yang terbaik khususnya peranan mereka dalam menjaga keselamatan dan imej PSA. Turut disampaikan agar semua petugas memainkan peranan yang proaktif terhadap pematuhan SOP keselamatan dan kesihatan terkini khususnya menjelang kemasukan pelajar bermula 15 Oktober 2021 nanti.



Perjumpaan Ramah Mesra Pengurusan dengan syarikat kawalan keselamatan

RANGKUMAN AKTIVITI

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PSA 2021



PENGARAH MELANCARKAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PSA 2021

Oleh : Herlina Ainizawati binti Zakaria
Pegawai Perhubungan Awam

28 Ogos 2021 - Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd. Zahari Ismail telah membuat Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan 2021 secara dalam talian melalui Ms Team. Program ini diselaraskan oleh Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum. Sambutan kemerdekaan kali ini banyak memasukkan elemen gaya hidup sihat dengan menggalakkan staf supaya melakukan aktiviti fizikal kerana telah banyak berehat di rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

Sebagai tanda solidariti sempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan 2021 PSA ini, semua warga PSA telah menggunakan imej kemerdekaan yang sama sebagai laterbelakang skrin. Majlis pelancaran yang bermula pada pukul 9.00 pagi telah diteruskan dengan agenda Bacaan Yasin anjuran Pusat Islam PSA yang dipimpin oleh Ustaz Khairul Napisham Abdul Razak, Imam 1 Pusat Islam. Bagi menyempurnakan majlis, beliau juga telah menyampaikan tazkirah kemerdekaan sebaik selesai bacaan Yasin. Majlis pelancaran ini berakhir kira-kira 11.30 pagi dengan laungan Merdeka dan sesi bergambar dengan kibaran bendera di tempat masing-masing.

PSA ANJUR KUIZ KEMERDEKAAN & HARI MALAYSIA SECARA DALAM TALIAN

Oleh : Norhayati binti Majid
Ketua Perpustakaan Ibnu Khaldun

25 Ogos 2021 - Perpustakaan Ibnu Khaldun telah mengadakan kuiz secara dalam talian bagi menyemarakkan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021. Kuiz ini terbuka kepada warga PSA di mana 15 staf dan 20 siswa telah dipilih sebagai pemenang. Pemenang dari kategori staf telah menerima sijil penyertaan dan buku manakala pemenang kategori siswa telah menerima wang tunai, buku dan sijil penyertaan. Senarai nama pemenang adalah seperti berikut:

STAF

1. Mek Zah binti Che Ahmad
2. Siti Noryanie binti Yusoff
3. Wahida binti Mohamad Noor
4. Rusnani binti Yahya
5. Nur Aqila binti Kamarol Zamal
6. Ainiza binti Silim
7. Herlina Ainizawati binti Zakaria
8. Haryanti binti Abdullah
9. Muhammad Azri bin Mohd Zain
10. Nor Sahara binti Abd Haniff
11. Dr. Hjh. Wan Rosemehah binti Wan Omar
12. Nur Ayuni binti Ahmad
13. Noor Zahilah binti Rapal
14. Jamaliah binti Jaafar
15. Rohaizana binti Ramli

SISWA

1. Muhammad Ridzuan Amir bin Zunuwanas
2. Muhammad Amirul Fahmi bin Jasni
3. Nik Hafidzuddin Haiqal bin Nek Lah
4. Nurin Darwisyah binti Sarazim
5. Nur Intan Syazwani binti Mohd Badly
6. Mohamad Akmal Hazim bin Nasrol
7. Putri Nurnajha binti Zaini
8. Athityaan A/L Loganathan
9. Alfred Paul A/L Arokiam
10. Siti Zahidah binti Ishak
11. Muhammad Izrin bin Ahmad Saufian
12. Nurul Shafiqah binti Shahri
13. Muhammad Fadhilah bin Abd Kadir
14. Ahmad Asyraf Rahimi bin Jefri
15. Ytheswary Nithyanandam
16. Lishalini A/P Jaya Kumar
17. Nur Afrina binti Azhar
18. Muhammad Thalha bin Hamdan
19. Mohamad Haziq bin Mohamad Tahir
20. Nur Fhatiqah binti Sha'aban

PERTANDINGAN AIR TANGAN SEMARAK MERDEKA 2021

Oleh : Jamaliah binti Jaafar
Setiausaha Puspanita

27 Ogos 2021 - Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021, PUSPANITA telah menganjurkan pertandingan memasak iaitu Air Tangan Semarak Merdeka. Bertemakan menu minum petang, peserta perlu menyediakan video masakan berdurasi 3 hingga 5 minit untuk dinilai urusetia pertandingan. Selain menyemarakkan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021, pertandingan ini ibarat serampang dua mata yang dapat mencungkil kebolehan memasak sekaligus mengasah kemahiran peserta dalam menghasilkan video yang menarik.

Pertandingan yang berlangsung selama 2 minggu ini iaitu dari 27 Ogos hingga 13 September 2021 telah menerima 12 penyertaan dari ahli PUSPANITA. Lima orang peserta telah dinobatkan sebagai pemenang yang diumumkan pada 15 September 2021 di dalam Majlis Perhimpunan Staf PSA Bilangan 3/2021. Pemenang telah menerima hadiah berbentuk wang tunai sumbangan PUSPANITA beserta hadiah iringan daripada pengajur program Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Tempat Pertama : Siti Zaliha binti Omar @ Othman (Pusat Pengurusan Strategik) Menu : Ubi Kayu Dua Cara
Tempat Kedua : Nur'shakirah binti Salehan (Jabatan Pengajian Am)
Menu : Puding Kastard Jagung Tempat
Ketiga : Mariana binti Rosdi (Jabatan Kejuruteraan Elektrik)
Menu : Tang Yuan
Saguhati (1) : Nur Syafiqah binti Abdullah (Jabatan Kejuruteraan Elektrik)
Menu : Apam Solo
Saguhati (2) : Nor Khairul Aina binti Mat Din Menu : Puding Merdeka

Tahniah kepada semua pemenang!



BACAAN SURAH AL-MULK SEMPENA SAMBUTAN KEMERDEKAAN

Oleh : Norhayati binti Majid
Ketua Perpustakaan Ibnu Khaldun

30 Ogos 2021 - QuranHour merupakan kempen anjuran Yayasan Warisan Ummah Ikhlas yang menggalakkan individu berinteraksi dengan Al-Quran melalui Baca, Faham dan Amal. Terdapat dua kempen QuranHour iaitu World QuranHour dan Malaysia QuranHour. Malaysia QuranHour diadakan menjelang ulang tahun kemerdekaan negara demi membentuk sebuah negara yang harmoni, progresif dan utuh berdasarkan prinsip daripada Al-Quran.

Pada hari ini, serentak seluruh negara telah mengalunkan bacaan Surah Al-Mulk melalui program yang berlangsung selama 1 jam bermula pukul 12.00 tengah hari. Malaysia QuranHour di PSA menampilkan Timbalan Pengurus Pusat Islam, Ustaz Hj. Safwan Abdullah untuk memimpin bacaan surah manakala tadabbur pula disampaikan oleh Ustazah Ainoor Mahfuzah Dato' Hj. Ahmad. Beliau menekankan tiga motivasi yang dapat diambil dari surah ini dan berkongsi tujuh formula kejayaan dari Surah Al-Musabbihat. Program ini meriah dengan kehadiran 102 orang staf secara dalam talian. QuranHour sebegini wajar diteruskan pada masa akan datang untuk menggalakkan staf membaca Al-Quran dan mengambil pengajaran dari surah yang dibaca.



PERTANDINGAN SWAFOTO MERDEKA

Oleh : Ts. Asmira bin Ashari
Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan

31 Ogos 2021 - Kehangatan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021 diteruskan dengan Pertandingan Swafoto Merdeka yang berlangsung dari 31 Ogos hingga 16 September 2021. Swafoto oleh bekas gimnas negara, En. Mohd Azzam Azmi dengan aksi berdiri hanya menggunakan sebelah tangan telah dinobatkan sebagai juara. Seterusnya tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh En. Fauzi Derani dan En. Ishak Hassan yang berswafoto Bersama aksi woodball mereka. Penganjur tidak menghamparkan 7 pemenang yang lain dengan menyediakan saguhati kepada mereka dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua para pemenang. Keputusan penuh Swafoto Merdeka 2021 adalah seperti berikut:

Kedudukan Nama Pemenang

Juara	: Mohd Azzam bin Azmi
Naib Juara	: Mohd Fauzi bin Derani
Ketiga	: Ishak bin Hasan
Saguhati	: Shareen Lee Yong Yong, Norsafira binti Baharom, Rosmena binti Mat Yusop, Jamaliah binti Jaafar, Noor Hayati binti Mat Taib, Hamdan bin Abdul Ghani dan Mohammad Fahmy bin Ibrahim



64000 LANGKAH MERDEKA 2021

Oleh : Jamaliah binti Jaafar
Ketua Kursus Kokurikulum, Jabatan Hal Ehwal Pelajar

31 Ogos 2021 - Tahap kesihatan yang baik tentunya akan meningkatkan kualiti kehidupan seseorang. Justeru Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail banyak menekankan penjagaan kesihatan di kalangan staf. Bagi menyahut seruan beliau, penghayatan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021 telah dimasukkan elemen aktiviti gaya hidup sihat.

Jawatankuasa Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021 telah melancarkan pertandingan aktiviti berjalan-jalan dengan pantas atau 'brisk walking' untuk dilaksanakan oleh staf. Aktiviti ini harus dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan bermula dari 31 Ogos 2021 sehingga 16 September 2021 di mana-mana lokasi yang bersesuaian. Sasaran 64000 langkah dipilih sebagai simbolik kepada 64 tahun Malaysia telah mencapai kemerdekaan. Aktiviti tersebut perlu direkodkan menggunakan aplikasi Pacer Pedometer. Seramai 35 orang peserta telah menyertai aktiviti ini dan pemenang dipilih berdasarkan peserta yang terpantas mencukupkan bilangan langkah yang diperlukan seterusnya menghantar bukti pelaksanaan aktiviti kepada urusetia. Berikut adalah senarai pemenang bagi 64000 Langkah Merdeka:

Kategori	Lelaki	Wanita
Juara	Yaakub bin Omar Jabatan Kejuruteraan Elektrik	Shereen Lee Yong Yong Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan
Naib Juara	Wan Mohd Zamri bin Wan Ab Rahman Jabatan Kejuruteraan Elektrik	Noreen Natasha binti Yusof Jabatan Pengajian Am
Ketiga	Azran bin Zainal Abidin Jabatan Pembangunan & Pengurusan Fasiliti	Noor Hayati binti Mat Taib Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan



PERTANDINGAN FOTO KAYUHAN MERDEKA

Oleh : Herlina Ainizawati binti Zakaria
Pegawai Perhubungan Awam

8 September 2021 - Pertandingan Foto Kayuhan Merdeka merupakan pertandingan yang diadakan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PSA sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021. Pertandingan ini telah bermula pada 8 September - 14 September 2021. Tiga foto telah dipilih sebagai pemenang. Johan pertandingan jatuh kepada En. Ahmad Khairi Aswad Ishak, Naib Johan dimenangi oleh Sdr. Nazreen Suffian manakala Sdr. Muhamad Firas Aliyan Ismail jatuh ke tempat ketiga. Syabas dan tahniah kepada semua pemenang.



KAYUHAN BASIKAL 64 KILOMETER

Oleh : Mohd Fahmy bin Ibrahim
Ketua Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Kokurikulum

11 September 2021 - Kayuhan basikal sejauh 64 kilometer telah disertai oleh 5 orang kakitangan PSA yang bermula dari dataran PSA. Antara laluan kayuhan basikal ini adalah laluan motosikal lebuhraya Guthrie, Elmina dan membuat pusingan U di Jambatan "Zombie" di lebuhraya Guthrie dan terus kembali semula ke PSA. Pemilihan jarak sejauh 64 km ini adalah simbolik kepada sambutan bulan kebangsaan yang ke 64. Semua peserta berjaya menamatkan kayuhan basikal yang mengambil masa selama 3 jam dan 30 minit.



PENGARAH MERASMIKAN PENUTUPAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PSA 2021


Oleh : Norazlina binti Jaafar
Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik

15 September 2021 - Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah menganjurkan Perhimpunan Staf Bilangan 3/2021 yang bertemakan Harapan, Perjuangan dan Kemenangan bersekali dengan penutupan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021. Bersesuaian dengan tema kemerdekaan semua staf telah mengenakan pakaian berasaskan warna yang terdapat pada Jalur Gemilang. Majlis ini dirasmikan oleh Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail dan diadakan secara dalam talian disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan yang masih berkuat kuasa di seluruh negara.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku diikuti dengan lagu Maju Jaya PSA, Bacaan Doa dan Ikrar Perkhidmatan Awam. Seterusnya tayangan video 'Harapan dan Perjuangan' telah dipaparkan kepada hadirin di mana Pn. Nur Syafiqah Abdullah, pensyarah JKE telah mendendangkan syair kemerdekaan dengan penuh bersemangat dan mendapat tepukan gemuruh dari semua yang hadir. Majlis diteruskan dengan tayangan multimedia sorotan aktiviti PSA bagi bulan Julai, Ogos dan September 2021 dari setiap Jabatan, Pusat dan Unit. Tuan Pengarah meneruskan majlis dengan ucapan alu-aluan dengan mengingatkan semua warga untuk terus mematuhi SOP. Beliau memaklumkan tentang pengoperasian institusi seterusnya merasmikan Penutupan Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021. Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah hari lahir staf bagi bulan Julai, Ogos dan September.

Sepanjang berlangsungnya Sambutan Bulan Kemerdekaan PSA 2021, pelbagai aktiviti dan pertandingan menarik telah diadakan di PSA iaitu Kuiz Kemerdekaan & Hari Malaysia, pertandingan Air Tangan Semarak Merdeka 2021, Malaysia Quran Hour, pertandingan Swafoto Merdeka, Woodball Merdeka, 64000 Langkah Merdeka 2021, dan Kayuhan Basikal 64 Kilometer. Pada majlis ini, Tuan Pengarah turut menyampaikan hadiah pertandingan bulan kemerdekaan yang telah dijalankan. Majlis diteruskan dengan aktiviti yang paling meriah iaitu aktiviti berbalas pantun merdeka yang disertai oleh wakil dari setiap jabatan. Setiap peserta perlu menjual dan membeli pantun kemerdekaan secara spontan. Selepas itu, diadakan juga kuiz kemerdekaan menggunakan aplikasi Kahoot!, dan tiga orang staf telah berjaya menjadi pemenang kuiz ini.

Sebelum berakhirnya majlis ini, para hadirin dihidangkan dengan sebuah sajak Kemenangan yang dideklamasikan oleh pensyarah-pensyarah berbakat dari JKE dan semua staf telah bersama-sama menyanyikan lagu Menang Bersama dan Malaysia. Pada akhir majlis, sesi bergambar bersama Tuan Pengarah dan seluruh warga PSA telah diabadikan secara dalam talian. Meskipun Majlis Perhimpunan Staf kali ini diadakan secara dalam talian, ianya dilihat sebagai sambutan yang paling meriah pernah diadakan.



Deklamasi sajak oleh staf PSA

File Edit Share View Audio & Video Participants Recording Breakout Sessions Help
Speaking: 9m2agc



SAMBUTAN BULAN AKADEMIA 2021

PENGARAH MELANCARKAN SAMBUTAN BULAN AKADEMIA ZON TENGAH

Oleh : Normasita binti Sulaiman
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam

7 Oktober 2021 - Kementerian Pengajian Tinggi telah mengisytiharkan 5 Oktober sebagai Hari Akademia manakala Oktober sebagai Bulan Akademia. Sambutan yang dimulakan pada tahun 2019 ini ditujukan kepada semua pensyarah samada di IPTA atau IPTS, Politeknik, Kolej Komuniti dan lain-lain. Pada 7 Oktober 2021 Majlis Pelancaran Bulan Akademia Politeknik Zon Tengah telah dirasmikan oleh Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail selaku Pengerusi Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah di Kolej Komuniti Kuala Langat. Majlis ini telah dijalankan secara dalam talian. Dalam ucapannya, Tuan Pengarah memaklumkan yang Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah akan melaksanakan pelbagai aktiviti sempena Bulan Akademia ini dengan tema Akademia Diperkasa, Digitalisasi Dibudaya. Selepas majlis Pelancaran, Tuan Pengarah PSA turut dibawa mewawancara ke hangar kapal terbang yang terdapat di Kolej Komuniti Kuala Langat.

PSA juga turut meraikan Bulan Akademia ini dengan pelbagai aktiviti sambutan antaranya ialah Polycctube, Lawatan Akademik Timbalan Ketua Pengarah Perancangan ke Innovation and Commercialization Centre (ICC PSA) dan tapak rumah Timtech, TVET-Industry Collaboration Engagement (TICE), Majlis Anugerah Akademia, dan Majlis Penutupan Bulan Akademia peringkat Zon Tengah. Sebanyak 26 aktiviti sepanjang Bulan Akademia yang dirancang telah dilaksanakan oleh lima jabatan utama di PSA. Bagi kemudahan rujukan akan datang, PSA turut mengeluarkan sebuah buku berkaitan pelaksanaan Sambutan Bulan Akademia ini dalam bentuk coffee table.



Majlis Pelancaran Bulan Akademia Peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah di Kolej Komuniti Kuala Langat pada 7 Oktober 2021

INNOVATION & COMMERCIALIZATION CENTRE (ICC) DAN TAPAK RUMAH TIMTECH



LAWATAN AKADEMIK KE POLITEKNIK BANTING PADA 7 OKTOBER 2021



LAWATAN TAPAK BINA RUMAH KAYU IBS TIMTECH PSA-MTIB PADA 8 OKTOBER 2021



**LAWATAN TIMBALAN KETUA PENGARAH, JPPKK KE
INNOVATION COMMERCIALIZATION CENTRE (ICC) PADA 8 OKTOBER 2021**



Penilaian Akhir Anugerah Keusahawanan KPT Pada 11 Oktober 2021



Majlis Anugerah Akademia PSA yang disampaikan oleh Ybhg Datuk Seri KSU KPT Pada 20 Oktober 2021



Majlis Penutup Bulan Akademia Peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah yang dirasmikan oleh Pengarah PSA pada 29 Oktober 2021



PSA MERAIH DUA KEMENANGAN DALAM POLYCCTUBE

Oleh : Hazlina binti Harumaini
Pensyarah Jabatan Pengajian Am

4 Oktober 2021 - Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) bersama Bahagian Ambilan & Pembangunan Pelajar (BAPP), Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menganjurkan Program PolyCCTube 2021 dengan kerjasama dari Film Director's Association of Malaysia (FDAM) dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Program yang diadakan bermula 26 Julai hingga 13 Oktober 2021 ini telah menyediakan pelbagai aktiviti seperti Webinar PolyCCTube 2021 antaranya ialah Video Screening bersama Unit Komunikasi Korporat JPPKK, Penjurian Video Pertandingan PolyCCTube 2021 dan Majlis Penutup Pertandingan PolyCCTube 2021.

Objektif utama program ini adalah untuk membentuk siswa Politeknik dan Kolej Komuniti yang lebih kreatif dan inovatif. PolyCCTube juga diharap mampu menaik taraf idea-idea siswa yang berkebolehan di dalam pembangunan produk multimedia serta meningkatkan kualiti siswa di dalam bidang multimedia dan penghasilan video khasnya serta mampu bersaing terutama dalam pasaran bebas. Wakil dari PSA telah berjaya mendapat johan dalam kategori Bahasa Melayu dengan video yang bertajuk "Harmoni Malaysia". Video berdurasi 2 minit 40 saat ini dihasilkan oleh Muhammad Shaffuan Mustafa, siswa Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM1,500, trofi serta sijil. PSA turut meraih tempat kedua bagi kategori yang sama menerusi video Perbezaan. Selain itu PSA turut menjuarai kategori Pilihan Penonton menerusi video berjudul "Anak Malaysia". Tahniah PSA!



TKPP JPPKK LAWAT INNOVATION & COMMERCIALIZATION CENTRE (ICC) DAN TAPAK RUMAH TIMTECH

Oleh : Herlina Ainizawati binti Zakaria

Pegawai Perhubungan Awam

8 Oktober 2021 - Tuan Pengarah, Dr. Mohd Zahari bin Ismail telah menyambut lawatan kerja oleh YBrs. Dr. Zubaidah Aman, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej komuniti (JPPKK) ke PSA bagi meninjau Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) JPPKK yang ditempatkan di PSA. Dalam sesi lawatan tersebut, Dr. Zubaidah diberi penerangan mengenai fasa-fasa pembangunan ICC dan produk-produk inovasi yang telah memenangi pelbagai pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau kemudiannya dibawa melihat produk-produk yang dipamerkan antaranya Envipro iaitu penapis minyak domestik, sanitizer dan lotion dari daun ketapang, Smart Kit iaitu set tanaman hidro dan HiREG iaitu set permainan mengenai hijrah Rasulullah.

Selesai melawat ICC, beliau kemudiannya diberi taklimat berkenaan ICC yang disampaikan oleh Ts. Roseman Mat Jidin, Timbalan Pengarah Akademik PSA dan Ts. Dr. Mohd Norhadi Muda, Timbalan Pengarah (Unit Pengkomersialan) Pusat Penyelidikan dan Inovasi JPPKK. Dr. Zubaidah berpuas hati dengan penerangan serta produk-produk yang dihasilkan dan berharap agar semua pihak memainkan peranan yang proaktif dalam menggiatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi seterusnya memastikan produk-produk inovasi tersebut dikomersialkan.

Dalam pada itu beliau turut berkesempatan melawat tapak rumah TimTech yang merupakan rumah kayu berkonseptan Industrialised Building System (IBS). Projek yang merupakan hasil kerjasama PSA dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) ini mensasarkan penghasilan Modul Pembelajaran dan Standard Operation Procedure (SOP) serta contoh rumah kayu berkonseptan IBS sepenuhnya yang pertama di Malaysia bagi pengusaha-pengusaha pembuatan rumah. Turut hadir ialah Dr. Ishak Mohamad, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi JPPKK dan En. Muhapis A. Hakim, Pengarah Kolej Komuniti Shah Alam. Lawatan kerja ini diadakan bersempena sambutan Bulan Akademia yang disambut sepanjang Oktober ini..



TVET-INDUSTRY COLLABORATION ENGAGEMENT (TICE) 2021

Oleh: Natasya Mariz binti Mohamed
Ketua Pusat Korporat, Hubungan Industri & Kebolehpasaran

20 Oktober 2021 - TVET-Industry Collaboration Engagement (TICE) 2021 merupakan satu program yang mempelbagaikan aktiviti kebolehpasaran graduan bertujuan melahirkan graduan TVET yang memenuhi keperluan industri. Program ini dianjurkan setiap tahun dan sebelum ini dikenali dengan nama Career Fair. TICE 2021 dirangka untuk mempersiapkan siswa mengenali alam pekerjaan dengan pengisian kemahiran softskill dan pengetahuan berkaitan kerjaya dalam era Industri 4.0. Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail telah merasmikan TICE 2021 yang diadakan secara hibrid pada 20 Oktober 2021 di Dewan Al-Jazari. Semua aktiviti dalam TICE telah dilaksanakan secara dalam talian iaitu ceramah CEO @POLYCC oleh Dato' Moktar Mohd Salleh, bengkel penulisan resume dan tips temuduga serta sesi temuduga kerjaya. Pada hari terakhir siswa turut mendapat pendedahan bersama alumni yang telah berjaya dalam Alumni Success Stories. Turut diadakan sesi ceramah berjudul Program Penjana PERKESO dan Kepentingan Teknologi IoT dalam memperkasakan TVET.

Sasaran peserta TICE 2021 adalah siswa PSA daripada semua jabatan terutamanya siswa semester akhir iaitu semester 5 yang selangkah lagi ke alam Latihan Industri. Namun begitu, semua siswa daripada semester lain juga turut mendapat peluang dan diberi pendedahan awal tentang alam kerjaya.

Objektif khusus pengajuran program berbentuk high-impact ini adalah memberi pendedahan awal kepada siswa tentang alam pekerjaan yang sebenar, menghasilkan graduan yang menambah baik ekosistem, menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran tinggi dan akhir sekali memberi pendedahan kepada siswa mengenai cara menjawab temuduga.

Hasil daripada pelaksanaan program ini, siswa telah mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh melalui penghasilan resume yang berkesan, berasa lebih yakin untuk menghadiri temu duga kerjaya setelah tamat pengajian kelak dan menjadi lebih kreatif dalam penghasilan projek akhir semester. Program TICE 2021 ini sangat berkesan kepada semua pelajar terutamanya pelajar semester akhir sebagai persediaan melangkah ke alam pekerjaan. Selain itu, melalui pelaksanaan program ini, pelbagai KPI PSA berjaya dicapai contohnya KPI Pengarah untuk Teras 1, KPI Sistem Penasihat Akademik (SPAk), APACC, MQA dan lain-lain lagi yang menitikberatkan tentang elemen kebolehpasaran pelajar dan graduan.

DATO' SERI KSU SAMPAIKAN ANUGERAH AKADEMIA KEPADA STAF PSA

Oleh : Hjh. Nor Zarina binti Pitdin
Ketua Jabatan Perdagangan

20 Oktober 2021 - Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Mazlan Yusof telah menjalankan lawatan kerja ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Turut bersama dalam lawatan tersebut ialah Dr. Mohd Zabri Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT dan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Ts. Zainab Ahmad.

Dalam rangka lawatan kerja tersebut, Datuk Seri KSU telah berbesar hati menyampaikan Anugerah Akademia kepada 10 kategori staf. Anugerah Akademia merupakan platform bagi PSA untuk menghargai dan mengiktiraf sumbangan serta pencapaian ahli akademik sebagai modal insan negara. Anugerah ini juga memberi pengiktirafan kepada staf sokongan yang berperanan sebagai pelengkap kepada aktiviti ahli akademik. Impak penganugerahan ini selain dari memberi penghargaan kepada staf yang telah berusaha memajukan pencapaian diri, siswa dan institusi ia juga diharap dapat menjadi pemangkin kepada staf yang lain untuk mengangkat martabat diri, siswa dan institusi pada masa akan datang.

Selain dari penyampaian Anugerah Akademia, tetamu dengan diiringi oleh Pengurusan Tertinggi PSA, Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail, Ts. Roseman Mat Jidin, Timbalan Pengarah Akademik serta Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas Azman, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, telah dibawa melawat ke CMET (Centre of Medical Electronic Technology), Makmal Klinikal di Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Bengkel CadCAM di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Lawatan kerja Datuk Seri KSU diakhiri dengan pelancaran Program Kecemerlangan Atlet (PKAT) Woodball Politeknik Malaysia, di mana PSA telah dilantik sebagai pusat yang bertanggungjawab dalam pencarian bakat sukan woodball di kalangan siswa Politeknik Malaysia untuk diketengahkan samada di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa. Pelancaran tersebut telah dilakukan di Galeria Bestari pada jam 4.30 petang. Dalam majlis tersebut, sebagai gimik pelancaran Datuk Seri KSU telah berjaya memasukkan bola ke dalam 'gate' dengan hanya dua pukulan sahaja.

Hasil dari lawatan kerja Datuk Seri KSU ini diharap dapat menyuntik harapan dan motivasi kepada seluruh warga kerja PSA agar bekerja dengan lebih cemerlang pada masa hadapan serta meningkatkan budaya kerjasama berpasukan terbaik dalam meneruskan agenda pendidikan tinggi negara.



PENDIGITALAN PENDIDIKAN POLITEKNIK BAGI MEREAL-ISASIKAN AGENDA PENDIGITALAN PENDIDIKAN NEGARA

Oleh : Hanis Nur Hanani binti Mohamad Razali
Pelatih Pustakawan, Perpustakaan Ibnu Khaldun

Tarikh 15 Oktober 2021 adalah hari istimewa warga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) khususnya untuk meraikan Sambutan Hari Akademia 2021 peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Sambutan ini diraikan sebagai memberi penghormatan kepada warga institusi pendidikan tinggi negara akan tanggungjawab dan peranan mereka dalam mendidik dan membangunkan anak bangsa serta menghasilkan modal insan negara. Bersempena Hari Guru Sedunia yang diperkenalkan UNESCO pada tahun 1994, KPT telah mengisyiharkan Hari Akademia disambut pada 5 Oktober setiap tahun dan Oktober disambut sebagai Bulan Akademia. Tema sambutan kali ini adalah Akademia Diperkasa, Digitalisasi Dibudaya. Bersesuaian dengan tema sambutan ini, warga Politeknik dan Kolej Komuniti tidak ketinggalan dalam menelusuri arus kemajuan teknologi digital yang semakin pesat. Matlamat kementerian adalah menjadi penyedia utama Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini merupakan laluan terbaik bagi negara untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, berinovasi dan mampu menghadapi saingan peringkat serantau maupun global.

Menurut Laporan Kajian Rasionalisasi TVET pada tahun 2012 oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) mendapati Politeknik dan Kolej Komuniti merupakan penyedia TVET terbesar dengan masing-masing menyumbang 55% dan 9% jumlah graduan TVET negara berbanding dengan agensi atau institusi TVET yang lain. Pada tahun 2016, kajian keperluan Permintaan dan Bekalan Modal Insan mengenai TVET telah menunjukkan daripada 1,392 buah syarikat dan organisasi yang ditinjau, didapati majikan menggaji pekerja daripada lulusan Politeknik sebanyak 25% dan 4% daripada Kolej Komuniti. Pencapaian ini merupakan kejayaan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran TVET. Menjelang tahun 2020, hala tuju Politeknik dan Kolej Komuniti turut berubah selari dengan pertumbuhan ekonomi digital yang kian berkembang pesat. Penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan 4IR negara pada November 2020, merancakkan lagi warganya dalam menguasai pendigitalan. Aspirasi negara ini selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang bermatlamat menyediakan pembangunan ekonomi yang adil dan saksama pada semua lapisan masyarakat menjelang tahun 2030.

Dalam sektor perkhidmatan Pendidikan, JPPKK telah mempersiapsiaga warganya dengan pelbagai inisiatif dalam teras strategiknya bertujuan untuk mentransformasikan TVET dalam sistem Pendidikan Tinggi Negara bagi melonjak Politeknik dan Kolej Komuniti kearah kecemerlangan. Antara yang digariskan dalam Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025) adalah memupuk kesedaran tentang Revolusi Industri keempat (IR 4.0) kepada warga Politeknik dan Kolej Komuniti termasuk Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Mendepani perubahan era digital ini, PSA mengorak langkah ke arah pendigitalan pendidikan. PSA merupakan Politeknik terkemuka berstatus premier di negeri Selangor dan di bawah seliaan JPPKK giat memperkasakan prasarana infostruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ke tahap yang lebih baik bagi keperluan agenda pendigitalan. Keperluan menyediakan capaian internet yang berkelajuan tinggi dan stabil serta akses kepada maklumat digital yang mudah dan cepat menjadi tulang belakang kepada kekuatan penyampaian perkhidmatan di PSA.



Platform seperti MS Team and Webex adalah aplikasi yang sering digunakan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), seminar, mesyuarat dan perundingan secara atas talian. Pensyarah dan pelajar dapat dihimpunkan serta dapat menjalankan aktiviti-aktiviti PdP tanpa terjejas kerana adanya kemudahan yang disediakan. Begitu juga dengan urusan penilaian berterusan dan peperiksaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selain daripada itu, platform ini digunakan secara meluas dan terbuka sebagai medium perantaraan dalam pengoperasian PSA. Dalam usaha memantapkan pengurusan ke arah pendigitalan, PSA telah membangunkan sistem pengurusan data yang lebih efisien dan boleh dipercayai serta mesra pengguna. Projek Bigdata@PSA ini bertujuan mewujudkan satu pangkalan data setempat yang terdapat di dalamnya semua sistem yang diguna pakai di PSA. Sistem ini memaparkan status data semasa secara real time, terkini, tepat dan pantas. Kepentingan daripada projek ini antaranya adalah data dapat diakses secara langsung dan pantas serta dapat memaparkan status data semasa dan terkini secara visual.

Selain daipada itu, PSA juga telah menyokong pendigitalan dengan menyediakan ruang pembelajaran abad ke-21 iaitu Technology Enable Collaborative Classroom (TECC) dan Digital Maker Space (DMS) serta menambah kuantiti bahan PdP melalui PSA Digital Library. PSA berhasrat untuk menjadi peneraju pendigitalan bahan rujukan TVET di Malaysia. Kesimpulannya, institusi TVET telah menjayakan transformasi digital dalam merealisasikan agenda pendigitalan Pendidikan negara. JPPKK telah memayungi agenda ini bagi meningkatkan produktiviti seiring dengan kemajuan teknologi pintar yang merangkumi semua aspek pengoperasian institusi TVET di Malaysia. Jalinan kerjasama yang erat antara JPPKK, industri dan institusi lain turut memperkasakan agenda TVET negara bagi memastikan tiada pihak yang ketinggalan dalam arus IR 4.0.

Artikel ini adalah karya Dr. Ainul Haezah Noruzman dan telah diterbitkan di akhbar Sinar pada 25 Oktober 2021.

SINAR HARIAN • ISNIN 25 OKTOBER 2021

Pendigitalan pendidikan politeknik Merealisasikan agenda pendigitalan pendidikan negara

Penulis: DR. AINUl HAEZAH NORUZMAN
PENSYARAH KANAN POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

Perpustakaan Ibnu Khaldun

STATUS PREMIER
Mendepani perubahan era digital ini, PSA mengorak langkah ke arah pendigitalan pendidikan. PSA merupakan politeknik terkenama berstatus premier di negeri Selangor dan di bawah seiliaan JPPKK giat memperbaiki prasarana infrastruktur dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ke tahap yang lebih baik bagi keperluan agenda pendigitalan.

Keupayaan menyediakan capaian internet yang berkualiti tinggi dan stabil serta akses kepada maklumat digital yang mudah dan cepat menjadikan backbone kepada kekuatan penyampaian perkhidmatan di PSA.

Platform seperti MS Team dan Webex adalah aplikasi sering digunakan dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), seminar, mesyuarat dan perundingan secara atas talian.

Pensyarah dan pelajar dapat dihimpunkan serta dapat menjalankan aktiviti-aktiviti PdP tanpa terjejas kerana adanya kemudahan yang disediakan. Begitu juga dengan urusan penilaian berterusan dan peperiksaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Selain daripada itu, platform ini digunakan secara meluas dan terbuka sebagai medium perantaraan dalam pengoperasian PSA.

Dalam usaha memantapkan pengurusan ke arah pendigitalan, PSA telah membangunkan sistem pengurusan data yang lebih efisien dan boleh dipercayai serta mesra pengguna.

Projek Bigdata@PSA ini bertujuan mewujudkan satu pangkalan data setempat yang terdapat pada semua sistem yang diguna pakai di PSA.

Sistem ini memaparkan status data semasa secara real time, terkini, tepat dan pantas. Kepentingan daripada projek ini antaranya adalah data dapat diakses secara langsung dan pantas serta dapat memaparkan status data semasa dan terkini secara visual.

Selain daripada itu, PSA juga telah menyokong pendigitalan dengan menyediakan ruang pembelajaran abad ke-21 iaitu Technology Enable Collaborative Classroom (TECC) dan Digital Maker Space (DMS) serta menambah kuantiti bahan PdP melalui PSA Digital Library. PSA berhasrat untuk menjadi peneraju pendigitalan bahan rujukan TVET di Malaysia.

Kesimpulannya, institusi TVET telah menjayakan transformasi digital dalam merealisasikan agenda pendigitalan pendidikan negara.

JPPKK telah memayungi agenda ini bagi meningkatkan produktiviti seiring dengan kemajuan teknologi pintar yang merangkumi semua aspek pengoperasian institusi TVET di Malaysia.

Jalinan kerjasama yang erat antara JPPKK, industri dan institusi lain turut memperkasakan agenda TVET negara bagi memastikan tiada pihak yang ketinggalan dalam arus IR 4.0.

Selamat Menyambut Hari Akademia!

Majlis Merasmikan Agreed Minutes Meeting bersama Politeknik Caltex Riau yang diadakan secara atas talian pada 9 Disember 2020.

Tarikh 5 Oktober 2021 adalah hari istimewa warga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) khususnya warga politeknik dan kolej komuniti untuk meramalkan sambutan Hari Akademia 2021 peringkat Jabatan Pendidikan Politetnik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Sambutan ini diraikan sebagai memberi penghormatan kepada warga pendidik institusi pendidikan tinggi negara akan tanggungjawab dan peranan mereka dalam mendidik dan membentuk anak bangsa serta merupakn daya penggerak utama dalam menghasilkan modal insan negara.

Bersempena Hari Guru Sedunia yang diperkenalkan UNESCO pada tahun 1994, KPT telah mengisytiharkan Hari Akademia disambut pada 5 Oktober setiap tahun sebagai Bulan Akademia. Tema sambutan kali ini adalah Akademia Dipersaka, Digitalisasi Dibudaya.

Bersesuaian dengan tema sambutan ini, warga politeknik dan kolej komuniti tidak ketinggalan dalam meluluskan arus kemajuan teknologi digital yang semakin pesat. Matlamat kementerian adalah menjadi penyedia utama pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini merupakan laluan terbaik bagi

negara untuk melahirkan modal insan yang berpengertianan, berkemahiran tinggi, berinovasi, dan mampu menghadapi saingan peringkat seluruh dunia.

Menurut Laporan Kajian Rasionali TVET pada tahun 2012 oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM), mendapati politeknik dan kolej komuniti merupakan penyedia TVET terbesar dengan masing-masing menyumbang 55% dan 9% jumlah graduan TVET negara berbanding dengan agensi atau institusi TVET yang lain.

Pada tahun 2016, kajian keperluan Permintaan dan Belakan Modal Insan mengenai TVET telah menunjukkan bahawa 1,392 puas syarikat dan organisasi yang ditinjau, dibagi majikan mengajai pekerja daripada lulusan politeknik sebanyak 25% dan 4% daripada kolej komuniti.

Pencapaian ini merupakan kejayaan politeknik dan kolej komuniti dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran TVET. Menjelang tahun 2020, hala tuju politeknik dan kolej komuniti turut berusaha sejajar dengan pertumbuhan ekonomi digital yang kian berkembang pesat.

Perhubungan Majlis Ekonomi Digital dan AIF negara pada November 2020, merancangkan lagi warganya dalam menguasai pendigitalan. Aspirasi negara ini selari dengan Wawasan Kemajuan Bersama 2030 yang bermatlamat menyediakan pembangunan ekonomi yang adil dan saksama pada semua lapisan masyarakat menjelang tahun 2030.

Dalam sektor perkhidmatan pendidikan, JPPKK telah mempersiapkan warganya dengan pelbagai insitif dalam teras strategiknya bertujuan untuk mentransformasi TVET dalam sistem Pendidikan Tinggi Negara bagi melonjak politeknik dan kolej komuniti ke arah kecemerlangan.

Antara yang digarisbawangi dalam Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025) adalah mempunyai kesedaran tentang Revolusi Industri keempat (IR 4.0) kepada warga politeknik dan kolej komuniti termasuk Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).

Pengarah PSA, Dr Mohd Zahari Ismail sedang menunjukkan data di paparan skrin bigdata@PSA.

Digital Maker Space

WE LEARN • WE DESIGN • WE INNOVATE • WE CREATE
Every thought of making your own. Do It Yourself! project.
The Digital Maker Space is an educational facility for PSA community, and also an open space for students to express their ideas and interests.

MAJLIS PENUTUPAN BULAN AKADEMIA ZON TENGAH DIBUAT BESAR-BESARAN

Oleh : Normasita binti Sulaiman
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam

29 Oktober 2021 - Majlis Penutupan Bulan Akademia peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail pada hari ini dengan kehadiran peserta seramai 100 orang dari 27 institusi Politeknik dan Kolej Komuniti di Dewan Al-Jazari, PSA. Bulan Akademia ini bakal disambut setiap tahun pada bulan Oktober. Objektif program ini adalah untuk menjadikan pendidikan TVET lebih relevan dan signifikan dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Selain itu dari sudut masyarakat, program ini dapat menjalinkan hubungan yang baik antara pihak Politeknik dan industri yang terlibat dalam menjayakan aktiviti akademia bagi kelangsungan program pengajian pelajar yang bakal dilahirkan agar lebih berdaya saing, lebih produktif selari dengan perkembangan teknologi.

Melalui program ini juga institusi dapat melahirkan pelajar Politeknik yang sedia untuk bekerja, seimbang dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu bulan akademia juga memberi impak dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar Politeknik selaras dengan misi PSA sebagai peneraju TVET unggul.

Majlis yang julung-julung kali diadakan di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah ini merupakan suatu platform yang mengiktiraf sumbangan staf dan mantan staf dalam membangunkan TVET dengan memperuntukkan dua kategori anugerah. Anugerah Bitara diperkenalkan bagi mengiktiraf individu yang cemerlang di dalam pengurusan akademik, rakan kesepakaran, penyelidikan, program sepanjang hayat dan perkhidmatan yang mampu melonjak organisasi di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Penerima mestilah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang yang diterajui. Manakala Anugerah Tokoh Khas TVET pula diberikan kepada mantan kakitangan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah banyak memberikan kemajuan dan pembaharuan dalam perkhidmatan mereka. YBhg. Dato' Hj. Yusoff Harun, mantan Pengarah PSA menjadi tumpuan lensa hari ini atas kehadirannya sebagai Tokoh Khas TVET. Walaupun telah lama bersara, kenangan staf bersama beliau terutamanya disiplin yang beliau terapkan masih diingati sehingga ke hari ini.



Politeknik Sultan Sala



POSITIFKAH AKU? SIRI 1

Oleh : Noraslinda binti Harun
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Tarikh : 30 Julai 2021 (Jumaat)

Masa : 9.00 pagi hingga 11.00 pagi

Panel : Dr. Rafidah Kastawi

(Kaunselor Berdaftar dan Pengasas Modul Nurani REST)

Moderator : Pn. Norhazaiwati binti Ahmad Teridi

Anjuran : Jabatan Pembangunan Profesionalisme dan Unit Pengurusan Psikologi

Bil peserta : 228 orang

Peserta didedahkan dengan ilmu terapi seni dalam membantu membuat luahan emosi. Kekal positif pada diri dengan cara antaranya :

Kenal diri sendiri

- Belajar menerima , mendamai & melepaskan

- Me time

- Akur diri dan sayangi diri /maafkan diri / gembirakan diri.



POSITIFKAH AKU? Siri 2 : "ANDA BERHAK BAHAGIA & GEMBIRA"

Oleh : Noraslinda binti Harun
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Tarikh : 6 Ogos 2021 (Jumaat)

Masa : 9.00 pagi hingga 11.00 pagi

Panel : Dr. Rafidah Kastawi

(Kaunselor Berdaftar dan Pengasas Modul Nurani REST)

Moderator : Pn. Norhazaiwati binti Ahmad Teridi

Anjuran : Jabatan Pembangunan Profesionalisme dan Unit Pengurusan Psikologi

Bil peserta : 230 orang

Peserta dapat meluahkan emosi dan dapat berkongsi rasa dengan menggunakan kaedah terapi seni. Tiga langkah yang boleh diambil untuk didik hati tenang adalah :

- Kenalpasti rasa dan emosi yang bergelora
- Belajar menerima perasaan atau emosi – proses luahan aplikasi REST
- Akur diri – komitmen syukur untuk sayangi diri.

STRESS : TEKANAN VS SEMANGAT

Oleh : Noraslinda binti Harun
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Tarikh : 3 September 2021 (Jumaat)

Masa : 9.00 pagi hingga 11.00 pagi

Panel : Dr Abdul Jalil bin Hassan

(Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Psikologi,
Jabatan Perkhidmatan Awam)

Moderator : Ustaz Khairul Napisham bin Abdul Razak

Anjuran : Jabatan Pembangunan Profesionalisme dan Unit Pengurusan Psikologi

Bil peserta : 250 orang

Peserta diberi informasi mengenai bagaimana untuk berdepan dengan situasi tekanan. Pencetus @ penyebab stress terdapat 2 jenis iaitu luaran dan dalaman. Faktor luaran iaitu persekitaran fizikal, interaksi sosial, peristiwa penting, halangan harian dan organisasi. Manakala faktor dalaman gaya hidup, pendirian negatif, perangkap minda dan personaliti diri.



KLINIK TRANSFORMASI DIRI SIRI 1 - AKADEMIK & DISIPLIN DIRI

Oleh : Noraslinda binti Harun
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Tarikh : 15 Oktober 2021

Masa : 3.00 petang

Penceramah : Pn. Noraslinda binti Harun

Moderator : Pn. Ani binti Yaakub

Bil peserta : 50 siswa

Tarikh : 15 Oktober 2021

Siswa mendapat ilmu untuk lebih fokus pada akademik serta mengatasi kehadiran dalam kelas, belajar mendisiplinkan diri & perlu penetapan matlamat semasa belajar. Siswa juga diberikan tips 5K untuk mencipta kejayaan iaitu:

- K1 Keazaman
- K2 Keberanian
- K3 ketahanan
- K4 Kekuatan
- K5 Ketekunan



KLINIK TRANSFORMASI DIRI SIRI 2 - PENGURUSAN KEWANGAN

Oleh : Noraslinda binti Harun
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Tarikh : 22 Oktober 2021

Masa : 3.00 Petang

Penceramah : Pn. Siti Asroh binti Muhammd

Moderator : Pn. Ani binti Yaakub

Bil peserta : 50 siswa

Siswa mendapat pengetahuan mengenai pengurusan kewangan berhemat dalam mengatur kehidupan. Antara tips mengurus kewangan adalah dengan memahami :

- Konsep aliran tunai
- Keperluan dan kehendak
- Matlamat kewangan siswa
- Ukur baju di badan sendiri

VIDEO JOM URUS STRESS

Oleh : Noraslinda binti Harun
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Tarikh : 14 Jun 2021

Tempoh : 3 minit sesi perkongsian video

Pembicara : Pn. Siti Asroh binti Mohamad

Video ini berkaitan cara terbaik untuk mengurus stress dalam kehidupan sehari-hari. Terdapat dua kaedah yang perlu kita kuasai untuk menangani stress.

Kaedah Pertama: Gaya tindak fokus pada emosi. Dengan menggunakan teknik relaksasi (teknik bernafas yang normal), mengidu bau-bau yang menyegarkan dan sebut perkataan yang positif.

Kaedah Kedua: Gaya tindak fokus kepada penyelesaian kepada sesuatu isu / perkara dengan alternatif yang mampu kita laksanakan.



VIDEO TIP KAWAL KEMARAHAN

Oleh : Noraslinda binti Harun
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Tarikh : 22 Jun 2021

Masa : 3 minit sesi perkongsian video

Pembicara : Pn. Noraslinda binti Harun

Video ini berkaitan tiga B cara cara terbaik untuk mengawal kemarahan iaitu :

B: Berhenti

Memberi ruang pada diri untuk bertenang dengan menggunakan teknik pernafasan bagi degupan nadi kita kembali normal.

B: Berfikir

Berfikir sebelum kita bertindak dan bercakap. Ia penting bagi membantu kita dapatkan alternatif yang lebih rasional dengan melihat kekuatan & kelemahan diri.

B: Bertindak

Alternatif yang terbaik untuk kita ambil bagi menyelesaikan isu kita. Situasi ini juga boleh dilaksanakan dengan rakan atau pihak yang lebih professional seperti kaunselor.



VIDEO PERSEDAIAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)



Oleh : Noraslinda binti Harun
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Tarikh : 8 Jun 2021

Masa : 3 minit sesi perkongsian video

Pembicara : Pn. Norhazaiwati binti Ahmad Teridi

Video ini berkaitan tips untuk kekal cergas dan bertenaga ketika bekerja dari rumah. Tips tersebut adalah :

- Tips 1 : Bangun Awal
- Tips 2 : Mengambil sarapan pagi
- Tips 3 : Wujudkan "Work Station" mini di rumah supaya kita bersemangat untuk bekerja.
- Tips 4: Buku Nota untuk mencatat semua tugas dan berperanan sebagai laporan kerja sehari-hari kita.
- Tips 5: Dahulukan apa yang sepatutnya. Lakukan rutin kerja secara sistematis.

WEBINAR VIDEO PRESENTATION USING MS POWERPOINT

Oleh : Nariman Binti Haji Daud
Ketua Jabatan Matematik dan Sains Komputer

Tarikh : 21 September 2021 (Selasa)

Masa : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Platform : JMSK Teams

Jurulatih : Puan Siti Nurul Huda Binti Romli dan Puan Nur Zahirah binti Mohd Ghazali

Kehadiran : 120 siswa

Kursus video Presentation Using Ms Powerpoint dilaksanakan bertujuan memberi panduan kepada pelajar-pelajar semester 1 bg penyediaan Penilaian Kerja Kursus iaitu Pembentangan 1 dan pembentangan 2 bagi kursus Engineering Mathematics 2 (DBM20023).

**21 SEPT 2021 (SELASA)
9:00 PG – 12:00 TGHR**

Webinar
'VIDEO PRESENTATION USING MS POWERPOINT'

Bersama
PN. NUR ZAHIRAH MOHD GHAZALI PN. SITI NURUL HUDA ROMLI

Anjurran
JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER


Melalui Platform
Microsoft Teams

WEBINAR PEMANTAPAN SPMP DALAM PDP

Oleh : Nariman Binti Haji Daud
Ketua Jabatan Matematik dan Sains Komputer

Tarikh : 1 Oktober 2021
Masa : 3.00 hingga 5.00 petang
Jurulatih : Pn. Nariman binti Hj. Daud
Kehadiran : 20 pensyarah

Webinar ini bertujuan untuk memantapkan lagi proses PDP pensyarah, terutama sekali bagi pensyarah baru. Selain dari itu, dalam webinar ini, terdapat modul-modul yang baru beserta garis panduan penggunaan modul dalam Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP) contohnya modul iDaftar yang menggunakan kaedah pengiraan serta kemasukan data yang berbeza daripada mod yang telah digunakan dalam sesi pengajian yang lepas.



ULASAN BUKU KEAGUNGAN ZIKIR DAN DOA HARIAN RASULULLAH, KARYA IMAM AN-NAWAWI

Oleh : Norhayati binti Majid
Ketua Perpustakaan Ibnu Khaldun

Tarikh : 19 Julai 2021 (Isnin)
Masa : 2.30 petang hingga 4.30 petang
Penceramah : Ustazah Ainoor Mahfuzah binti Ahmad
Moderator : Pn. Nurul Farhah binti Hj. Dalailil
Medium : Webex
Anjuran : Perpustakaan Ibnu Khaldun
Bilangan peserta : 53 orang
Program ini dibuat sehari sebelum Hari Raya Aidil Adha dan Ustazah telah berkongsi doa yang banyak dibaca oleh Rasulullah S.A.W pada hari Arafah.

SESI LATIHAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PANGKALAN DATA SCIENCEDIRECT (e-BOOK DAN JURNAL)

Oleh : Nariman Binti Haji Daud
Ketua Jabatan Matematik dan Sains Komputer

Tarikh : 24 Ogos 2021
Anjuran : Pasukan Bertindak ICT, JPPKK
Medium : Aplikasi Zoom
Jurulatih : Cik Ling Yu Lang, Platform Trainer Elsevier, Scieduredirect Singapura.

Kehadiran dari PSA : 156 orang dari 216 peserta.

Akses secara percuma kepada 3 Politeknik Premier yang diberi oleh pihak ScienceDirect ini merupakan manfaat kepada langganan yang telah dibuat oleh KONSEPT (Konsortium Sumber Elektronik Pendidikan Tinggi). Tujuan sesi latihan ini diadakan adalah bagi membantu pengguna untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh ScienceDirect. Melalui sesi latihan ini juga pengguna lebih sedar akan kewujudan pangkalan data ini. Pada masa datang jika pengguna mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh menghubungi Pn. Mazlaine binti Husain melalui emel mazlaine@mohe.gov.my.



KEMPEN PENDIGITALAN BAHAN TERBITAN JABATAN

Tarikh : 20 Oktober hingga 30 November 2021

Anjuran : Perpustakaan Ibnu Khaldun

Program ini merupakan kempen kepada warga PSA menghantar bahan terbitan jabatan yang dihasilkan dalam apa juga bentuk untuk didigitalkan. Bahan tersebut akan disimpan di Repozitori Institusi PSA (IR PSA). Tujuannya untuk meningkatkan koleksi PSA seterusnya koleksi negara dalam bidang TVET. Pada tahun 2020 bilangan penambahan koleksi digital adalah 513 bahan manakala pada tahun 2021 jumlah pertambahan sebanyak 709 bahan. Perpustakaan akan terus mengadakan promosi supaya warga PSA mempunyai kesedaran untuk mendigitalkan harta intelek mereka bagi rujukan akan datang.

KEMPEN PENDIGITALAN BAHAN

SEPANJANG BULAN AKADEMIK PSA

20 OKTOBER 2021 - 30 NOVEMBER 2021

REPOSITORY PSA

Perpustakaan mengalu-alukan semua warga PSA untuk bersama-sama kami dalam kempen Pendigitalan Bahan untuk di muat naik sebagai bahan ilmiah dan Koleksi Terbitan PSA ke arah Akses Maklumat Tanpa Sempadan.

Maklumat Koleksi Bahan boleh disalurkan di Google Form kami beserta link bahan dalam format PDF:

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdublFcOdu_nIUKyU921Q2cgxLkMSQo0vpF1RoYB6xTHIqw/viewform?usp=pp_url



Sumbangan Koleksi Digital Bahan:
Final Year Project (FYP) Pelajar
Conference Paper (Penyanyar)
Amatih kami alu-alukan

SEBRANG PERTANYAAN DAN MAKLUMAN BOLEH BERHUBUNG:
PN. NORHAYATI MAJID - 1265
PN. SALINAH SALLEH - 1268



CERTIFIED IN IOT GATEWAY FOR SMART FACTORY

Oleh : Dr. Baharuddin bin Mustapa

Ketua Technology Robotic and Internet of Things

Tarikh : 23 hingga 26 Ogos 2021 (Fasa 1) dan
6 hingga 09 September 2021 (Fasa 2)

Masa : 8.00 - 5.00 ptg

Medium : Online

Panel : Hadi Venture Sdn. Bhd

Sasaran peserta : 20 orang

Bilangan penyertaan : 21 orang (termasuk urusetia)

Kos : 80 Ribu

Ulasan : Semua peserta telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya dan mendapat sijil profesional dalam bidang IoT.

CERTIFIED IN AI AND MACHINE LEARNING

Tarikh : 20 hingga 24 September 2021

Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

Medium :Online


Panel : Islah Management Consultancy

Sasaran peserta : 20 orang

Bilangan penyertaan : 21 orang (termasuk urusetia)

Kos : 68 Ribu

Ulasan : Semua peserta telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya dan mendapat sijil profesional dalam bidang AI dan bahasa mesin.





ADVANCE INDUSTRIAL INTERNET OF THINGS (IIOT) SIEMENS TIA PORTAL PROGRAMMING WITH SEMANTIC IOT2040

Tarikh : 20-24/10/2021

Masa : 8.00 pagi - 5.00 ptg

Medium : Bersemuka

Panel : Hadi Venture Sdn. Bhd.

Sasaran peserta : 8 orang

Bilangan penyertaan : 8 orang

Kos : 50 Ribu

Ulasan : Semua peserta telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya dan mendapat sijil professional IIoT daripada Siemens.



COMPUTER VISION AND DEEP LEARNING

Tarikh : 27 hingga 28 Oktober 2021

Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

Medium : Bersemuka

Sasaran peserta : 8 orang

Panel : Islah Management Consultancy

Bilangan penyertaan : 8 orang

Kos : 12 Ribu

Ulasan : Semua peserta telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya.

CISEC ANJUR WEBINAR JOM CARI KERJA BERSAMA PERKESO

Oleh : Norazila binti Mad

Pegawai Pusat Korporat, Hubungan Industri & Kebolehpasaran

Tarikh : 9 Ogos 2021 (Rabu)

Anjuran : CISEC

Sasaran peserta : Siswa diploma semester 05 dan 06 sesi Disember 2020, mahasiswa BFM dan BEU serta graduan PSA

Sesi 1 : Selangkah bersama MYFutureJobs PERKESO

Tarikh : 9 Ogos 2021

Masa : 10.00 pagi hingga 11.00 pagi

Nama Penceramah : Ummee Najihah binti Azih

Jumlah penyertaan : 100 pelajar

Sesi 2 : Microsoft Global Skills Initiative: Digital skills for tomorrow's jobs

Tarikh : 9 Ogos 2021

Masa : 11.15 pagi hingga 12.15 tengah hari

Nama penceramah : Puan Farah Wahidah binti Anuar

Jumlah penyertaan : 100 pelajar

Ulasan : Program ini dapat memberi pendedahan kepada graduan yang pelajar semester akhir dalam mendapatkan peluang pekerjaan melalui myfuture jobs. Pelajar didedahkan juga dengan peluang melalui program meningkatkan kemahiran IT yang ditawarkan oleh PERKESO secara percuma. Selain itu pendedahan terhadap teknik temuduga dalam pencarian juga telah diberikan dengan baik.

SLOT 1:
Selangkah Bersama
MyFutureJobs

SLOT 2:
Microsoft Global Skills
Initiative: Digital Skills
For Tomorrow's Jobs

Pn. Ummi Najihah binti Azih
Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan
PERKESO

Pn. Farah Wahidah binti Anuar
Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan
PERKESO

Platform: WEBEX

9.Ogos.2021 • 10.00 pagi

• Wajib bagi pelajar diploma semester 05 dan 06 sesi Dis 2020,
• Pelajar ijazah BFM dan BEU
• Graduan PSA

Maklumat lanjut, sila hubungi Pn Norazila di talian 012-213 1037

MODERATOR
Pn Norazila binti Mad
Penyelaras 1L5G PSA

f/pssaaas i/pssaaas

JKA DIUNDANG SEBAGAI JURI 6TH INTERNATIONAL BUILT ENVIRONMENT UNDERGRADUATE RESEARCH COMPETITION (BEURC)

Oleh : Dr. Ainul Haezah binti Noruzman
Penyelaras Pusat Sumber dan Penerbitan

Tarikh : 25 November 2021

Dua orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) iaitu Sr. Dr. Fadhilah binti Mohd Nor dan Dr. Ainul Haezah binti Noruzman telah dijemput sebagai juri bagi Program International Built Environment Undergraduate Research Competition (BEURC) yang diadakan di Mercu Alam Bina, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya. Peluang sebegini dapat memberi peluang kepada pensyarah Politeknik Khususnya PSA dalam memperkaya bakat secara berterusan dan efektif. Program berlangsung selama dua hari daripada 25-26 November 2021 telah menarik ramai penyertaan daripada institusi dan industri.

BEURC menjalankan pertandingan dalam bentuk Virtual Oral Presentation, Virtual Poster Presentation yang dijalankan secara dalam talian dan sebagai participant. Terdapat 6 sub tema yang dipertandingkan iaitu Surveying & Governance, Architecture & Planning studies, Management, Building & Construction, Building & Environmental Science dan Computer Science & Engineering.

PROGRAM 1 STUDENT 1 SENAMAN #mahasiswaaktif

Oleh : Ayunie Farhana binti Mohd Arif
Majlis Perwakilan Pelajar PSA

Majlis Perwakilan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) telah menganjurkan satu program kecergasan peringkat jabatan selama sebulan sepanjang bulan November lepas. Program ini terbuka kepada semua siswa dan staf. Walaupun negara sedang bergelut dengan wabak pandemik COVID-19, semua pihak perlu menjaga kesihatan dan kecergasan badan dengan menyertai aktiviti kecergasan fizikal. Tambah beliau lagi, program ini amat mudah untuk disertai kerana peserta tidak perlu ke gym tetapi hanya perlu berada di Kawasan yang lapang sahaja. Program tersebut bertujuan untuk memupuk keinginan bersukan, sikap proaktif dan menggalakkan kecergasan di kalangan siswa dan staf.

Setiap hari sepanjang November, pihak urusetia telah menyediakan pelbagai jenis senaman mengikut kesesuaian jantina dan peringkat umur tertentu. Para peserta hanya perlu mengikuti senaman yang dicadangkan mengikut kemampuan diri sendiri. Program ini dapat memberi peluang dan idea kepada para peserta untuk bersenam tanpa alasan walau di mana sahaja mereka berada. Melalui aktiviti yang dicadangkan setiap hari dapat menggalakkan para peserta untuk bersenam dan mencergaskan badan seterusnya dapat memupuk semangat untuk bersukan, Program ini telah mendapat sambutan yang meriah di JKA kerana kesedaran peserta terhadap manfaat dan impak terhadap kesihatan mereka. Melalui program ini juga diharap dapat menyedarkan siswa dan staf untuk hidup lebih sihat dan cergas. Kehidupan yang aktif tentunya dapat menghindarkan penyakit dan menjadikan hidup lebih gembira.

GANGGUAN SEKSUAL ERA PANDEMIK

Oleh : Azalela binti Punari

Tarikh : 10 September 2021

Anjuran : Kelab Kebajikan Kakitangan PSA

Masa : 9.00 hingga 11.00 pagi

Medium : Ms Teams

Kehadiran staf : 110 orang

Ulasan : Ceramah ini bertujuan untuk memberi kesedaran awam mengenai pengurusan salah laku gangguan seksual dan tindakan pencegahannya.



Taklimat Promosi Unit Beruniform PSA

Minggu Suai Kenal Pelajar-pelajar Sem 1 Sesi 2021/2022



TAKLIMAT PROMOSI UNIT BERUNIFORM PSA SESI 2 2021/2022

Oleh : Shareen Lee Yong Yong

Unit Hal Ehwal Pelajar

Tarikh : 3 Mac 2022 (Khamis)

Anjuran : JSKK bersama MPP

Sasaran peserta : Siswa diploma semester 01 sesi 2 2021/2022

Jumlah penyertaan : Semua pelajar semester 01.

Slot 1 : Unit Kokurikulum PSA

Masa : 2.45-3.00 petang

Nama penceramah : Noor Hayati binti Mat Taib

Slot 2 : Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA)

Masa : 3.00 hingga 3.45 petang

Nama Penceramah : Sarina binti Talib

Slot 3 : RELASIS

Masa : 3.45-4.00 petang

Nama penceramah : Fawi bin Samad

Slot 4 : BRIGED BOMBA

Masa : 4.00-4.15 petang

Nama penceramah : Mohd Hazrai bin Abu Bakar

Slot 5 : KELANA SISWA

Masa : 4.15-4.45 petang

Nama penceramah : Noorhaneyza binti Mat Noor

Slot 6 : PANDU PUTERI

Masa : 4.30-4.45 petang

Nama penceramah : Siti Rawaiddah binti Mohd Razikin

Slot 7 : Unit Beruniform secara keseluruhan

Masa : 4.45-5.00 petang

Nama penceramah : Lee Yong Yong

Ulasan : Program ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar semester 1 akan kedua-dua laluan kokurikulum yang ada di PSA. Sesi ini dapat memberi pendedahan, ilham dan motivasi supaya lebih ramai pelajar memilih Unit Beruniform sebagai subjek kokurikulum berkredit mereka. Setakat ini, seramai 275 orang pelajar PSA telah memilih laluan Unit Beruniform. Semoga Unit Beruniform PSA tetap Unggul dan Bersatu!

WEBINAR PELAKSANAAN E-BENGKEL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Oleh : Noor Haznida binti Abu Bakar, Suaiza binti Khairi
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

Tarikh : 9 September 2021
Masa : 9.30 pagi hingga 12.30 tengahari

Platform : Ms Teams
Penceramah : Dr. Nurul Aini binti Mohd Ahyani, Fakulti Pendidikan, UTM Skudai.

Bilangan peserta : 103 pensyarah JKA, JKE dan JKPM

Objektif kursus :

1. Mendedahkan contoh perlaksanaan E-Bengkel kepada pensyarah kursus bengkel dan makmal.
2. Mendedahkan contoh rubrik penilaian dan pentaksiran pelajar PdP atas talian yang bersesuaian dengan bengkel dan makmal.

Webinar ini memberi idea dan pendedahan kepada pensyarah untuk menjadi lebih kreatif dan fleksibel dalam pelaksanaan PdP dalam talian khususnya untuk kursus yang melibatkan bengkel dan makmal.



MAJLIS BACAAN YASIN CARA BAHASA ISYARAT

Tarikh : 23 September 2021

Masa : 8.30mlm

Medium : Aplikasi zoom

Sasaran : Siswa baru OKU Khas Pendengaran (Muslim), Sijil Kemahiran Politeknik Mekanikal KHAS

Kehadiran : 6 org siswa muslim

Siswa diperkenalkan dengan aplikasi Quran Isyarat yang boleh dimuat turun di telefon bimbit. Sesi bacaan yasin secara isyarat tangan adalah utk pelajar muslim oku pendengaran yang direalisasi melalui paparan teks ayat Al-Quran berserta Kod Tangan Quran yg dibaca tanpa tanda baris, manakala panduan bunyi bacaan Transliterasi Makhraj pula adalah bagi mereka yang masih mempunyai baki suara. Pendekatan penghayatan terhadap isi kandungan ayat pula dihayati melalui paparan Terjemahan Tipikal dan Terjemahan mesra OKU Pendengaran berbantuan video Terjemahan Jurubahasa Isyarat Malaysia.

SOKONGAN PSIKOLOGI KEPADA MANGSA BANJIR DI PPS PSA

Oleh : Noraslinda binti Harun

Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka di Dewan Al Jazari PSA selepas berlakunya banjir di sekitar Shah Alam. Ramai keluarga dari komuniti setempat termasuk pelajar PSA telah berlindung di PPS PSA. Unit Pengurusan Psikologi (UPP) PSA turut bersama para sukarelawan dalam misi membantu mangsa banjir kali ini. Beberapa pendekatan telah diambil oleh UPP dalam meringankan beban emosi mangsa banjir. Antaranya bantuan dari sudut sokongan psikologi telah diberikan terutama kepada golongan kanak-kanak dan warga emas. Edaran alatan mewarna dan melukis khusus untuk kanak-kanak mengisi masa dengan aktiviti yang disukai. Aktiviti melakar, melukis, dan mewarna ini merupakan wadah untuk mereka meluah rasa mereka.



Selain itu, sokongan dari sudut emosi juga telah diberikan kepada mereka. Melalui pendekatan mendengar luahan emosi mangsa banjir diharap dapat meringankan beban emosi mereka yang terkesan akibat dari musibah ini. UPP turut menggalakkan warga emas dan OKU untuk bermain bola yang dikenali sebagai Stress Ball. Stress Ball adalah bola untuk menggalakkan mereka menggerakkan badan mereka. Melalui aktiviti kecergasan fizikal ini akan mencetuskan hormon gembira dan relaksasi seterusnya meningkatkan kesejahteraan emosi kepada mereka. UPP turut mengedarkan Kit Psikologi bagi memberi maklumat berkaitan pengurusan emosi "kekal tenang dan bertenaga" kepada mangsa banjir ini. UPP turut menekankan kepada penghuni agar sentiasa mematuhi SOP bagi mengelakkan penularan COVID19.





SISWA DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL PSA TERIMA KEAHLIAN FDAM

Oleh : Herlina Ainizawati
Pegawai Perhubungan Awam

Muhammad Shaffuan bin Mustafa, pemenang tempat pertama pertandingan PolyCCTube 2021 menerima anugerah khas daripada Persatuan Pengarah Filem Malaysia (FDAM) sekaligus sah menjadi ahli berdaftar persatuan itu. Siswa Diploma Kejuruteraan Mekanikal PSA itu terpilih menerima anugerah tersebut apabila pihak FDAM yang juga merupakan antara juri profesional PolyCCTube 2021 melihat bakat yang ada pada Muhammad Shaffuan melalui video yang dihasilkannya.

Walaupun beliau bukan dari jurusan pengajian perfileman, namun bakat yang ada padanya sangat bernilai dan harus diketengahkan,” ujar Presiden FDAM Dr. Ahmad Ibrahim. “Sejak pandemik COVID-19 berlaku, banyak sesi pembelajaran dilakukan secara dalam talian. Kami melihat perlunya video-video pembelajaran dinaiktaraf. Para pensyarah juga perlu diberikan pendedahan serta kemahiran dalam penghasilan video interaktif yang lebih berinovatif,”

Teks ucapan beliau disampaikan oleh timbalannya, Dato’ Zulkefli bin M. Osman semasa Majlis Penyampaian Anugerah Pemenang PolyCCTube 2021 serta Sesi Sembang Santai FDAM bersama PSA yang diadakan di kampus PSA di Shah Alam pada hari ini. Dalam majlis tersebut, Muhammad Shaffuan menerima piala, sijil serta kad keahlian FDAM.

PolyCCTube 2021 adalah pertandingan menggunakan platform YouTube bagi mencungkil bakat pelajar dalam menghasilkan kandungan video yang berkualiti serta mempunyai mesej yang tersendiri. Muhammad Shaffuan muncul juara bagi kategori Bahasa Melayu melalui video Harmoni Malaysia yang diketuainya berdurasi 2 minit 40 saat. Video tersebut memaparkan keunikan rakyat Malaysia yang hidup dalam keadaan harmoni walaupun terdiri daripada berbilang kaum, agama dan budaya.



PSA UNGGULI WOODBALL PERSAHABATAN DI PTSS

Oleh : Jamaliah binti Jaafar

Ketua Kursus Ko-kurikulum, Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan

24 Oktober 2021 - Seminar Pembangunan Sukan Woodball Politeknik Malaysia 2021 telah berlangsung dengan jayanya di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) pada 24 hingga 26 Oktober 2021. Selain dari seminar yang menekankan isi-isu teknikal, satu pertandingan persahabatan woodball tiga penjuru antara PSA-PTSS-PBS turut dilangsungkan sempena program tersebut.

Peserta PSA telah mengungguli kesemua kategori yang dipertandingkan iaitu Individu Lelaki, Individu Wanita dan Berpasukan. Bagi kategori Individu Lelaki, Juara telah disandang oleh Encik Ishak Hassan dengan 133 pukulan, Naib Juara pula dimenangi oleh Encik Azzam Azmi dengan 144 pukulan juga dari PSA manakala tempat ketiga disandang oleh En. Sahrijan Ahmad dari PTSS dengan 149 pukulan. Bagi kategori individu Wanita pula, Juara telah disandang oleh Pn. Ani Yaakub dengan 158 pukulan, Naib Juara oleh Pn. Marsyita Kassim dari PTSS dengan 164 pukulan manakala tempat ketiga disandang oleh Pn. Rohana Sahak juga dari PSA dengan 190 pukulan.

PSA bukan sahaja mengungguli kategori Individu malah turut membolot kemenangan bagi kategori Berpasukan. Kategori Berpasukan yang diwakili oleh En. Ishak Hassan, En. Azzam Azmi, En. Wan Razali Tajudin dan Pn. Ani Yaakub telah mencatatkan jumlah pukulan sebanyak 584 pukulan dan melayakkan mereka bergelar Juara. Pasukan PTSS menduduki tempat kedua dengan jumlah pukulan sebanyak 625 manakala pasukan PBS pula sekadar berpuashati menduduki tangga ketiga. Syabas kepada peserta PSA. Teruskan kecemerlangan woodball di masa hadapan.



PSA ungguli woodball di PTSS

PENGARAH SERTAI DILWALI WOODBALL CHALLENGE 2021

Oleh : Ts. Asmira bin Ashari

Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan

4 November 2021 - Sempena cuti Hari Deepavali 2021 PSA, PSA Woodball Club (PWC) dan JSKK telah berjaya menganjurkan Dilwali Woodball Challenge 2021 di Laman Woodball PSA. Seramai 30 peserta dari PSA, Politeknik Banting Selangor dan JPPKK telah mengambil bahagian dalam acara ini. Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail turut menyertai cabaran Dilwali Woodball ini. Pada akhir majlis beliau telah menyampaikan hadiah kepada pemenang berikut:

Kategori Lelaki

1. Mohd Fauzi Derani - PSA
2. Ishak Hasan - PSA
3. Mohammad Fahmy Ibrahim - PSA
4. Wan Razali Tajudin - PSA
5. Mohamad Khairani Mohd Amin - PBS

Kategori Wanita

1. Ani Yaakub -PSA
2. Nur Khairanie Ramli - JPPKK
3. Rohana Sahak - PSA
4. Noriszal Dalila - PBS
5. Jamaliah Jaafar - PSA

Tahniah kepada semua pemenang!



E-KARNIVAL PANDU PUTERI KLOVER CAWANGAN NEGERI SELANGOR

Oleh : Mariana binti Rosdi
Kapten Klover PSA

Pada 7-18 OGOS 2021, Pandu Puteri Selangor telah mengadakan eKarnival Pandu Puteri Klover Peringkat Negeri Selangor. Objektif eKarnival ini adalah untuk memupuk semangat kepimpinan di kalangan pemimpin dan juga ahli klover. Situasi pandemik yang melanda negara dan seluruh dunia amnya tidak mematahkan semangat Klover PSA untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh Pandu Puteri Negeri Selangor secara dalam talian.

PSA telah menyapu bersih kesemua acara yang dipertandingkan dengan memenangi kesemua acara yang dipertandingkan iaitu sebanyak 10 acara. Klover PSA telah meraih juara dalam acara penanda buku dan recycle. Manakala dalam acara e-singing, video dan sajak PSA sekadar berpusahati menduduki tempat kedua dan ketiga. Secara keseluruhannya PSA telah menjadi Juara Klover kerana memperolehi mata tertinggi dalam eKarnival kali ini.

Kemenangan ini bukan mudah namun berbekalkan semangat, kreativiti siswa dan bimbingan daripada pemimpin Klover akhirnya Klover PSA dapat menjadi Juara. Melalui bimbingan enam orang Klover iaitu Lt. Wan Rosemehah Wan Omar, Lt. Siti Rawaidah Mohd Razikin, Lt. Atikah Fatma Md Daud, Lt. Nor Laila Hassan, Lt. Nur Syafiqah Abdullah dan Lt. Nor Kharul Aina Mat Din telah berjaya merealisasikan hasrat Klover PSA menjadi juara keseluruhan Klover Negeri Selangor. Tahniah Klover PSA!



PERGERAKAN STAF

Oleh : Norlina binti Ahmad
Unit Perpustakaan

SENARAI STAF BERPINDAH KELUAR

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED HAKIKI/ MEMANGKU	TARIKH TUKAR	JABATAN	PENEMPATAN BARU
17	ABU HANIFAH BIN MISDAR @ ISHAK	JURUTERA AWAM	J44	01.07.2021	UBI	JKR NEGERI SELANGOR
18	DR. BIBIE SARA BINTI SALAH @ SALLEH	PENSYARAH, PPPT	DH48	02.08.2021	JKA	BHG PERANCANGAN PROGRAM DAN INSTITUSI, JPPKK
19	MADYA MASTIKA BINTI AHMAD	PENSYARAH, PPPT	DH48(M)	02.08.2021	JKM	POLITEKNIK KUCHING
20	ROSLINA BINTI AHMAD	PENSYARAH, PPPT	DH48	13.09.2021	JPG	KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT
21	HANITA BINTI ADNAN	PENSYARAH, PPPT	DH48	13.09.2021	JPG	KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT
22	SITI AZLIYA BINTI ISMAIL	PENSYARAH, PPPT	DH48	15.09.2021	JKA	POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
23	ASRI BIN MAT DESA	PENSYARAH, PPPT	DH48	15.09.2021	JKM	POLITEKNIK BANTING
24	HAZARIAH BINTI KARSAHID	PENSYARAH, PPPT	DH48	15.09.2021	JPG	POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH, PERAK
25	UMI KALTHOM BIN ABDULLAH	PENSYARAH, PPPT	DH48	15.09.2021	JPG	KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT
26	NASHARUDIN BIN ZAINAL ABIDIN	PENSYARAH, PPPT	DH48	15.09.2021	JPA	POLITEKNIK BANTING
27	DR. NORHAYATI BINTI IBRAHIM	PENSYARAH, PPPT	DH52	15.09.2021	JPENT	UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN JPPKK
28	NUR LIYANA BINTI KHALID KHAN	PENSYARAH, PPPT	DH48(M)	15.09.2021	JMSK	BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL JPPKK
29	DR MOHD NAJIB BIN HAMDAN	PENSYARAH, PPPT	DH52(M)	24.09.2021	JMSK	BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL JPPKK
30	DR ASNIZAH BINTI SAHEKHAINI	PENSYARAH, PPPT	DH48	01.11.2021	JKM	BAHAGIAN KOLABRASI INDUSTRI DAN KOMUNITI, JPPKK
31	GAYA LIZAWATI BINTI KHAIZAN	PENOLONG JURUTERA	JA29	01.11.2021	UBI	JKR DAERAH PETALING
32	MOHD RUHAIFI BIN MOHAMAD @ BAHARUN	PENOLONG JURUTERA	JA29	08.11.2021	UBI	JPN SELANGOR
33	NURUL FARHAH BINTI DALALIL	PENOLONG PUSTAKAWAN	S29	22.11.2021	UNIT PERPUSTAKAAN	HOSPITAL SERDANG SELANGOR

SENARAI STAF BERTUKAR MASUK

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED HAKIKI/ MEMANGKU	TARIKH TUKAR	JABATAN
16	MOHD IRWAN BIN IBRAHIM	JURUTEKNIK KOMPUTER	FT19	01.07.2021	UTM
17	NORLAILA BIBI BINTI ALTAMIAH	PENOLONG JURUTERA	JA29	26.07.2021	UBI
18	NUR HAFIDZAH BINTI MUHAMADAN	PENSYARAH, PPPT	DH44	02.08.2021	JKA
19	ROSEMAN BIN JIDIN	PENSYARAH, PPPT	DH48	02.08.2021	JKA
20	RABEAH ADAWIYAH BINTI HASHIM	PENSYARAH, PPPT	DH44	02.08.2021	JKA
21	NURFADILLAH BINTI AHMAD MAHMUD	PENSYARAH, PPPT	DH44	01.09.2021	JPG
22	NORANI BINTI ABD KARIM	PENSYARAH, PPPT	DH52(M)	06.09.2021	JKA
23	FAZRUL IDZAM BIN ZAINAL ABIDIN	PENSYARAH, PPPT	DH44	06.09.2021	JKA
24	DR. SITI ANIZAH BINTI MUHAMED	PENSYARAH, PPPT	DH48(M)	15.09.2021	JKE
25	SOMCHAI A/L ENOI	PENSYARAH, PPPT	DH52(M)	15.09.2021	JKM
26	MOHAMAD KHIRUDIN BIN AMDAN	PENSYARAH, PPPT	DH52(M)	15.09.2021	JKM
27	MAZILLAH AZLEEN BINTI MAZLAN	PENSYARAH, PPPT	DH54(M)	15.09.2021	JPG
28	SARIMAH BINTI CHE HASAN	PENSYARAH, PPPT	DH52(M)	15.09.2021	JPG
29	NORMAH BINTI ABDULLAH	PENSYARAH, PPPT	DH52(M)	15.09.2021	JPG
30	MOHD HAFIZI BIN HARUN	PENOLONG JURUTERA	JA29	04.10.2021	UBI
31	HAFIZAH RINA BINTI ABAS	PENSYARAH, PPPT	DH52(M)	01.11.2021	JKA
32	KASYFI BIN YAHYA	PENOLONG JURUTERA	JA29	01.11.2021	UBI
33	ROSMALINI BINTI RAMLY	PENOLONG JURUTERA	JA29	08.11.2021	UBI
34	ZUNUWANAS BIN MOHAMAD	PENSYARAH, PPPT	DH52(M)	01.12.2021	JKE
35	NIK AHMAD HUSNI BIN NIK AB RAHMAN	PENOLONG JURUTERA	JA29	15.12.2021	JKM
36	ROSNI BINTI KIMIN	PEN. PEG. TADBIR	N32	20.12.2021	JPENT

SENARAI STAF LANTIKAN BARU

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED HAKIKI/ MEMANGKU	TARIKH TUKAR	JABATAN
1	NURUL SAADAH BINTI ZAHARUDIN	PEMBANTU OPERASI	N11	05.08.2021	JPENT
2	NURUL SAZWANI BINTI SAMSUDDIN	PENOLONG JURUTERA	JA29	04.10.2021	UBI
3	MUHAMMAD AFIQ FAISAL BIN MOHD ILIAS	PENOLONG PUSTAKAWAN	S29	01.11.2021	UNIT PERPUSTAKAAN

SENARAI STAF BERTUKAR DALAMAN

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED HAKIKI/ MEMANGKU	TARIKH TUKAR	JABATAN	JAWATAN/ PENEMPATAN BARU
13	ZARINA BINTI CHE AMIN	PENSYARAH	DH48	05.07.2021	JKE	KETUA PUSAT TEKNOLOGI
14	NORAZLINA BINTI JAAFAR	PENSYARAH	DH48(M)	01.08.2021	JKE	KETUA JABATAN JKE
15	JASNI BIN MOHD NOOR	KETUA JABATAN JHEP	DH48	15.09.2021	JKE	PENSYARAH UTAMA, JKA
16	ROSEMAN BIN MAT JIDIN @ JIDIN	KETUA UNIT JPPF	DH48	15.09.2021	JPPF	TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK (TPA)
17	ZALINA BINTI ISMAIL	TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK (TPSA)	DH48	15.09.2021	JPENT	PENSYARAH UTAMA, JPG
18	SALHANA BINTI SAHIDIN @ SALEHUDIN	KETUA JABATAN JKM	DH48	15.09.2021	JKM	PENSYARAH UTAMA, JPG
19	MOHAMAD FAHMY BIN IBRAHIM	KETUA JABATAN JKM	DH48	15.09.2021	JKM	PENSYARAH UTAMA, JPG
20	DR MOHD NAJIB BIN HAMDAN	KU FITTAC	DH48	15.09.2021	FITTAC	PENSYARAH UTAMA, JMSK
21	DR AHMAD AFTAS BIN AZMAN	KETUA JABATAN JMSK	DH48	24.09.2021	JMSK	TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK (TPSA)
22	NAZRATULHUDA BINTI AWANG @ HASHIM	PENSYARAH	DH48	24.09.2021	JKM	KETUA JABATAN JKM
23	HASLINA BINTI ABDUL-LAH @ MOHAMED	PENSYARAH	DH48	24.09.2021	JPA	KETUA JABATAN JPA
24	ROHANA BINTI ISHAK	PENSYARAH	DH48	24.09.2021	JKE	KETUA JABATAN JHEP

SENARAI STAF BERTUKAR DALAMAN

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED HAKIKI/ MEMANGKU	TARIKH TUKAR	JABATAN	JAWATAN/ PENEMPATAN BARU
25	NARIMAN BINTI HJ DAUD	PENSYARAH	DH48	24.09.2021	JMSK	KETUA JABATAN JMSK
26	ASMIRA BIN ASHARI	PENSYARAH	DH48	24.09.2021	JKM	KETUA JABATAN JSKK
27	JASNI BIN MOHD NOOR	PENSYARAH	DH48	24.09.2021	JKA	KETUA JABATAN JPPF
28	MOHD HILMI BIN ABDUL KARIM	PEMBANTU OPERASI	N11	15.10.2021	JHEP	JSKK

SENARAI STAF CUTI BELAJAR

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED HAKIKI/ MEMANGKU	TARIKH TUKAR	JABATAN	JAWATAN/ PENEMPATAN BARU	PERINGKAT
1	ROHAYAH BINTI ADIMAN	PPPT	DH48	19.10.2020 - 18.10.2022	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	JPG	DOKTOR FALSAFAH PERDAGANGAN / INSURANS

SENARAI STAF BERSARA

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED HAKIKI/ MEMANGKU	TARIKH TUKAR	JABATAN	JAWATAN/ PENEMPATAN BARU
3	ABDUL HALIM BIN ABDUL HADI	PENSYARAH	DH44	01.07.2021	BERSARA PILIHAN	JPA
4	NOR SHAM BINTI HASAN	PENSYARAH	DH52	03.07.2021	BERSARA WAJIB	JKE/ CMET
5	HANIZAH BINTI ANAITULLAH	PENSYARAH	DH48	01.08.2021	BERSARA PILIHAN	JKE
6	ZULKEFLI BIN MUNIP	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN	W22 (TBBK)	01.08.2021	BERSARA PILIHAN	JPENT
7	ROSNANI BINTI HJ AHMAD	PENSYARAH	DH52	04.10.2021	BERSARA PILIHAN	JKA
8	FATIMAH BINTI BAHARI	PENSYARAH	DH52	01.11.2021	BERSARA PILIHAN	JPG

SENARAI STAF TEKNOLOGIS PROFESSIONAL

BIL	NAMA	JAWATAN	GRED HAKIKI/ MEMANGKU	TARIKH TUKAR	JABATAN	JAWATAN/ PENEMPATAN BARU
1	SR. TS. ROHAIZANA BINTI RAMLI	PENSYARAH PPPT	DH48	29.3.2021	JMSK	JKA
2	TS. NOR HAZLIN BINTI MD. GHARIP	PENSYARAH PPPT	DH48	16.7.2021	JKM	JKA
3	TS. SUMAINI BINTI CHE MAID	PENSYARAH PPPT	DH48	26.8.2021	JKA	JKA
4	TS. ILYA BINTI ISMAIL	PENSYARAH PPPT	N11	30.9.2021	JHEP	JKE
5	TS. SOMCHAI A/L ENOI	PENSYARAH PPPT	DH48	30.4.2021	JMSK	JKM
6	TS. NOORAZLAN BIN MOHD SAMSUDDIN	PENSYARAH PPPT	DH48	24.5.2021	JKM	JKM
7	TS. WAN MAJDAH BINTI TON MAMAT	PENSYARAH PPPT	DH48	1.7.2021	JKA	JKM
8	TS. SALHANA BINTI SAHIDIN @ SALEHUDIN	PENSYARAH PPPT	N11	5.5.2021	JHEP	JKM
9	TS. DR. MOHD ELIAS BIN DAUD	PENSYARAH PPPT	N11	16.7.2021	JHEP	JKM

We  PSA

PASSIONATE • SYNERGIC • AGILE

PSA BANGGA 90% PENSYARAH NAIK PANGKAT

Oleh: Ts. Salhana binti Sahidin@Salehudin

Ketua Pusat Perancangan Strategik

15 September 2021 - Keputusan pemangkuhan DH 54 dan DH 52 telah diumumkan pada 15 September 2021 yang membawa berita gembira kepada 29 orang staf PSA. Dua orang staf telah berjaya dalam pemangkuhan gred DH 54 manakala selebihnya ke gred DH 52. Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan semua staf yang berjaya setelah melalui proses penyediaan dokumen dan validasi. Keputusan pemangkuhan ini melibatkan 6 orang Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (AMT) yang terdiri daripada Timbalan Pengarah Akademik, Dr. Norhayati Ibrahim dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Pn. Zalina Ismail serta 4 orang Ketua Jabatan iaitu Ustaz Nasharuddin Zainal Abidin, Ts. Salhana Sahidin@Salehudin, Hj. Jasni Mohd Noor dan En. Mohammad Fahmy Ibrahim.

Di samping itu, 5 orang Ahli Mesyuarat Pengurusan (AMP) turut berjaya dalam keputusan pemangkuhan DH 52. Tahniah kepada Ts. Dr. Hj. Mohd Najib Hamdan Ketua Pusat Akademik dan Teknologi Instruksional Terkehadapan (FITAC), Ts. Roseman Mat Jidin Ketua Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (KJPPF), Pn. Zarina Zaini Ketua Pengajaran dan Pembelajaran, Pn. Zarina Che Amin Ketua Pusat Teknologi Elektronik Perubatan (CMET) dan Dr. Baharuddin Mustapha Ketua Pusat Robotik dan IoT (TRIC). Tahniah sekali lagi kepada barisan AMT dan AMP atas sumbangan dan jasa bakti sepanjang menjalankan tugas bagi memastikan kecemerlangan dan kegemilangan PSA.

Keputusan pemangkuhan ini telah membawa perubahan ke atas beberapa portfolio yang mana Ts. Roseman Mat Jidin dilantik sebagai Timbalan Pengarah Akademik (TPA) manakala Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas Azman pula sebagai Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA). Pelan penggantian juga berlaku di beberapa portfolio yang lain. Semoga semua yang berjaya akan terus cemerlang dalam menjalankan amanah sebagai pendidik anak bangsa seterusnya memacu PSA sebagai peneraju TVET negara.



PSA HARGAI STAF DENGAN ANUGERAH

Oleh: Mazni binti Muhammad
Pegawai Latihan Staf Jabatan Pembangunan Profesionalisme

ANUGERAH AKADEMIA

20 Oktober 2021- Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusof telah menjalankan lawatan kerja ke Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Turut bersama dalam lawatan tersebut ialah Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT dan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Ts. Pn. Zainab binti Ahmad. Dalam rangka lawatan kerja tersebut, Datuk Seri KSU telah berbesar hati menyampaikan Anugerah Akademia kepada 10 kategori staf. Anugerah Akademia merupakan platform bagi PSA untuk mengiktiraf staf yang telah mengharumkan nama PSA dalam pelbagai bidang ilmu dan memupuk kecemerlangan dalam inovasi serta kreativiti dalam proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan kolaborasi.

Selain dari penyampaian Anugerah Akademia, tetamu dengan diiringi oleh Pengurusan Tertinggi PSA, Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail, Ts. Roseman bin Mat Jidin, Timbalan Pengarah Akademik serta Ts. Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, telah dibawa melawat ke CMET (Centre of Medical Electronic Technology), Makmal Klinikal di Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Bengkel CadCAM di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.

Lawatan kerja Datuk Seri KSU diakhiri dengan pelancaran Program Kecemerlangan Atlet (PKAT) Woodball Politeknik Malaysia, di mana PSA telah dilantik sebagai pusat yang bertanggungjawab dalam pencarian bakat sukan woodball di kalangan siswa Politeknik Malaysia untuk diketengahkan samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Pelancaran tersebut telah dilakukan di Galeria Bestari pada jam 4.30 petang. Dalam majlis tersebut, sebagai gimik pelancaran Datuk Seri KSU telah berjaya memasukkan bola ke dalam 'gate' dengan hanya dua pukulan sahaja.

Hasil dari lawatan kerja Datuk Seri KSU ini diharap dapat menyuntik harapan dan motivasi kepada seluruh warga kerja PSA agar bekerja dengan lebih cemerlang pada masa hadapan serta meningkatkan budaya kerjasama berpasukan terbaik dalam meneruskan agenda pendidikan tinggi negara.- Bagi mengiktiraf sumbangan staf, sempena lawatan Datuk Seri KSU ke PSA beliau telah menyampaikan anugerah Akademia kepada sepuluh kategori. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

1. ANUGERAH PENGAJARAN CEMERLANG	DR. MARLINA RAMLI
2. ANUGERAH E-PEMBELAJARAN INOVATIF	AKMARYA SYUKHAIRILNISAH MOHD AKHIR
3. ANUGERAH ASPIRASI PENYELIDIK CEMERLANG	DR. HJH. WAN ROSEMEHAH WAN OMAR
4. ANUGERAH PENULISAN & PENERBITAN CEMERLANG	IR. TS. DR. AHMAD AZLAN AB AZIZ
5. NUGERAH INOVASI CEMERLANG	DR. AINUL HAEZAH NORUZMAN
6. ANUGERAH AKADEMIA KOLABORASI	JULIANTI SAMSUDIN
7. ANUGERAH BAKAT & KEPAKARAN STAF	SR.DR. FADHILAH MOHD NOR
8. ANUGERAH STAF PENGURUSAN & PROFESIONAL TERBAIK	NURUL HUDA MOHD SALEH
9. ANUGERAH STAF PELAKSANA TERBAIK	MOHD KHALID ISMAIL
10. ANUGERAH MAULIDUR RASUL	DR. MOHD ELIAS DAUD




MAJLIS PENUTUPAN BULAN AKADEMIA POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI PERINGKAT ZON TENGAH

Oleh: Normasita binti Sulaiman
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam

Majlis Penutupan Bulan Akademia peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah telah dirasmikan oleh Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail pada hari ini dengan kehadiran peserta seramai 100 orang dari 27 institusi Politeknik dan Kolej Komuniti di Dewan Al-Jazari, PSA. Bulan Akademia ini bakal disambut setiap tahun pada bulan Oktober. Objektif program ini adalah untuk menjadikan pendidikan TVET lebih relevan dan signifikan dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Selain itu, dari sudut masyarakat; program ini dapat menjalinkan hubungan yang baik antara pihak politeknik dan industri yang terlibat dalam menjayakan aktiviti akademia bagi kelangsungan program pengajaran pelajar yang bakal dilahirkan agar lebih berdaya saing, lebih produktif selari dengan perkembangan teknologi.

Melalui program ini juga institusi; dapat melahirkan pelajar Politeknik yang sedia untuk bekerja, seimbang dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu bulan akademia juga memberi impak dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar politeknik selaras dengan peranan Politeknik sebagai peneraju TVET unggul.

Majlis yang julung-julung kali diadakan di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah ini juga satu platform yang mengiktiraf sumbangan staf dan mantan staf dalam membangunkan TVET dengan memperuntukkan dua kategori anugerah. Anugerah Bitara diperkenalkan bagi mengiktiraf individu yang cemerlang di dalam pengurusan akademik, rakan kesepakaran, penyelidikan, program sepanjang hayat dan perkhidmatan yang mampu melonjak organisasi di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Penerima mestilah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang yang diterajui. Manakala anugerah tokoh khas TVET pula diberikan kepada mantan kakitangan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah banyak memberikan kemajuan dan pembaharuan dalam perkhidmatan mereka. Ybhg. Dato' Hj. Yusoff bin Harun, mantan pengarah PSA menjadi tumpuan lensa hari ini atas kehadirannya sebagai Tokoh Khas TVET. Walaupun telah lama bersara, kenangan staf bersama beliau terutamanya disiplin yang beliau terapkan masih diingati hingga ke hari ini.




KELAHIRAN ANAK

Oleh: Azleena binti Basiron
Pembantu Pustakawan Pusat Sumber dan Penerbitan

Doa menggilap anak bagai permata
 "Ya Allah, mudahkanlah anakku melalui ujian di dunia apatah lagi di akhirat. Tunjukkanlah dia memilih yang benar dan hindarkan dia dari memilih yang salah. Dengan rahmat-Mu Ya Allah lindungilah dia dari kejahatan segala makhluk yang boleh menggugat imannya kepada-Mu. Kasihanilah dia dengan penjagaan-Mu yang tak pernah tidur, genggamlah jiwanya dengan kelembutan-Mu dan bimbanglah akal dan perasaannya dengan cahaya ilmu-Mu. Ya Allah jadikan dia sebagaimana Ismail A.S. di sisi Ibrahim A.S. pada diriku, sesungguhnya Engkau tidak pernah menghamparkan hamba-Mu yang memohon dengan menyangka baik pada ketentuan-Mu. Wahai Tuhan Yang Maha Belas Kasihan kuserahkan jiwa anaku dalam penjagaan-Mu. Sumber: Dato' Murshid Diraja Dr. Juanda Jaya.


Nama Staf	: Siti Nazariah Binti Jalal Unit Kewangan
Nama Cahayamata	: Muhammad Emir Rayqal bin Mohd Nor Redzu
Tarikh Lahir	: 13 Januari 2021
Tempat Lahir	: Hospital Shah Alam
Cahayamata ke	: Dua



Nama Staf	: Muhammad Syamil bin Rozmi (FITEC)
Nama Cahayamata	: Salma Basyirah binti Muhammad Syamil
Tarikh Lahir	: 14 Jun 2021
Tempat Lahir	: Andorra Children & Women Hospital
Cahayamata ke	: Sulung



Nama Staf	: Nurul Syazwani Binti Mohamed Rejab
Nama Cahayamata	: Nurul Aina Safiya binti Ahmad Safri
Tarikh Lahir	: 10 Februari 2021
Tempat Lahir	: KPJ Shah Alam
Cahayamata ke	: Sulung



SELAMAT BERSARA DATUK SERI KSU

Oleh: Hanis Nur Hanani binti Mohamad Razali
Pelatih Pustakawan (UiTM) Pusat Sumber dan Penerbitan

3 November 2011 - Berikut adalah kandungan ucapan Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail kepada Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff:

"Assalamualaikum wrt wbt Saya mengenali Datuk Seri KSU Dr. Mazlan Yusoff sebagai seorang sahabat dan juga sebagai seorang ketua. Sebagai seorang sahabat, kami bertungkus lumus untuk menghabiskan pengajian di peringkat PhD di United Kingdom dan sewaktu pengajian beliau saya anggap sebagai seorang 'sifu' saya yang banyak membantu. Beliau adalah seorang yang tidak lokek dengan ilmu yang beliau ada dan sentiasa memberikan tunjuk ajar dan saya banyak menjadikan beliau sebagai pakar rujuk dalam menyiapkan thesis saya. Saya juga berkongsi banyak pengalaman semasa berada di luar negara bersama beliau di mana kami bersama-sama membesarkan anak-anak dan kalau melihat mereka itu seronok. Hal ini kerana anak-anak kami agak sebaya dan saya rasa hal ini yang mengeratkan tali persaudaraan kami. Sebagai seorang ketua, saya mengenali beliau sewaktu beliau di MAMPU, INTAN dan juga di Kementerian Pengajian Tinggi. Walaupun saya bukan di bawah arahan beliau secara terus, saya sekali lagi banyak menimba ilmu pengetahuan dan kepakaran yang beliau ada. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Datuk Seri adalah seorang yang terperinci dengan sesuatu perkara tetapi impak daripada tindakan beliau itu adalah amat besar dari apsek kualiti dan 'outcome' yang dihasilkan. Saya juga banyak menerima pandangan dan teguran daripada beliau terutamanya dalam aspek disiplin. Sebagai seorang ketua, beliau banyak mengajar dan mendidik saya untuk menjadi seorang ketua dan pegawai yang berdisiplin terutamanya dari aspek etika kerja, berpakaian dan seumpamanya. Belajar menghormati orang lain, bagaimana untuk membina 'networking' ataupun hubungan dengan pihak luar. Justeru itu, ilmu-ilmu ini sentiasa saya jadikan panduan sepanjang karier saya sebagai seorang pentadbir. Akhir kata, saya mengucapkan selamat bersara kepada Datuk Seri, semoga Datuk Seri diberikan kesihatan yang baik, dipermudahkan segala urusan dan sentiasa berada didalam rahmat Allah SWT"



Ucapan Pengarah sempena persaraan

JASAMU DIKENANG SEMPENA PERSARAAN PN. FATIMAH BINTI HARI, PN. NORSHAM HASSAN DAN PN. HANIZAH ANAITULLAH

Oleh : Norhayati binti Majid

PUAN FATIMAH BINTI BAHARI

Puan Fatimah Bahari merupakan suatu nama yang tidak asing di PSA. Genap 30 tahun menabur bakti, telah tiba masanya untuk beliau mengundur diri. Beliau bersara secara pilihan pada umur 57 tahun. Niat bersara awal itu pada mulanya adalah untuk menjaga ibunya yang sakit yang tinggal bersama beliau di Puchong. Hasrat beliau tercapai apabila dapat mencerahkan bakti sehingga ibunya menghembuskan nafas yang terakhir.

Melihat kepada latar belakang akademik, beliau bukanlah calang-calangnya orangnya. Pada tahun 1983 seawal usia 19 tahun beliau telah berkelana ke negara Uncle Sam di The Wichita State University. Penat lelah beliau selama tiga tahun berbaloi kerana dapat menggenggam Bachelor of Business Administration dengan pengkhususan dalam bidang perakaunan pada tahun 1986. Tidak cukup hanya memiliki ijazah, beliau terus menyambung ke peringkat Master dalam bidang yang sama di University of New Haven, USA. Beliau bergraduat pada tahun 1989.

Sebaik menamatkan Diploma Pendidikan di Universiti Malaya pada tahun 1990 beliau memulakan kerjaya sebagai guru di SMK Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan Pahang. Selepas dua tahun di situ, beliau berpindah ke Bahagian Peperiksaan, KPM selama lapan tahun pula. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah pada tahun 2000 di PSA. Di sinilah kerjaya beliau meningkat sehingga bersara pada tahun 2021. Komitmen dan kredibiliti beliau diiktiraf dengan banyak memegang jawatan penting iaitu Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ketua Pusat Korporat, Hubungan Industri dan Kebolehpasaran Graduan sehingga di kemuncak kerjaya beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pusat Perancangan Strategik. Kecemerlangan beliau juga diiktiraf dengan mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2002 dan 2010. Atas khidmat bakti beliau, PSA mengucapkan jutaan terima kasih.



PUAN NORSHAM BINTI HASSAN

Puan Nor Sham binti Hasan telah bersara wajib pada 3 Julai 2021 ketika berumur 55 tahun. Beliau kini tinggal di Shah Alam bersama suami dan 4 orang anak. 3 dari 4 orang anak beliau telah berumahtangga.

Nama beliau tidak asing lagi di PSA kerana telah berada di dalam sistem Politeknik Malaysia sejak 30 tahun yang lalu iaitu seawal tahun 1991. Setelah dua tahun berada di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah beliau berpindah pula ke Politeknik Sultan Ahmad Shah, Kuantan. Pada tahun 1998 beliau telah berpindah ke PSA di mana di sinilah kerjaya beliau meningkat sehingga bersara. Antara jawatan yang pernah disandang beliau adalah Pegawai Peperiksaan (2000-2004), Ketua Program Diploma Lanjutan Kejuruteraan Elektronik (Perubatan) (2006-2011), dan Pengurus CMET (2017-2021).

Dalam kesibukan memberi kuliah dan mengurus CMET beliau masih dapat menghasilkan beberapa bahan penerbitan iaitu buku manual seperti Garis Panduan Perlaksanaan COT (2017) dan Garis Panduan Penetapan Waktu Mengajar Optimum Bagi Pegawai CMET (2018). Beliau juga menulis berkaitan kepakaran beliau di mana pada tahun 2019 empat buah penulisan beliau telah diterbitkan iaitu Cardiac Abnormality Classification with MLP Network using by Logsig Activation Function (2019), Cardiac Abnormality Prediction using Multilayer Perceptron Network Activated by Purelin Activation Function (2019), Tansig Based MLP Network Cardiac Abnormality (2019) dan Smart Shoe For Vision Impairment Person (2019).

Sumbangan dan kecemerlangan beliau diiktiraf melalui kenaikan gred ke pensyarah utama pada tahun 2011. Kepakaran beliau adalah dalam bidang metrology, mikroelektronik dan diiktiraf sebagai 'Approved Signatory' bagi NIBP Analyzer, Patient Simulator dan Syringe Pump. Dalam aspek pengurusan pusat teknologi, pada tahun 2019 beliau adalah Exco Persatuan Makmal Akreditasi Malaysia (PMAM) dan dilantik menjadi Setiausaha PMAM pada tahun 2021. Malahan pada tahun yang sama beliau juga telah dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Pemerkasaan Politeknik dan Jawatankuasa Ekosistem TVET Politeknik. Atas sumbangan beliau yang besar khusus terhadap pembangunan dan pemerkasaan CMET, pembangunan kurikulum program BEU dan TVET secara amnya, PSA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.





HANIZAH BINTI ANAITULLAH

Oleh : Norhayati binti Majid

PUAN HANIZAH BINTI ANAITULLAH

Tanggal 11 Jun 1965, merupakan detik kelahiran beliau yang bertempat di Kampong Baru, Kuala Lumpur. Beliau merupakan cahayamata pertama daripada tiga putera dan seorang puteri. Beliau merupakan seorang berdedikasi, sopan santun dan lemah lembut namun dalam kelembutan tetap ada ketegasannya. Pada masa sekarang beliau yang mempunyai seorang anak tinggal di Shah Alam.

Berbekalkan kelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dari Northeastern University, Boston, Massachusetts, USA, beliau memulakan kerjaya dengan dilantik tetap ke dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Perkhidmatan TINTA PREMIER BIL 4 2021 (JULAI-DISEMBER) MODAL INSAN Pendidikan Siswazah A19 di Politeknik Batu Pahat, Johor pada 1 Ogos 1991. Seterusnya pada tahun berikutnya beliau telah bertukar tempat bertugas ke Sekolah Menengah Vokasional Shah Alam, Selangor dengan lantikan Gred DG3.

Walaubagaimana pun selepas itu beliau telah dipinjamkan ke Unit Pengurusan di Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia; Bahagian Pengurusan Politeknik (BPP) Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia; Bahagian Latihan dan Kerjaya Staf Politeknik (BLKS), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebelum masuk ke PSA pada tahun 2009. Ini susulan pada tahun 2008 beliau menerima tawaran pertukaran skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) ke Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan kenaikan pangkat ke Gred DH48.

Profil kerjaya beliau meningkat semasa berada di PSA dengan memegang dua portfolio penting iaitu sebagai Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) yang pertama pada 2014 dan seterusnya sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik pada 2017. Pada tahun 2016 kecemerlangan beliau juga diiktiraf dengan mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dari Kementerian Pengajian Tinggi. Pada 1 Ogos 2021 beliau merasakan telah tiba masa untuk mengundur diri dari perkhidmatan awam yang disayangi ini. Justeru beliau telah memilih untuk bersara secara pilihan pada usia 56 tahun bagi menumpukan masa kepada keluarga dan menghabiskan masa dengan meningkatkan amal ibadat pula. Semoga beliau terus dikurniakan kesihatan dan tenang serta gembira mengisi hari-hari persaraan yang ditunggu-tunggu ini. Atas khidmat bakti yang beliau curahkan PSA merakamkan jutaan terima kasih.

BELASUNGKAWA

TAKZIAH ALLAHYARHAM MUHAMMAD AFIQ, SISWA JKM

Oleh: Dr. Norasiah binti Muhammad
Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

12 Julai 2021 - Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari Ismail telah menghadiri majlis tahlil Arwah Muhammad Afiq Ahmad Jaafar secara dalam talian yang dianjurkan oleh pihak JKM. Majlis ini turut dihadiri oleh Ahli Majlis Tertinggi PSA, pensyarah, keluarga dan rakan-rakan siswa. Allahyarham Muhammad Afiq merupakan siswa Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Sesi Jun 2019. Potensi kepimpinan yang menyeronoh menyebabkan beliau telah dilantik sebagai wakil kelas DKM1A oleh Penasihat Akademik. Beliau menjalankan tanggungjawab dengan baik sebagai wakil kelas untuk semester seterusnya sehingga disahkan mengidap penyakit mediastinal germ cell tumor pada bulan Mei 2020.

Kes beliau dirujuk di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya di mana beliau telah menjalani rawatan kemoterapi di situ. Seterusnya pada 15 Disember 2020 beliau diberi rawatan susulan dengan menjalani pembedahan untuk membuang tumor kanser yang telah membesar. Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga kerana sebaik sahaja selesai pembedahan tersebut, beliau disahkan positif COVID-19 dan dihantar ke Hospital Sungai Buloh untuk pemeriksaan lanjut. Beliau sangat kuat melawan sakit kanser dan COVID-19. Sempena bulan Ramadhan yang mulia, pada 3 Mei 2021 Tuan Pengarah bersama 3 orang pegawai telah menziarahi beliau di rumah sambil memberi sumbangan Hari Raya.

Sepanjang bergelar siswa, beliau dikenang sebagai seorang yang sangat rajin dan baik hati serta tidak culas dalam menghantar tugas. Dalam keadaan menanggung kesakitan beliau masih mendapat keputusan yang sangat cemerlang iaitu HPNM 3.91. Malah sehingga saat-saat akhir sebelum menghadap Ilahi, beliau sempat menduduki penilaian alternatif kursus Pneumatic & Hydraulic pada 5 Julai 2021. Allah lebih menyayangi beliau kerana pada tanggal 9 Julai 2021, beliau telah menghembuskan nafas terakhirnya pada hari Jumaat yang mulia, di IKN Putrajaya.

PSA turut merasai kesedihan keluarga Allahyarham dan mengadakan majlis tahlil untuk beliau. Tuan Pengarah turut merakamkan ucapan takziah buat keluarga Allahyarham. Al-Fatihah.



**Bantuan sumbangan kepada keluarga pelajar kita
ALLAHYARHAM MUHAMMAD AFIQ BIN AHMAD JAAFAR
PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL
yang telah kembali ke rahmatullah pada 10 JULAI 2021.
Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas ruh beliau.**

Tabung bantuan prihatin dibuka 11-12 Julai 2021

Maklumat lanjut sila hubungi :

EN. JASNI : 019-215 3953 / PN. JULIA : 013-205 8731 / PN. SALHANA : 013-676 3442



Pengarah PSA menghulurkan sumbangan kepada keluarga pelajar.



TAKZIAH ALLAHYARHAMAH HAJAH AMIDAH MOHD UJANG, MANTAN TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK

Oleh: Siti Mariam binti Rajab
Pensyarah Jabatan Matematik, Sains dan Komputer

3 Disember 2021 - Rasa sedih menyelubungi suasana hari ini tatkala menerima berita pemergian mantan Timbalan Pengarah Akademik (TPA), Allahyarhamah Pn. Hjh. Amidah Mohd Ujang ke negri abadi pada hari Jumaat, 3 Disember 2021. Allahyarhamah dikhabarkan sakit dan dirawat di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Arwah meninggalkan suami dan seorang anak perempuan.

PSA mengenang Arwah yang disifatkan sebagai seorang ketua berdedikasi dalam menjalankan tanggungjawabnya dan disenangi rakan setugas. Beliau juga seorang yang pemurah. Arwah memulakan kerjaya dalam bidang pendidikan sebagai Guru Sandaran Terlatih Siswazah mulai 2 September 1991 dan ditempatkan di Sekolah Menengah Teknik Cheras, Kuala Lumpur. Seterusnya, beliau bertukar ke Politeknik Shah Alam mulai 1 Januari 1998 sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG3. Pada tahun 2002 hingga 2007, beliau telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer.

Bermula tahun 2007 hingga 2009, Arwah telah mengambil Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa untuk mengikuti Kursus Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia. Setelah menamatkan pengajian, Arwah telah dilantik sebagai Ketua Kursus di Jabatan Kejuruteraan Awam, PSA mulai tahun 2009 hingga 2011. Seterusnya, pada tahun 2011 Arwah telah dilantik sekali lagi sebagai Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Setelah dinaikkan pangkat ke gred DH52 pada tahun 2013, Arwah telah diberi kepercayaan dan dilantik sebagai Timbalan Pengarah Akademik bermula tahun 2015 hingga 2017. Selain itu, Arwah pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Unit E-Learning, Ketua Center of Multimedia Technology dan Penyelaras Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi PSA. Arwah merupakan Pensyarah Pakar gred DH54 di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) sehingga tamat perkhidmatannya. Selain itu, Arwah turut memegang jawatan sebagai Pengerusi Koperasi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (KOPSA BERHAD) serta Pengerusi Kelab Kebajikan JMSK.

Tuan Pengarah dan seluruh warga PSA mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarhamah di atas pemergiannya yang disifatkan sebagai sebuah kehilangan besar kepada PSA. *Innalillahi wainnailaihi rojiun, Al-Fatihah.*



PENGARAH HADIR KE MAJLIS TAHLIL ARWAH PENGARAH POLITEKNIK SANDAKAN

Oleh : Hani Musfirah binti Haizal
Pelatih Pustakawan, Perpustakaan Ibnu Khaldun

Pada hari ini, warga Politeknik kehilangan seorang lagi rakan DH iaitu Pengarah Politeknik Sandakan, En. Tajul Ariffin bin Mohamed Arif yang telah kembali ke Rahmatullah. Berita mengenai pemergian Allahyarham diterima oleh Tuan Pengarah sewaktu Pengarah-Pengarah Politeknik sedang berada dalam majlis bacaan Yasin bagi memohon kesembuhan beliau. Majlis tersebut turut disertai oleh warga pesara Politeknik dan Kolej Komuniti. Majlis bacaan Yasin yang pada awalnya dirancang bersama doa selamat telah berubah menjadi majlis bacaan Yasin dan tahlil.

Sepanjang mengenali beliau, arwah seorang yang sentiasa ceria dan amat disenangi semua peringkat. Pada pagi hari ini beliau telah mengalami kecederaan di bilik air dan dimasukkan ke Hospital Kota Kinabalu seterusnya meninggal dunia pada pukul 9.30 malam hari yang sama. Hari ini juga merupakan hari lahir Allahyarham yang genap 58 tahun.

Menurut catatan dari facebook Ts. Zainab binti Ahmad Ketua Pengarah JPPKK, arwah yang berkelulusan Bachelor of Food Sciences dari University of Nottingham, United Kingdom merupakan salah seorang programmer awal dalam membangunkan beberapa homegrown application termasuk sistem pengambilan pelajar Politeknik. Selain itu, bakat beliau yang serba boleh benar-benar terserlah dengan menyandang pelbagai jawatan seperti ialah Pegawai Latihan Industri, Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan, Pegawai Multimedia dan Sumber, Pegawai Pengambilan, Timbalan Pengarah seterusnya sebagai Pengarah Politeknik Sandakan, Sabah.

Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari dan rakan-rakan PSA yang mengenali turut berduka serta mengucapkan takziah kepada keluarga beliau. Kehilangan beliau amat dirasai rakan-rakan kerana arwah banyak berjasa kepada sistem pendidikan Politeknik ini.

YASIN HOUR

Oleh : Masitah binti Ali
Setiausaha Pusat Islam


Hari : Jumaat. Setiap minggu pukul 9.00 hingga 10.00 pagi.

Anjuran : Jawatankuasa Pengurusan Pusat Islam PSA

Moderator : Ustaz Khairul Napisham bin Abdul Razak, Ustaz Hj. Muhammad Safwan bin Abdullah, Ustaz Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria, Ustaz H. Mohd Sharoni bin Ismail, Ustaz Wan Norizan bin Wan Muhamad dan Ustaz Muhammad Firdaus Naim bin Yuswan.

Program berkala Yasin Hour PSA ini merupakan suatu inisiatif galakan membaca Al-quran yang telah dicetuskan oleh Tuan Pengarah, Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail bersama Mantan Pengerusi Pusat Islam Ustaz Nasharudin bin Zainal Abidin sewaktu warga PSA mula-mula dikehendaki bekerja dari rumah (BDR) pada musim pandemik COVID-19 iaitu 18 Mac 2020. Sehingga kini Yasin Hour telah berjalan selama hampir 2 tahun.

Objektif penganjuran Yasin Hour ini adalah untuk pengisian masa dan sebagai santapan rohani warga Muslim PSA. Selain melazimi bacaan ayat-ayat suci Al-Quran staf juga dapat meningkatkan lagi pengetahuan mereka dalam ilmu akhirat melalui slot tazkirah yang akan disampaikan oleh penceramah sebaik tamat bacaan Yasin. Pemilihan tajuk tazkirah akan ditentukan oleh penceramah seperti isu semasa, sirah, fiqh, aqidah dan sebagainya. Sambutan yang diterima amat memuaskan walaupun dilaksanakan dalam talian dengan menggunakan medium Microsoft Teams dengan anggaran kehadiran peserta 60-100 orang setiap kali program dijalankan. Walaupun hanya sejam yang diluangkan bagi menjayakan program berkenaan, ia tetap memberi makna kerana alunan ayat suci yang dibaca atau didengari mampu menenangkan minda dan mendamaikan hati warga PSA.



KELAS ASAS TAJWID DAN TAHSIN AL-QURAN BERSAMA PUAN HALIMAH BINTI ISMAIL

Oleh : Jamaliah binti Jaafar
Setiausaha PUSPANITA

Hari : Rabu. Setiap minggu pukul 3.15 petang hingga 4.15 petang
Anjuran : Biro Pendidikan, PUSPANITA PSA

Biro Pendidikan PUSPANITA PSA telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan kelas asas tajwid secara mingguan yang bertujuan untuk memperbaiki bacaan Al-Quran di kalangan ahlinya. Kelas ini pada awalnya adalah bertujuan untuk memperbaiki bacaan Al-Fatihah yang merupakan surah yang wajib dibaca dengan betul terutamanya dalam solat. Oleh kerana sambutan yang sangat menggalakkan bukan sahaja dari kalangan ahli PUSPANITA PSA malahan kepada semua muslimat yang berkelapangan, kelas tersebut diteruskan pada setiap minggu.

Kelas asas tajwid ini dikendalikan oleh Puan Halimah binti Ismail. Beliau merupakan mantan pensyarah yang berkhidmat di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PSA dan di Politeknik Nilai. Beliau memilih untuk bersara secara pilihan dan kini mengikut suaminya yang berkhidmat di Kedutaan Malaysia di Iran. Beliau juga telah mendapat pentaulahan untuk mengajar Al-Quran dari JAIS dan sering menganjurkan kelas-kelas mengaji secara percuma sama ada secara dalam talian atau bersemuka.

Kelas pertama telah berlangsung pada 1 September 2021 dan sepanjang tahun 2021 sebanyak 13 kali kelas telah berjaya dianjurkan. Aktiviti dalam kelas bukan sahaja pembelajaran secara teori berkaitan makhraj huruf dan sebutan yang betul serta hukum tajwid. Peserta juga berpeluang memerdengarkan bacaan masing-masing sambil disemak dan dibetulkan oleh Pn. Halimah. Oleh kerana kelas ini mempunyai pengikut-pengikutnya yang tersendiri di kalangan muslimat, PUSPANITA PSA telah meneruskan kelas ini pada tahun 2022.

TADABBUR AL-QURAN JOURNEY TO JANNAH SIRI 1 DAN 2

Oleh : Mazni binti Muhammad

Pegawai Latihan Staf, Jabatan Pembangunan Profesionalisme

Hari : Isnin, Rabu dan Jumaat. Setiap minggu pukul 12.00 tengah hari hingga 1.00 petang

Anjuran : Jabatan Pembangunan Profesionalisme dan Kelab Kebajikan PSA

Yuran : RM 30 (staf) dan RM 50 (bukan staf)

Tadabbur Al-Quran Journey to Jannah Siri 1 Surah Al-Fatiyah hingga Surah At-Taubah

Moderator : Ustazah Ainoor Mahfuzah binti Ahmad

Maklumat pelaksanaan program : Sebanyak 25 siri kuliah telah berjaya dilaksanakan dalam Siri 1 ini.

Tadabbur Al-Quran Journey to Jannah Siri 2 Surah Al-Yunus hingga Surah An-Naml

Moderator : Ustazah Ainoor Mahfuzah binti Ahmad dan Ustazah

Nursyakirah binti Salehen

Maklumat pelaksanaan program : Sebanyak 29 siri kuliah telah berjaya dilaksanakan dalam Siri 2 ini.



LINK TECHNO HUFFAZ UNTUK KEMUDAHAN PENGGUNA

Oleh: Ustaz Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria Al-Hafiz
Pengerusi Pusat Islam

Laman sesawang Techno-Huffaz atau TechuffazLink merupakan medium yang dibangunkan pada tahun 2020 oleh Urusetia Techno-Huffaz Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dalam menyebar luas maklumat berkaitan program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-Politeknik kepada para pengguna.

TechuffazLink ini diwujudkan selaras dengan perkembangan teknologi ke arah era revolusi industri (IR4.0). Keperluan platform dalam talian yang interaktif juga menjadi salah satu rangkaian alternatif bagi siswa Techno-Huffaz PSA untuk menjalani proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Antara fungsi-fungsi yang terdapat pada TechuffazLink ini ialah:**i. Pengurusan dan pemantauan rekod hafazan siswa**

TechuffazLink menyediakan platform yang boleh diakses oleh pelajar dan ibu bapa untuk memantau prestasi hafazan setiap siswa. Kewujudan rekod pemantauan ini memudahkan para ibu bapa dan pensyarah untuk mengetahui prestasi semasa pelajar.

ii. Akses pengajaran dan pembelajaran

Akses yang ada pada TechuffazLink ini juga membantu pelajar untuk melengkapkan proses PdP khususnya pada era norma baharu. Pelajar-pelajar dapat memuat turun nota-nota pengajian tafsir menerusi pautan tersebut. Selain itu, menerusi platform TechuffazLink, pelajar-pelajar boleh menjawab kuiz yang merupakan sebahagian daripada Penilaian Berterusan dan juga boleh membuat Latihan yang disediakan bagi meningkatkan pemahaman siswa.

iii. Pusat Informasi

Pengguna yang melayari TechuffazLink ini boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan Techno-Huffaz PSA sesuai dengan matlamat platform ini dibangunkan iaitu untuk menyebar luas maklumat program Techno-Huffaz di PSA.

Untuk maklumat lanjut, layari <https://bit.ly/techuffazpsa>.

The screenshot shows the homepage of TechuffazLink. At the top, there are four main icons: 'REKOD HAFAZAN' (with 'Basis Hafazan'), 'MODUL HUFFAZ' (with 'E-LIBRARY'), 'SUKATAN HAFAZAN' (with 'Semester 1, Semester 3, Semester 2'), and 'PENILAIAN PENGUKUHAN' (with 'Kuiz' and 'Borang Litarikui'). Below these are two dropdown menus: 'ALUMNI TECHNO HUFFAZ' and 'AKTIVITI TERKINI'. The 'AKTIVITI TERKINI' menu includes links to '6 Comments', 'HALAHQAH TECHNO HUFFAZ', and 'Dispus' Privacy Policy'. The main content area features a banner for 'JOM BERSAMA KAMI' with the tagline 'Kita arah melahirkan generasi TVET Tahfiz yang holistik dan berkebolehpasaran tinggi.' and a link to 'https://mylink.ja.techuffazsa'. Another banner below it is for 'JUARA ANTARABANGSA' with information about the International Quran Competition 2021.

The screenshot shows the homepage of TechuffazLink again. At the top, there are three yellow buttons: 'TAKWIM 2021', 'YURAN TECHNO HUFFAZ', and 'TENAGA PENGAJAR'. Below these is a banner for 'TINTA PREMIER JULAI-DISEMBER 2021 EDISI 2/2021 Bil. 4'. The main banner features a graduation ceremony with two men in academic gowns and caps, one wearing a purple graduation cap. The background of the banner has large text 'ABDUL AZIZ SHAH' and '22'. At the bottom right, there is a page number '95'.

UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI PERKENAL SISTEM APLIKASI PSIKOLOGI ePSYCHOLOGY PSA

Oleh : Noraslinda binti Harun
Ketua Unit Pengurusan Psikologi

Sistem aplikasi psikologi atau e-PsychologyPSA merupakan medium alternatif Unit Pengurusan Psikologi (UPP) dalam penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling secara menyeluruh kepada warga PSA. Sistem ini diwujudkan selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan perkhidmatan dalam talian yang interaktif kepada pengguna untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan UPP. Kewujudan aplikasi ini juga berikutan keperluan perkhidmatan psikologi dan kaunseling semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020.

Platform ini boleh digunakan dalam penyaluran maklumat dan penyampaian perkhidmatan termasuk informasi semasa psikologi dan kaunseling. Perkhidmatan e-PsychologyPSA telah mencatat lebih dari 1000 orang pengguna yang telah melayari <https://bit.ly/epsychologypsa>. e-PsychologyPSA menawarkan perkhidmatan seperti ujian psikologi, kit psikologi, selfcare, motivasi dan lain-lain. Untuk maklumat lanjut, pengguna boleh melayari laman sesawang kami <https://bit.ly/epsychologypsa>.

The screenshot shows the 'PEGAWAI PSIKOLOGI/ KAUNSELOR ANDA' section of the website. It features three circular portraits of staff members: PN. NORASLINDA BT HARUN, PN. NORHAZAWATI BT AHMAD TERIDI, and PN. SITI ASROH BT MOHAMAD. Below each portrait is their name and title, followed by their status as 'Berdaftar'. The background is light purple with a subtle geometric pattern.

UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH

PN. NORASLINDA BT HARUN
Pegawai Psikologi / Kaunselor Berdaftar

PN. NORHAZAWATI BT AHMAD TERIDI
Pegawai Psikologi / Kaunselor Berdaftar

PN. SITI ASROH BT MOHAMAD
Pegawai Psikologi / Kaunselor Berdaftar

HOME PERKHIDMATAN UJIAN PSIKOLOGI KIT PSIKOLOGI SELF CARE MOTIVATIONAL TALK

MOTIVATIONAL TALK ^{oo}

"SEJAHTERA PSIKOLOGI MELAKAR KEBAHAGIAAN DIRI"

"KAMI BANTU ANDA, ANDA BANTU ANDA"

Konselor Psikologi dan Psichoterapis

- Dr. Norul Huda binti Mohd. Zainal
- Sertifikasi dan dilatih dalam berbagai teknik terapi dan konseling
- Keperluan dan IPF berkaitan wajib untuk servis
- Sesuai dengan undang-undang IPF dan Syariah

Tujuan pertemuan:

- TIPS KEKAL FIZIFIK BARI
- **Q&A Bahagia dan Selamat** 



Dr. NORUL HUDA BINTI MOHD. ZAINAL
Konselor Psikologi dan Psichoterapis

#1 Luangkan masa bersama sahabat keluarga

Ambil masa untuk bersama keluarga atau sahabat untuk mengurangkan stres.



[KLIK DISINI](#) tinyurl.com/yxwbnqfz

6 Cara Praktikal Pengurusan Stress

INOVASI

Oleh : Dr. Siti Khalijah binti Jamal

PENSYARAH

International Borneo Innovation Exhibition & Competition 2021 (IBIEC2021)
17 July - 18 Ogos 2021
Medium Dalam Talian

AUTOMATIC BENCH VISE

Nurazlinda Binti Yahya @ Muhammed
Noor Haznida Binti Bakar



AUTOMATIC BENCH VISE
GOLD AWARD & 3RD PLACE :
MACHINE, EQUIPMENT &
MANUFACTURING PROCESS



CARNIVAL OF RESEARCH AND INNOVATION (CRI 2021) 20 HINGGA 21 SEPTEMBER 2021 MEDIUM DALAM TALIAN

Iot Rescue Button Raih Gangsa Di International Virtual Innovation & Invention Challenge (Intelligent)

Oleh : Nazratulhuda binti Hashim
Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

IOT RESCUE BUTTON

Nazratulhuda Binti Hashim
Zetty Rohaiza Binti Mohd Sahak @ Ishak
Wan Majdah Binti Ton Mamad



SISWA

Gold Award Dan Tempat Kedua Keseluruhan Kategori Mesin Dan Pengilangan
Innovation And Invention Competition Through Exhibition (ICOMPEX) 2021

Oleh : Zetty Rohaiza binti Mohd Sahak @ Ishak dan Giha binti Tardan
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

- Zetty Rohaiza binti Mohd Sahak (Penyelia)
- Mohd Elias bin Daud (Penyelia)
- Giha binti Tardan (Penyelia)
- Salhana binti Sahidin @ Salehudin (Penyelia)
- Mohammad Amir Irsyaduddin bin Irawan
- Nurul Zakirah binti Rosli
- Abdul Rahman Auf bin Juanda

PRO-FILLER

Pada masa kini industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia merupakan industri yang banyak menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara manakala perkembangan teknologi pembuatan semakin maju dan moden. Sehubungan itu projek inovasi Pro-Filler merupakan satu mesin yang direka dengan fungsi 2 dalam 1 iaitu proses pengasingan biji benih kekabu dan pengisian kekabu kedalam sarung bantal secara berturutan tanpa menggunakan mesin yang berbeza. Penggunaan Pro-Filler mengurangkan penggunaan tenaga manusia semasa proses pengendalian disamping mampu memproses lebih banyak bantal dalam masa yang singkat.

Penghasilan projek inovasi Pro-Filler ini, menggabungkan empat bahagian utama mesin yang terdiri daripada tong drum bersaiz 1 liter, motor elektrik berkuasa 160W, blower elektrik 600W dan sebatang rod yang berbilah. Ciri-ciri rekabentuk mesin ini dibuat dengan mengambil kira dari segi ergonomik dan saiznya supaya menepati kesesuaian pengendali mesin samada orang yang kurang upaya (OKU) ataupun orang yang normal. Selain itu, mesin ini mampu dikendalikan oleh orang kurang upaya (OKU) termasuk warga emas untuk menjana pendapatan mereka sendiri tanpa bergantung kepada orang lain.

Penerbitan jurnal tentang inovasi Pro-Filler ini telah berjaya dibentangkan dalam International Symposium of Education and Values-4, Karabuk, Turkey pada tahun 2020. Selain daripada itu, pengiktirafan yang pernah diperolehi bagi inovasi ini adalah berjaya mendapat pingat emas serta memperolehi tempat kedua bagi kategori D iaitu mesin, peralatan & proses pengilangan dalam pertandingan Innovation and Invention Competition through Exhibition, (iCompEx) pada tahun 2021 . Seterusnya, projek ini mengorak langkah lagi dan berjaya tersenarai dalam sepuluh inovasi terbaik bagi pertandingan Inovasi dan Rekacipta (IRC) 2021 anjuran Cawangan Return To Work (RTW) PERKESO.



2 SEPTEMBER 2021 **PENCAPAIAN INOVASI PERTANDINGAN MYPOLYCC** **KOMERSIAL 2021 (POLYCCOM'21)**

Anugerah Emas dan Anugerah Pelan Perniagaan Terbaik
(MYPOLYCC Komersial 2021 (Polycom'21))
2 - 3 September 2021

- Umi Kalthom Abdullah • Roslina Ahmad • Dr. Murugadas A/L Ramdas

PENCAPAIAN INOVASI PENSYARAH



Pertandingan Rekacipta dan Inovasi Nasional 2021 (PRIN 2021)
7 - 9 September 2021, VIRTUAL COMPETITION

Rosamiza Binti Meor Razak
Norlela Binti Zaman
Muhamad Hashim Bin Ahmad

SILVER : eBook INTEGRATED MACROECONOMICS (PERTANDINGAN REKACIPTA DAN INOVASI NASIONAL 2021)

7 - 9 SEPTEMBER 2021

- Rosamiza binti Meor Razak
- Norlela binti Zaman
- Muhamad Hashim bin Ahmad

PERINGKAT KEBANGSAAN : PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH TVET 2021 (PERISA 2021)

SILVER : THE DESIGN AND RESEARCH OF PSA AGRISYNC WITH SMART FERTIGATION SYSTEM 29 - 30 SEPTEMBER 2021

- Noordini Binti Abdullah
- Muhammad Hashim Ahmad
- Ahmad Azlan Ab Aziz
- Zaharatul Akmar Zainuddin
- Nor Zarina Binti Pitdin

PENCAPAIAN INOVASI PENSYARAH



Pertandingan Rekacipta dan Inovasi Nasional 2021 (PRIN 2021)
7 - 9 September 2021, VIRTUAL COMPETITION

Rosamiza Binti Meor Razak
Norlela Binti Zaman
Muhamad Hashim Bin Ahmad

PENCAPAIAN INOVASI PENSYARAH



Borneo Innovation Festival 2021 (BIF 21)
27 - 28 October 2021, VIRTUAL COMPETITION

Norfaizah Abas
Azma Husnaiza Abdul Aziz
Nurfadillah Ahmad Mahmud



PERAK : BORNEO INNOVATION FESTIVAL (BIF 21)
ANJURAN POLITEKNIK SANDAKAN SABAH
27 - 28 OKTOBER 2021

- Norfaizah Abas
- Asma Husnaiza Abdul Aziz
- Nurfadhilah Ahmad Mahmud



YOUTUBE.COM
PROGRAM WAKAF DAN INFaq PUSAT ISLAM POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

444
People reached

9
Engagements

[Boost post](#)

Wakaf dan Infq

Pusat Islam
PSA

Doa
Hari Arafah

DOA HARI Arafah 9 ZULHIJJAH يَوْمَ عِرْقَةٍ


"Sebaik-baik doa adalah doa di hari Arafah, dan sebaik-baik zikir yang aku ucapkan dan juga diucapkan para nabi sebelumku adalah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ
وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

(Tidak ada yang berhak disembah selain Allah yang satu, tiada sekutu bagi-Nya, milik-Nya kekuasaan dan milik-Nya segala puji dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu)

(Hadis diriwayatkan oleh Al-Tirmizi)

<https://psa.mypolycc.edu.my> Technohuffaz.PSA



Selamat Hari Raya
Aidiladha



Awal Muharram
Ma'al Hijrah


Selamat Hari
Kemerdekaan
Ke-64



Selamat Hari
Malaysia



Salam
Maulidur Rasul



Selamat Hari
Deepavali



Selamat Hari
Hari Natal

SEKALUNG PENGHARGAAN

YBRS. TS. ZAINAB BINTI AHMAD

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

YBrs. Ts. HJ. MOHAMAD AMIN BIN HAMAT

Timbalan Ketua Pengarah (Governan)
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

YBrs. DR. ZUBAIDAH BINTI AMAN

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

YBrs. MEJAR (K) MOHD NOOR BIN SHAHUDIN

Pengarah Kanan (Akademik)
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi

YBHGS. DATO' HAJI ZAMANI AHMAD BIN MANSOR

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Shah Alam



ENCIK HASRI BIN HAMIDAN

Senior Vice President
Content Development & Programme Management
Malaysian Insurance Institute



ENCIK SHAHIRUL BIN AMRAN

Pengarah Perniagaan
YTL Communications Sdn. Bhd



TUAN HAJI MAHPAR BIN ATAN

Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia



PUAN NOOR AINI BINTI SAMOON

Pengarah
Lembaga Pembangunan
Pelaburan Malaysia Negeri Selangor



YBHG. DATUK DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN
Mantan Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya



DATO' SRI ABD JALIL BIN HASSAN
YDH Komisioner Polis
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah



TUAN HAJI MOHAMMAD SHAHRIZAL BIN MOHAMMAD IDRIS
Pengarah Urusan
Gfm Services Berhad







PSA... PASSIONATE, SYNERGISE, AGILE

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
PERSIARAN USAHAWAN, SEKSYEN U1
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel : +603-5163 4000
Fax : +603-5569 1903
Website : www.psa.edu.my